

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, Jumaat 13 November 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)  
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)  
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)  
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)  
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## TIDAK HADIR

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

## TIDAK HADIR

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama enam (6) bulan mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mmpengerusikan Mesyuarat)**

**YB TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula.

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan Bacaan Doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

**II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT :**

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2009

Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan *Special Select Commettee Accountability and Transperancy (SELCAT)*.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**III. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**YB TUAN SPEAKER:** Silakan Balakong.

**YB TUAN YAP LUM CHIN:** Tuan Speaker, soalan 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK: 'SELANGOR RETRENCHMENT HELPLINE'**

50. Sejak dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada 7 Mac 2009.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah bilangan pekerja yang telah berdaftar?
- b) Berapa ramaikah yang telah mendapat pekerjaan semula?
- c) Apakah kemudahan-kemudahan yang ada di dalam program ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, soalan mengenai 'Selangor *Retrenchment Helpline*' dan berapa ramaikah bilangan pekerja yang telah mendaftar dan berapa ramai yang telah mendapat pekerjaan semula dan apakah kemudahan-kemudahan dalam program ini?

Pertama, *Helpline* ini telah dilancarkan awal tahun ini dan masih beroperasi tapi dari segi pemberhentian kerja tidak ada lagi. Sehingga 29hb. Oktober, 2009 seramai 4,627 orang telah berdaftar melalui 'Selangor *Retrenchment Helpline*' yang terdiri dari 2,777 lelaki dan 1,850 perempuan. Majoriti yang berdaftar adalah daripada kalangan pekerja sektor di kalangan bukan eksekutif. Dan Selangor *Retrenchment Helpline* yang telah dilancarkan dalam usaha mengenal keberkesanan Selangor *Retrenchment Helpline* ini soal selidik yang kita buat, kita ada buat soal selidik, 47% orang yang telah mendapat pekerjaan. Manakala 53%, 47 dapat pekerjaan, 53% masih belum mendapat pada ketika itu. Dan kebanyakan hampir 45% *confirm* ataupun menyatakan mereka perolehi pekerjaan melalui Selangor *Retrenchment Helpline* dan 54% walaupun mereka telah mendaftar dekat Selangor *Retrenchment Helpline* mengatakan dia memperoleh pekerjaan melalui sumber lain. Selangor *Retrenchment Helpline* yang dibangunkan adalah hasil kerjasama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Selangor dengan Syarikat Jobstreet Communication Sdn. Bhd. bertujuan mengumpul maklumat-maklumat pekerja yang diberhentikan di Negeri Selangor dan pada masa yang sama membantu mencari mereka pekerjaan. Sistem ini masih ada lagi dan boleh dilayari oleh mereka-mereka yang berminat melalui laman wab [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my) dan ini telah kita lakukan. Dan selain daripada itu kita juga menerusi ada sokongan menerusi program Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Zakat Selangor juga menawarkan bantuan untuk mereka-mereka yang kalau benar-benar memerlukan pertolongan selama enam bulan supaya kalau dia dah dapat pekerjaan kita tidak payah menolong memberikan beberapa sumbangan tersebut.

Kerajaan Negeri Selangor turut menawar peluang latihan kepada pekerja yang diberhentikan untuk mendapat latihan-latihan pengiktirafan dan pentauliahahan dari jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia sebagai sebuah agensi Kementerian Sumber Manusia. Kos latihan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian tersebut iaitu dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia yang mengambil masa satu hingga enam bulan ataupun mengikut modul kursus. Di samping para pelatih tidak kena bayar untuk mengikuti latihan, diberi elaun minimum sebanyak RM500.00 sebulan sehingga RM800.00 sebulan bergantung kepada kelayakan dan juga status sama ada bujang ataupun berkahwin. Dengan ini membolehkan mereka dapat diserapkan masuk ke pekerjaan-pekerjaan yang sesuai supaya dapat meningkatkan pendapatan mereka.

**YB TUAN SPEAKER:** Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD RANI BI OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: CUTI KHAS UNTUK WANITA**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah pelaksanaan 90 hari cuti bersalin kepada wanita bekerja di Negeri Selangor seperti yang dijanjikan di dalam manifesto?
- b) Apakah pemberian 14 hari cuti kepada suami yang isterinya bersalin akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?



- c) Bagaimanakah pula cuti sebulan kepada wanita kematian suami yang dijanjikan di dalam manifesto?

**YB TUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Meru. Ingin saya nyatakan di sini bahawa kemudahan cuti bersalin 90 hari kepada wanita bekerja, 14 hari kepada suami yang isterinya bersalin dan cuti sebulan kepada wanita yang kematian suami telah pun dilaksanakan terhadap ataupun kepada pegawai yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mulai pada 1 Januari 2009 melalui Pekeliling SUK Bilangan 1/2009. Sehingga 31 Oktober 2009, permohonan cuti yang telah diterima dan yang diluluskan adalah seperti berikut :-

Jenis Kemudahan	Bil. Permohonan Diterima	Bil. Kelulusan
Cuti Bersalin 90 Hari	7	7
Cuti Isteri Bersalin	2	2
Cuti Kematian Suami	-	-

Untuk makluman, untuk pemberian cuti bersalin kepada atau pemberian 14 hari cuti kepada suami yang isterinya bersalin ia dikuatkuasakan hanya kepada suami yang mendaftarkan isterinya di bawah, kepada memaklumkan tentang jumlah isterinya maknanya isteri pertamalah buat masa ini. Isteri kedua, ketiga dan sebagainya, ianya tidak dipertimbangkan kecuali didaftarkan terlebih dahulu. Tentang cuti kematian suami, buat masa ini tidak ada permohonan Tuan Speaker. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Ia, Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya setujuilah pelbagai kebajikan dan kemudahan pelepasan diberikan kepada golongan hawa, golongan wanita ini menunjukkan kerajaan kita prihatin. Namun begitu soalan tambahan saya ialah saya ingin mengetahui, ingin penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, adakah Kerajaan Negeri membuat kajian terperinci yang *detail* tentang cuti-cuti yang kita berikan ini yang banyak ini sama ada khusus kepada wanita akan menjejaskan produktiviti atau dan pentadbiran Kerajaan Negeri, adakah kita buat kajian? Terima kasih.

**YB TUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sekinchan saya ingat dia hendak tanya soalan yang nombor dua itu tapi tak apa. Tentang kajian sebenarnya sebelum Kerajaan Negeri meluluskan perkara ini kajian telah pun dibuat. Sebagai negeri yang berkebakjian sebenarnya fokus utama kita adalah untuk menyatakan bahawa Kerajaan Negeri begitu mementingkan institusi keluarga dan kajian telah dibuat iaitu 3 bulan ataupun 90 hari merupakan tempoh yang paling cukup untuk kedua-dua ibu dan anak itu mendapat satu intermanisi, minasi ataupun satu keakraban sebelum ianya boleh dipisahkan. Tapi saya rasa ini tidak ada kaitan dengan produktiviti kerana jika masalah ibu dan anak itu diselesaikan lebih awal, tidak ada isu ianya akan berlarutan dan sebagainya. So itulah jawapan daripada saya Tuan Speaker. Terima kasih.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Soalan tambahan.

**YB TUAN SPEAKER:** Ia, Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Kota Damansara ingin tahu adakah keistimewaan ini diberi kepada syarikat swasta?

**YB TUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Kota Damansara, buat masa ini pemberian ini dimulakan hanya untuk pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan saya sebagai EXCO yang mementingkan isu-isu wanita ini saya menyarankan supaya pihak swasta juga mengikut langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk memberikan cuti bersalin ini tambahan 30 hari. Bukan sahaja swasta sebenarnya, pihak Persekutuan juga belum lagi melaksanakan cuti bersalin sebanyak 90 hari ini. Sekian.

**YB TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa. Tidak hadir. Sungai Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, soalan yang ke 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BI RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: USAHAWAN**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah usahawan baru yang dihasilkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009 dan apakah fokus bidang yang diceburi?
- b) Apakah program untuk membantu usahawan di Selangor bagi menghadapi masalah kegawatan ekonomi sekarang?

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAFARI:** Tuan Speaker, saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Air Tawar yang tiap-tiap kali sidang, dia sangat prihatin dengan tugas saya sebagai usahawan dan beliau merupakan bekas EXCO yang bertanggungjawab untuk tugas-tugas ini. Bagi soalan pertama, bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha membentuk usahawan baru adalah memberi latihan dan kursus berkaitan asas-asas keusahawanan. Pada tahun 2009 seramai 1,247 yang telah menjalani kursus yang telah dianjurkan. Di samping itu Kerajaan Negeri sedang membangunkan program Satu Kampung Satu Produk bagi melahirkan usahawan-usahawan baru dengan cara melantik mentor untuk melatih dan memasarkan produk-produk yang dihasilkan. Fokus utama untuk 2009 ialah masih lagi kekal untuk perkhidmatan makanan dan perkhidmatan.

Bagi soalan kedua, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta setahun untuk membantu usahawan-usahawan kecil dalam usaha membantu mereka meningkatkan pengeluaran produk. Khidmat nasihat diberi kepada mereka, kepada yang telah berniaga dan program *upgrading* program terus bermotivasi, khidmat nasihat pemasaran dan pengurusan kewangan. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Mungkin ada pelbagai jenis produk yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan baru. Jadi saya ingin

bertanya bagaimanakah pendapatan mereka sebelum dan selepas dibantu menjadi usahawan baru ini. Yang ke dua, apakah kekurangan bekalan mentah seperti ubi kayu dan pisang kepada usahawan-usahawan yang telah berjaya menjejaskan pengeluaran produk-produk mereka dan bagaimana agaknya kaedah mengatasinya untuk diambil tindakan. Sekian.

**YB TUAN HJ. YAAKOB SAPARI:** Kepada usahawan baru ternyata bahawa selepas diberi bantuan pendapatan mereka meningkat. Sasaran sekurang-kurangnya 1500 tercapai. Bagi usahawan sekurang-kurangnya 3000 sebulan dicapai. Soalan tahun lalu juga...soalan penggal lalu juga sama soal bekalan makanan mentah. Masalah utama negeri Selangor ialah kawasan tanah yang terhad, yang sesuai untuk bahan ubi dan pisang ialah kawasan Sepang, Sabak Bernam dan Kuala Langat. Kawasan-kawasan tersebut telah pun diguna pakai semua sekali. Untuk pengeluaran pasaran dalam negeri bekalan adalah mencukupi tapi bila pengusaha-pengusaha kita sudah masuk pasaran eksport kita dapati bekalan tersebut tidak mencukupi. Dan usaha kena dibuat supaya mereka menanam di kawasan luar daripada Selangor.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan, Kajang.....

**TUAN SPEAKER:** Kajang.....

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kajang nak minta tanya, dalam program memberi latihan pada usahawan adakah kemudahan kewangan seperti Makro Kredit disediakan untuk membantu mereka dalam usaha.....

**YB TUAN HJ. YAAKOB SAPARI:** Kerajaan Negeri tidak mempunyai dana untuk bantuan Makro Kredit. Walau bagaimanapun untuk usahawan kecil khususnya wanita program bersama dengan Amanah Ikhtiar dijalankan yang mana Amanah Ikhtiar satu agensi yang telah berjaya membangunkan usahawan-usahawan akan bersama dengan program kita untuk membantu usahawan-usahawan wanita khususnya.

**TUAN SPEAKER:** Sri Serdang.....tidak hadir...Sg. Burong

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN B. LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. DATO' HJ. MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PENCEMARAN SUMBER AIR**

55. Selangor kerap mengalami beberapa kejadian pencemaran sumber air seperti di sungai Langat dan Gombak yang menyebabkan operator air memberhentikan operasi dan menyebabkan berlaku gangguan air:

a) Apakah usaha dan pendekatan yang dilakukan untuk memastikan sumber air Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Ahli-ahli YB, memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan pelbagai usaha telah diambil untuk tujuan tersebut. Bagi memelihara dan memulihara sumber-sumber air, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam
- ii. Jawatankuasa Pasukan Petugas Pengawasan Pencemaran Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor(LUAS) dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Terdapat juga dua Ahli EXCO iaitu aa....Ahli EXCO yang bertanggungjawab tentang urusan...aa...sumber asli dan juga Exco yang bertanggungjawab tentang isu-isu Alam Sekitar yang juga memantau tentang isu-isu pencemaran di Sungai. Selain itu sekiranya sesuatu pencemaran sungai berlaku, Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air yang diurusetikan oleh Lembaga Urus Air Selangor(LUAS) dan dianggotai oleh jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat konsesi operator air yang berkenaan akan membuat siasatan bagi mengenal pasti punca pencemaran tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi masalah pencemaran tersebut termasuklah mengambil tindakan undang-undang. Dalam usaha menjaga kesihatan sungai-sungai di Selangor, Kerajaan Negeri adalah tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai. Tindakan terhadap pencemar boleh diambil melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979 bagi kes-kes yang melibatkan pencemaran dari aktiviti Perindustrian 2) Enakmen LUAS 1999 , 3) Akta Kerajaan Tempatan. Dalam pada itu, bagi memantapkan penguatkuasaan terhadap aktiviti pencemaran sumber air, Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS sedang menyediakan Peraturan-peraturan(Pelepasan Bahan Pencemar) LUAS 2009 bagi mengawal bahan pencemar yang masuk ke dalam sumber air sekali gus dapat mengurangkan kesan terhadap kualiti air sumber air. Selain itu, Kerajaan Negeri juga berusaha menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin sumber air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan melalui LUAS adalah:

- 1) Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok Bakau di Pantai Tanjung Harapan,
- 2) Program Qua-qua yang melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti air sungai yang telah dilancarkan pada 29 Jun 2008, 3) Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak
- 4) mengadakan ceramah-ceramah dan pameran-pameran dari semasa ke semasa.

Di samping itu pada masa kini perkembangan teknologi telah memungkinkan air mentah diproses dengan untuk mencapai tahap kualiti air yang lebih baik. Jadi ini bermaksud kalau operator-operator loji air sekarang mempunyai teknologi sepatutnya mempunyai teknologi yang cukup baik supaya apabila air yang sampai ke rumah-rumah kita semua ianya ada ada standard sedikitlah. So, akhirnya bilangan kes-kes yang dibawa ke mahkamah kerana kesalahan “*discharged*” ke dalam sungai-sungai pada tahun 2009 sampai bulan September, kita Jabatan Alam Sekitar telah memfailkan 40 kes, pada tahun 2008, 70 kes, pada 2007, 66 kes

dan pada tahun 2006 18 kes. Jadi, dari tahun 2006 sampai 2009 terdapat 194 kes yang difailkan di mahkamah.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Pencemaran air berlaku di Sg. Langat oleh kerana pembuangan sampah di Sg. Kembong, Bangi. Walaupun tempat ini telah ditutup tetapi dia masih di ceroboh berterusan, pembuangan sampah di Sg. Kembong tersebut. Jadi apa tindakan yang nak diambil supaya tidak berlaku pencemaran berterusan, bukan setakat air sahaja tetapi juga udara kerana penduduk di Sri Putra dan Bukit Mahkota selalu membuat aduan kepada ADUN Bangi. Yang ke dua mengapakah Sg. Sepang selalu mengalami pencemaran air di situ. Terima kasih.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih YB dari Bangi. Mengenai isu pencemaran di Sg. Kembong, dan saya ingin maklumkan kepada semua bahawa Jabatan Alam Sekitar dan juga pejabat saya telah menerima aduan tentang isu di mana pelupusan sampah yang memang tidak dibenarkan telah berlaku. Kita telah membuka fail siasatan terhadap kes tersebut. Keduanya, kita telah memberi amaran kepada pengusaha di sana supaya tapak pelupusan sebenarnya sepatutnya ditutup dan dipulihara bukan dibuka dan dijalankan lagi kegiatan-kegiatan untuk membuang sampah di sana diteruskan. So, saya harap pada masa yang terdekat kes pencemaran Sg. Kembong air sungai di sana dan juga udara dan sebagainya boleh ditangani dengan segera. Dan saya juga ingin maklum pada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini bahawa selain daripada aduan-aduan yang kita terima daripada pihak awam kita juga rasa sangat apa sangat gembira kalau ADUN-ADUN juga memfailkan kes-kes tersebut. Saya ingin maklum bahawa ADUN YB dari Semenyih telah failkan kes ini dan kita telah bertindak dengan serta-merta.

**YBTUAN WONG KUOON MUN:** Soalan tambahan tuan

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Sepang tak jawab

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya ingin tanya itu tentang Loji Salak Tinggi. Isu Loji Salak Tinggi pada pendapat Jabatan Alam Sekitar juga pejabat saya, isunya Sistem *Treatment Plant*, dengan izin di sana tidak boleh....menampung rawatan ammonia yang dikategorikan di atas dengan izinnya "*above the drinking water quality*" dibawah Kementerian Kesihatan. Jadi kalau ada sedikit kenaikan mereka menutup loji tersebut. Kalau ada terdapat pertukaran warna air, mereka tutup loji. Kita telah berbincang dengan pihak pengusaha konsesi di sana supaya mereka menaiktarafkan teknologi rawatan air di sana kerana kita juga terdapat....kita boleh melihat dan juga didapati di banyak tempat yang lain teknologi-teknologi yang sedia ada boleh merawat kenaikan ammonia yang memang sedikit, bukan ....ini bukan satu kenaikan yang ketara tapi 0.1, 0.5 atau 1, 2 mmg. Jadi inilah syor yang kita telah beri kepada konsesi rawatan air tersebut. Walau bagaimanapun saya juga ingin maklum pada Ahli-ahli YB bahawa kes-kes tersebut juga ada kaitan dengan "*negotiation*" dengan izin, antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Selangor tentang "*take over of water concession*". Jadi saya rasa saya *stop* di sini.

**YBTUAN WONG KUOON MUN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu..

**YBTUAN WONG KUOON MUN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, selain daripada pencemaran sungai daripada Industri, bagaimana pencemaran daripada kegiatan curi pasir ataupun kegiatan mengorek pasir sungai dan apakah penguatkuasaannya. Sekian.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kuala Kubu Bharu. Ini adalah satu isu yang saya selalu utarakan kepada Ahli-ahli EXCO dan juga Jabatan-jabatan yang berkenaan iaitu pencurian pasir. Saya tidak boleh menafikan bahawa pencurian pasir tidak ada *effect* atas kualiti sungai, kualiti air sungai. Dan saya juga bersetuju dengan pendapat Kuala Kubu Bharu kalau kita tidak memantau ataupun menangani isu pencurian sungai pencurian pasir dan juga penggalian pasir di tepi sungai, dalam sungai memang sumber air kita akan terjejas. Jadi apa yang penting adalah 1) Kalau ada penggalian pasir sungai yang sah bukan haram, yang sah. Syarikat-syarikat tersebut mesti hantar satu yang dipanggil (dengan izin) *environmental management plan* kepada Jabatan Alam Sekitar supaya mereka boleh memantau dan juga terdapat syarat-syarat yang amat ketat tentang penggalian pasir sungai. Dua, untuk menangani isu pencurian pasir yang, ia boleh. Pencurian pasir itu haramlah yang itu salah. Pendapat saya adalah *that's must be*. Pendapat saya adalah kita perlukan satu *team* pemantau yang khas, tidak kira di peringkat mukim ataupun di peringkat daerah tetapi satu *team* yang hanya untuk tugas mereka adalah hanya untuk memantau adakah pencurian pasir tersebut di kawasan-kawasan di merata negeri Selangor kalau kita ada *team* tersebut kalau kita boleh mengerakkan *team* tersebut saya rasa kes-kes pencurian pasir akan dikurangkan tapi saya memang setuju bahawa pencurian pasir ada kesan yang buruk ke atas kualiti air sungai.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, Soalan No. 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK: PEGAWAI KERAJAAN**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya terdapat kakitangan kerajaan yang mengaku terbabit dalam tindakan salah laku?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keefisienan kerja?

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Rawang yang bertanya apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya terdapat kakitangan kerajaan yang mengakui terbabit dalam tindakan salah laku.

Penjawat awam di Negeri Selangor dikehendaki mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2006. Kewajipan ini telah dinyatakan secara jelas di bawah peruntukan berikut:

- (i) Peraturan 3A(1), Peraturan-peraturan yang sama iaitu 'seseorang pegawai hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan peraturan ini'; dan

- (ii) Peraturan 3A(2), Peraturan-peraturan yang sama iaitu 'pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-peraturan ini'.

Selain itu, penjawat awam juga dikehendaki memberikan taat setia kepada DYMM Sultan Selangor, Negeri dan Kerajaan di mana seseorang penjawat awam dilarang sama sekali melanggar tata kelakuan berikut:

- (a) membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan peribadi;
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah membiarkan kepentingan peribadi menjejaskan kebergunaannya sebagai penjawat awam, menggunakan kedudukan awamnya bagi faedah peribadi, mencemarkan nama Perkhidmatan Awam, kurang cekap, kurang berusaha, menyeleweng, tidak bertanggungjawab, membawa pengaruh luar, ingkar perintah dan cuai dalam melaksanakan tugas.

Dalam konteks sekiranya terdapat seseorang kakitangan Kerajaan yang mengaku terlibat dalam salah laku, maka pihak pengurusan Jabatan atau Agensi boleh mengambil tindakan tatatertib (jika terbukti) melalui Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan perlu menimbang fakta-fakta kes sedia ada dan representasi pegawai terhadap pertuduhan-pertuduhan yang dinyatakan. Prosedur ini juga membenarkan siasatan lanjut dijalankan oleh Jawatankuasa Siasatan untuk mendapatkan bukti-bukti yang mengesahkan salah laku kakitangan berkenaan.

Sekiranya kakitangan berkenaan dibuktikan bersalah, maka tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadapnya di bawah Peraturan 38, Peraturan-peraturan yang sama iaitu sama ada satu atau dua atau mana-mana kombinasi hukuman berikut:-

- (a) Amaran;
- (b) Denda (maksimum tujuh hari bekerja);
- (c) Lucut Hak Emolumen;
- (d) Tangguh Pergerakan Gaji (sama ada 3, 6, 9 atau 12 bulan);
- (e) Turun Gaji (maksimum diturunkan tiga pergerakan gaji dalam tempoh tiga tahun);
- (f) Turun Pangkat (diturunkan ke gred yang lebih rendah dalam skim perkhidmatan yang sama); atau
- (g) Buang Kerja (hukuman maksimum).

Berdasarkan rekod sepanjang tahun 2009 (Januari hingga September) bagi semua 42 Jabatan atau Agensi Negeri Selangor, sebanyak 129 kes tatatertib telah dikenakan terhadap penjawat awam Negeri Selangor yang melanggar tata kelakuan sebagaimana ditetapkan. Daripada

Jumlah berkenaan, 124 orang iaitu 96% terdiri daripada kakitangan Kumpulan Sokongan manakala hanya 5 orang atau 4% terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Majoriti kes salah laku yang dicatatkan adalah kes ketidakhadiran bertugas (tanpa kebenaran Ketua Jabatan atau tanpa sebab yang munasabah) mencatatkan sebanyak 64 kes ataupun 50%.

Soalan keduanya, Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keefisienan kerja?

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam usaha meningkatkan tahap keefisienan kerja di kalangan penjawat awam serta mutu sistem penyampaian Perkhidmatan kepada *stakeholders* dan pelanggan secara keseluruhannya dari semasa ke semasa. Setiap agensi Kerajaan adalah bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi kehendak pelanggan meliputi aspek perkhidmatan yang cekap, cepat, tepat, selamat, menepati masa, boleh dipercayai dan yang lebih penting mudah diperolehi.

Kerajaan Negeri juga telah memberi tumpuan kepada usaha-usaha memperkemas struktur organisasi dan pengurusan sumber manusia sektor awam. Tindakan ini diambil atas kesedaran bahawa struktur organisasi yang kemas dan teratur disertai dengan jumlah saiz anggota yang sesuai serta mempunyai latar belakang latihan dan cukup membolehkan Perkhidmatan Awam mengoptimumkan penggunaan sumbernya secara lebih cekap dan berkesan. Dalam aspek pengurusan sumber manusia, penekanan terus diberikan ke arah menyediakan peluang-peluang latihan kepada penjawat awam di semua peringkat bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang serta memupuk nilai, sikap dan etika kerja yang sesuai dengan perubahan persekitaran serta dengan tanggungjawab yang diamanahkan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri sedang berusaha menyemai Budaya Kecemerlangan bertujuan membina suatu corak minda yang berteraskan misi yang kukuh, berkebolehan untuk memberi keutamaan kepada perkhidmatan yang berkualiti secara berkesan dan berupaya untuk menggalakkan dan mengekalkan inovasi dan kreativiti. Pelbagai garis panduan dan program diperkenalkan untuk membantu proses pembudayaan. Program-program seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja, Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat, Borang Tindakan Kerja dan Garis Panduan Mengenai Perkhidmatan Kaunter telah diperkenalkan untuk membantu penjawat awam menjalankan tugas masing-masing sebaik mungkin. Selain itu, insentif dalam bentuk penganugerahan seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Pengurusan dan Pentadbiran Pejabat Cemerlang, Anugerah Prestasi Kutipan Hasil Cemerlang dan sebagainya diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada individu dan Jabatan atau Agensi yang menunjukkan prestasi yang terbaik sebagai galakan dan penghargaan ke arah mencapai tahap kecekapan yang maksimum.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Program Pengurusan Kualiti Menyeluruh yang mengehendaki semua agensi awam menggubal misi dan visi masing-masing dari semasa ke semasa melalui proses perancangan yang strategik. Misi dan visi ini direncanakan berasaskan kehendak-kehendak semasa dan bertujuan menginstitusikan objektif keutamaan kepada pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan masing-masing. Dalam konteks ini, semua agensi Negeri Selangor telah diarahkan untuk menyusun semula sistem dan prosedur yang standard dan mematuhi persijilan MS ISO 9001. Sistem dan prosedur ini akan dinilai saban tahun bagi memastikan ia relevan dan memenuhi kehendak semasa.



Seterusnya, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Prestasi secara komprehensif merangkumi aspek sasaran kerja tahunan yang spesifik, penghasilan kerja, kepimpinan, penglibatan atau sumbangan kepada masyarakat dan nilai-nilai murni di kalangan penjawat awam. Sistem ini memastikan bahawa penjawat awam sentiasa fokus dan memberikan penumpuan sepenuhnya kepada tugas-tugas yang diamanahkan di samping memberikan sumbangan kepada masyarakat sekeliling. Sistem ini digunakan bagi menilai tahap prestasi kerja sepanjang tahun penilaian bagi setiap penjawat awam oleh Ketua Jabatan masing-masing. Saya ingin menambahkan di sini bahawa walaupun SPEIS telah di mulakan untuk pihak penjawat awam tetapi kita mendapati ada masalah sedikit di mana kita tidak mampu melibatkan lagi Ketua-ketua Jabatan yang sebagai *decision maker* (dengan izin) ya tetapi hanya kumpulan-kumpulan sokongan. Jadi kita dalam masa yang terdekat ini, Insya-Allah saya akan bersama-sama dengan Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Bahagian Sumber Manusia bagi memastikan dan mewajibkan semua Ketua-ketua Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan akan melalui Kursus Asas SPEIS ini supaya mereka ini benar-benar akan kita selari dan selaraskan dengan hala tuju Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor supaya mereka boleh memahami dan menyelami dan menghayati segala perancangan kita.

Bagi meningkatkan lagi tahap kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta serta mengurangkan kerenah birokrasi, Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan Selangor (PEMUDAH Selangor) pada 19 Mac 2009. Pasukan ini ditubuhkan atas kesedaran bahawa salah satu faktor utama untuk terus berada di hadapan dalam persaingan global adalah dengan menambah baik atau meningkatkan tahap kompetitif, mempermudah dan memperkemaskan sistem penyampaian perkhidmatan. Pasukan yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini memfokuskan usaha mengkaji dan menyelesaikan isu-isu serta masalah-masalah utama dari sudut kesukaran dan kelewatan yang timbul dalam menyampaikan perkhidmatan kini. Dalam mencapai objektif ini, beberapa *Focus Group* telah diwujudkan untuk meneliti dan menangani isu-isu yang berbangkit iaitu:

- (a) Focus Group One Stop Centre;
- (b) Focus Group Kebenaran Pindah Milik Tanah;
- (c) Focus Group Hak Milik Strata;
- (d) Focus Group Selangor Investment Fund;
- (e) Focus Group Crime Prevention and Security;
- (f) Focus Group Joint Management Body;

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Sistem Kad Prestasi atau *Balances Scorecard* di semua agensi Kerajaan bagi membolehkan laporan pencapaian prestasi program atau aktiviti organisasi dapat disediakan secara objektif dengan menggunakan indikator-indikator yang bersesuaian. *Smart partnership* dengan agensi yang mencatatkan prestasi cemerlang seperti Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) juga dilaksanakan di mana agensi boleh mempelajari dan mempraktikkan amalan atau budaya kerja terbaik di agensi masing-masing.

Penggunaan meluas teknologi maklumat di dalam penyampaian perkhidmatan sangat digalakkan di mana Kerajaan Negeri sedang berusaha mewujudkan *paperless civil service* atas

kesedaran bahawa Perkhidmatan Awam perlu memanfaatkan sepenuhnya perkembangan teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusannya. Hal ini bertujuan bagi membolehkan Perkhidmatan Awam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Tumpuan terus diberikan kepada penggunaan teknologi maklumat dan automasi pejabat yang dapat mengurangkan penggunaan kertas dan dalam masa yang sama menjimatkan masa dan kos.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif yang proaktif dalam memperkasakan penggunaan aplikasi teknologi maklumat terkini terutamanya perkhidmatan secara atas talian atau *on-line* bagi memudahkan masyarakat berurusan secara langsung dengan agensi yang berkaitan. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah pembayaran cukai tanah, cukai taksiran, pinjaman pelajaran, zakat, semakan dan pembayaran kompaun, semakan dan tempahan gelanggang sukan atau rekreasi, semakan dan pembaharuan lesen dan aduan awam.

Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan sistem pengurusan aduan secara bersepadu melalui Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor atau STARS. Sistem ini boleh dicapai melalui laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor dan diuruskan oleh Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Aduan-aduan yang diterima akan dikemukakan ke agensi yang berkenaan untuk diambil tindakan yang selanjutnya. Jawatankuasa Pengaduan Awam Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berperanan memantau status penyelesaian aduan secara berkala serta memastikan pengurusan aduan dilaksanakan secara teratur dan efektif.

Selain itu, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dalam meningkatkan tahap integriti di kalangan penjawat awam secara konsisten dan Pentadbiran ini bekerjasama rapat dengan Institut Integriti Malaysia dalam mengadakan program atau aktiviti yang berorientasikan penyuburan integriti dan moral penjawat awam. Antara inisiatif program atau aktiviti yang dilaksanakan adalah bengkel, seminar atau kursus berkaitan integriti, mengemas kini serta menyebarkan intipati Pelan Integriti Nasional dan sebagainya. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Saya berharap lain kali kalau soalan tu, jawapan tu panjang sangat buatlah dalam jawapan bertulis. Dah 4 muka surat, saya rasa dah makan masa sangat sesi soal jawab ni, saya rasa sudah lengkap dah, dah 4 muka surat lagi ada soalan? Saya rasa cukup ni. Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan 57

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PPRT DI BAWAH PKPS DAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN**

57. Peratus agihan bantuan PPRT bagi tempoh 2004-2008 adalah 140 unit iaitu (97%) bagi keluarga Melayu dan 4 unit iaitu (3%) bagi Bukan Melayu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kriteria yang digunakan oleh PKPS untuk membuat agihan berdasarkan kaum yang kelihatannya tidak seimbang seperti ini?
- b) Apakah Kerajaan memberikan garis panduan kepada PKPS agar mengagihkan bantuan selaras dengan peratusan kadar kemiskinan menurut kaum?
- c) Apakah garis panduan yang diberikan oleh Kerajaan ketika melantik PKNS, PNSB, KDEB, MAIS, PUAS dan TNB bagi menaja kos pembinaan dan membaik pulih rumah-rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, Program Kerajaan Prihatin atau bantuan rumah PPRT adalah salah satu program Kerajaan Negeri dalam usaha membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan untuk memiliki rumah yang selesa untuk didiami. Agihan bantuan yang telah diberikan dan diluluskan sepanjang pelaksanaan program adalah berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Setiap permohonan yang diluluskan perlulah mematuhi syarat-syarat dan peraturan Kerajaan Prihatin tanpa mengira masa, agama dan kaum.

Tuan Speaker, PKPS hanyalah bertindak sebagai salah satu daripada Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab untuk menaja dan membaiki kos-kos bina-baru dan baik pulih rumah yang telah diputuskan di dalam mesyuarat bantuan Kerajaan Prihatin. Kriteria untuk mengagihkan bantuan rumah prihatin adalah berdasarkan kepada syarat-syarat bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin dan bukan berdasarkan mengagihkan mengikut kaum.

Tuan Speaker, Garis Panduan untuk mengagihkan bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin adalah mengikut syarat-syarat bantuan rumah Program Kerajaan Prihatin sehinggalah November 2009 sebanyak 3,021 bantuan sama ada bantuan bina baru mahupun baik pulih telah diberikan kepada pemohon-pemohon yang layak melalui Mesyuarat Pemilihan Bantuan Rumah Program Bantuan Kerajaan Prihatin tanpa mengirakan kaum asalkan syarat-syarat permohonan dipatuhi seperti rumah yang didiami adalah dalam keadaan daif dan tidak sesuai diduduki serta pemohon hendaklah mempunyai tapak atau tanah untuk dibina rumah baru.

Pada tahun 2007, Kerajaan pada waktu itu telah membina 110 rumah untuk PPRT . Pada tahun 2008, Kerajaan Pakatan Rakyat membenakan 260 rumah untuk keluarga-keluarga miskin dan pada tahun ini tahun 2009 kita sampai sekarang telah meluluskan pembinaan untuk 289 rumah PPRT.

Sepanjang tempoh pelaksanaan program, enam (6) Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor iaitu PKPS, PNSB, PKNS, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Worldwide Holdings Berhad dan KDEB telah bertanggungjawab dalam memberikan sumbangan dan penajaan untuk membaiki kos pembinaan dan baik pulih yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat. Bukan sahaja PKPS, malah semua anak syarikat yang menyumbang di dalam program ini turut tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di mana pembahagian penaja juga diputuskan semasa mesyuarat yang bersidang pada setiap bulan.

Tuan Speaker, Konsep pelaksanaan program ini menjurus kepada usaha untuk membantu golongan termiskin di Negeri Selangor melalui bantuan bina baru dan baik pulih berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Selain bertanggungjawab itu, membangunkan ekonomi Negeri Selangor menerusi program ini Syarikat bertanggungjawab dalam menunaikan tanggungjawab sosial (*Corporate Social Responsibility*) demi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan sebuah negeri yang seimbang dari aspek pembangunan fizikal dan sosial. Menerusi program ini anak-anak syarikat dan anak-anak syarikat menyalurkan sumbangan RM 1 juta setiap tahun untuk membaik kos-kos pembinaan dan baik pulih manakala TNB dan Syabas juga membantu dengan mengenakan deposit minimum untuk pemasangan bekalan air dan elektrik pada setiap rumah Program Kerajaan Prihatin.

Sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Anak-anak Syarikat sejak tahun 2001 telah banyak membantu Kerajaan Negeri dalam usaha membasmi kemiskinan tegar di Negeri Selangor. Setiap sumbangan Anak-anak Syarikat juga turut akan mendapatkan pelepasan cukai seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, Seksyen 44(6).

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Hulu Klang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, Soalan saya spesifik tentang PPRT di bawah PKPS di mana peratusan agihan PPRT bagi tempoh 2004-2008 adalah 140 unit iaitu 97 peratus bagi keluarga Melayu dan 4 unit ataupun 3 peratus bagi bukan Melayu. Jadi khusus soalan itu spesifik kepada ketidakseimbangan ini saya perlu jawapan tersebut.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Hulu Klang, isu di sini ialah bila saya nyatakan tadi syarat-syarat yang kita kena patuhi dan digunakan. Pada masa yang sekarang syarat-syarat yang diadakan ialah orang-orang yang minta untuk rumah-rumah PPRT ini dibina mesti mengadakan geran tanah di atas nama mereka sendiri. So, bila kita dapat permohonan dari orang ramai di bawah ramai yang ada nama dan geran tanah ialah orang-orang Melayu dari golongan dalam kampung yang ada, malangnya orang-orang yang bukan Melayu yang selalu minta rumah-rumah PPRT ini dibenakan untuk mereka, mereka duduk di kawasan lapang ataupun di rizab JPS, JKR dan sebagainya. Mereka tidak boleh tunjuk kita geran-geran tanah sendiri. Kalau mereka ada geran-geran tanah sendiri, tanah sendiri memang kita di dalam STANCO kita, kita akan bina rumah untuk mereka-mereka masing-masing. Tetapi saya nak beritahu kepada Yang Berhormat juga, kita di dalam STANCO sekarang dalam ujian untuk kita mencari macam mana kita boleh tolong mereka-mereka yang tidak ada tanah untuk memberikan kemudahan untuk mereka-mereka dapat rumah-rumah PPRT di dalam Negeri Selangor.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Adakah perancangan pihak Kerajaan agar menggunakan mungkin sebidang tanah kerajaan yang boleh diguna pakai dengan adanya peruntukan-peruntukan daripada Anak-anak Syarikat ini membantu menyediakan kawasan perumahan kepada mereka-mereka yang memerlukan.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Sijangkang, ha.. memang kita dalam satu kajian sekarang dan kita telah pun bincangkan dan bantangkan ini beberapa kali di dalam EXCO juga macam mana kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor boleh memberi satu tempat ataupun tanah seluas besarnya untuk khususnya untuk orang-orang yang tidak ada tanah dan mereka kena dihalang keluar dari tempat mana mereka tinggal sekarang untuk kita cari, macam mana kita boleh bagi mereka rumah di dalam kawasan-kawasan itu, itu dalam satu kajian sahaja sekarang, tetapi kita sudah mula kajian itu sekarang.

**TUAN SPEAKER:** Teratai

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, Soalan saya nombor 58 .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK: DASAR-DASAR GERAI 'BUILT OPERATE & TRANSFER' (BOT)**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah gerai BOT, berapakah gerai yang aktif dan jenis perniagaan mengikut PBT.
- b) Berapakah hasil yang dapat dikutip setiap tahun untuk setiap PBT?
- c) Adakah gerai BOT dapat menyelesaikan isu penjaja yang haram, sila jelaskan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Tuan Speaker, Yang Berhormat Teratai ingin bertanya mengenai Dasar-dasar Gerai "*Built Operate & Transfer*" (BOT) dengan izin. Teratai juga ingin nak tahu jumlah gerai BOT dan

**TUAN SPEAKER:** Terus kepada jawapan, Yang Berhormat

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Dan berapa hasil dan juga, ya...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat terus kepada jawapan

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ya, ya, ok. Ada setakat ini ada empat (4) PBT yang mengadakan program gerai '*Built Operate & Transfer*' iaitu Majlis Bandar raya Shah Alam, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan juga Majlis Perbandaran Selayang. Di mana MBSA ada 81 jumlahnya gerai yang aktif dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya ada 171 yang aktif, tetapi ada 103 yang tidak aktif kerana tempatnya tidak sesuai dan Majlis Perbandaran Selayang ada 44 yang aktif tak ada yang tidak aktif dan Majlis Perbandaran Kajang ada 16 yang aktif, 9 yang tidak aktif, juga kerana tempat yang tidak sesuai. Jadi jumlah gerai di BOT ini adalah 312 yang aktif 112 yang tidak aktif.

Hasil keseluruhannya adalah RM 316,200. Jadi untuk MBPJ, program ini sedang dalam proses dalam pindaan pelan pembangunan yang akan melibatkan 66 unit dan yang lain tidak ada BOT lah. Jadi Kerajaan Negeri sentiasa memandangkan serius isu penjaja haram ini sebagai satu masalah. Namun begitu, dalam situasi di mana ekonomi yang kurang memberangsangkan

dan kekangan kewangan yang dihadapi oleh sesetengah PBT Selangor, gerai berkonsepkan BOT ini dilihat sebagai satu alternatif yang sesuai untuk dilaksanakan. Konsep ini adalah untuk membantu PBT menyediakan tapak gerai kepada penjaja haram yang sekali gus dapat menambahkan hasil PBT melalui bayaran lesen perniagaan yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, dasar ini bukanlah satu kemestian dalam menyelesaikan masalah penjaja haram berikutan tempoh masa perjanjian yang agak panjang untuk membolehkan gerai-gerai tersebut diserahkan kembali kepada PBT untuk diuruskan pada masa hadapan. Ada satu pendekatan yang baru akan diadakan di MPK di mana satu pusat penjaja yang akan yang kita bimbangkan akan runtuh kita meminta syarikat GLC untuk membuat semula, membangunkan semula dengan syaratnya MPK akan menyerahkan sebidang tanah ataupun satu bangunan yang lebih kurang bernilai sama dengan kos pembangunan, itu satu cara yang baru yang kita akan diadakan di Klang untuk menangani masalah ini. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, saya ingin bertanya mengapakah di kawasan Ampang Jaya terdapat 103 yang gerai BOT yang tak aktif dan bolehkah kerajaan ataupun PBT mengambil alih gerai-gerai BOT supaya boleh menguruskan ataupun menyewakan kepada para penjaja. Sekian.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Teratai, di Ampang ini, memanglah kerana tempatnya tidak sesuai sebab ada bantahan daripada penduduk setempat dan sebagainya sebab itu dia jadi tidak aktif dan memang ada hasratlah, ada hasrat untuk mengambil alih tetapi nampaknya kerana *technicalities* kerana ada perjanjian di antara MPK dengan syarikat-syarikat yang tertentu. Jadi bukan mudah sangatlah kalau kita mahu ambil alih. Sebab itu, tadi saya kata cara ini bukan satu dasar yang mestinya kita gunakan sebab memang dia ada, ada kesulitannya, ada kesulitan mengenai *technicality* dan khasnya tempoh terlalu panjang sangat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan nombor 59

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: SUA RASA AIDILFITRI TV 9**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Program Sua Rasa Aidilfitri TV 9 telah diadakan baru-baru ini. Adakah program tersebut mencapai matlamat memperkenalkan Selangor kepada seluruh rakyat Malaysia? Bagaimana ia dinilai?
- b) Berapakah Bajet yang dibelanjakan bagi mendapat liputan tersebut?

- c) Apakah kaedah-kaedah lain yang digunakan bagi menerangkan segala usaha kerajaan kepada rakyat? Bagaimana mengukur keberkesanannya?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, Taman Medan. Tuan Speaker, program Sua Rasa Aidilfitri yang dianjurkan bersama Kerajaan Negeri dengan TV9 adalah merupakan satu-satunya program yang pernah ditaja yang melibatkan kedua-duanya iaitu stesen TV dan juga Kerajaan Negeri Selangor. Adapun di antara sebab EXCO dan Kerajaan Negeri memberikan kelulusan untuk mengadakan program ini tidak lain dan tidak bukan untuk kita menjawab sebahagian daripada dakwah UMNO dan Barisan Nasional yang telah memperkecilkan dan memperkotak-katikkan apa juga yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat. Pagi tadi pun siapa yang tengok televisyen TV 3, dalam siaran beritanya bagaimana Timbalan Perdana Menteri, mengutuk habis-habisan kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Kedah. Kerajaan Negeri Kedah tidak mampu mentadbir Negeri Kedah tak duit nak mentadbir Negeri Kedah tak ada sumber nak mentadbir Negeri Kedah. Ini adalah merupakan sebahagian daripada 'on slot' dengan izin yang dilakukan oleh UMNO dan Barisan Nasional sudah lebih daripada 50 tahun.

Jadi sebab itu Kerajaan Negeri Selangor, EXCO telah memberikan kelulusan untuk kita mengadakan program ini sebab sebagaimana yang diketahui, program-program yang kita kendalikan selama ini memang ada kesan. Selangor kini misalnya *tabloid* kita ada kesan, dan kita mengadakan *whistle stop* pada masa kita menyambut satu tahun dulu, pemerintahan kita di Negeri Selangor ini pun telah memberikan kesan. Selain daripada itu banyak lagi penerangan-penerangan yang kita berikan, laman-laman web kita dan sebagainya, TV Selangor, TV Antara dan sebagainya itu adalah merupakan mekanisme-mekanisme yang kita ada untuk menerangkan kepada rakyat tetapi kajian juga menunjukkan bahawa masih ada keterbatasan, limitasi daripada kita nak masuk ke rumah-rumah rakyat daripada macam mana UMNO dan Barisan Nasional tiap-tiap rumah rakyat mereka masuk, melalui sesungut-sesungut mereka yang namanya televisyen, yang namanya radio dan sebagainya. Maka sebab itu, bila kita bersetuju dengan perkara ini, ini telah banyak memberikan sebenarnya kesan daripada program yang kita laksanakan Suarasa Aidilfitri itu, kesan yang sangat positif sebenarnya, dengan kehadiran yang begitu ramai, malam terakhir dikatakan jumlahnya antara 10,000 ke 15,000, kalau mengikut penganjur mengatakan ini adalah kehadiran antara yang tertinggi yang pernah dicatatkan dalam mana-mana negeri pun Suarasa mengadakan program. Bahkan kalau kita tengok misalnya daripada jumlah penuntun waktu Menteri Besar memberikan sedikit ruangan pagi dalam 20 minit begitu, kita ada 228,000 penuntun yang menuntun siaran tersebut, bahkan kemuncak daripadanya ialah malam yang terakhir itu, bila kita mengadakan program Halaqah ada 333,000 penuntun dan kami diberitahu ini adalah jumlah penuntun yang tertinggi sebenarnya yang telah dicatatkan dalam program Suarasa yang diadakan di Selangor ini adalah kali yang ketujuh dalam siri Suarasa diadakan di semua negeri. Kelantan telah mengadakannya, Kedah telah mengadakannya, Kedah mengulang balik untuk mengadakan program tersebut akibat daripada kesan yang positif yang diperolehi daripada rakyat negeri Kedah khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

Saya juga hendak memberitahu bahawa program Suarasa ini dari segi keberkesanannya, kita telah dapat sebenarnya meng*advertise*kan untuk mempopularkan program-program kita di bawah MES, (MES) Merakyatkan Ekonomi Selangor yang masih lagi sebenarnya sebahagian daripada program-program misalnya TAWAS, Mesra Usia Emas, Anak Masuk Universiti masih lagi ada rakyat negeri Selangor ini masih lagi ada rakyat negeri Selangor yang tidak mengetahui program-program tersebut. Yang ini sangat penting sebab kita hendak rakyat negeri Selangor mengambil keseluruhan kesempatan. Anak masuk universiti tak ada sebab anak masuk universiti setelah dikaji kebolehan, kemampuan mereka masuk universiti tidak diberikan

bantuan yang RM1,000.00 yang dikatakan itu. Misalnya kalau ada kematian, khairat kematian itu yang RM2,500.00 dan kita telah beritahu melalui Ketua Kampung, melalui JKKK, melalui pegawai-pegawai dan kakitangan, melalui media yang kita ada di bawah kawalan kita sendiri dan kita telah beritahu, nak menyebarkan seluas-luasnya tetapi sebagaimana Tuan Speaker yang saya sebutkan tadi masih ada lagi keterbatasannya dari segi kita nak memperluaskan pengaturan rakyat tentang program-program yang kita jalankan. Maka dengan itu, kita merasakan Program Suara ini yang telah memberikan banyak ruang dan peluang kepada IKS. Kalau kita tinjau gerai-gerai yang mereka pasang, saya kagum sebenarnya tengok tempe pun ada bentuk tempe yang seperti McDonald sama dengan pembungkusannya, cara penyediaannya seperti bagaimana McDonald. Ini saya rasa satu benda yang sangat hebat, yang kita sendiri pun tidak tahu sebenarnya, tapi bila kita berikan ruang ini dan kita tengok peniaga-peniaga bukan peniaga-peniaga yang biasa yang saya kita lihat, yang berniaga di bawah Program Suara itu, peniaga-peniaga telah mendapat didikan daripada berbagai-bagai agensi dan mereka mempamerkan barang-barang mereka, saya lihat *standard* mereka adalah tinggi dan sebab itu kita hendak memaparkan kepada rakyat Negeri Selangor, Shah Alam ini khasnya supaya mereka mengetahui usaha-usaha yang telah dilakukan oleh teman-teman pengusaha IKS supaya mereka pun dapat dipromosikan.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, UNISEL misalnya kita ada dua universiti. Kita ada KUIZ, kita ada UNISEL dan kita pun bukan senang sebenarnya untuk mendapatkan pelajar-pelajar kerana kita harus bersaing, bertanding dengan universiti-universiti yang lain, yang telah diberikan ruang dan peluang yang begitu besar untuk meng*advertise*kan apa yang mereka ada, pengajian yang mereka ada dalam media-media, sama ada media cetak dan media elektronik. Jadi dengan adanya Suara yang kita sama-sama menganjurkan dengan TV9, maka UNISEL dan beberapa Institusi yang lain, membukakan ruang-ruang dan gerai-gerai mereka dan kita dapati sokongan daripada rakyat hingga kehabisan borang-borang itu habis oleh kerana ramainya orang yang berminat untuk melihat apa yang ditawarkan oleh UNISEL terutamanya termasuklah KUIZ dan sebagainya.

Begitu juga kalau kita lihat, kita ada satu gerai namanya jom daftar menjadi pemilih, nak mengundi, jom mendaftar menjadi pemilih, sampai dengar-dengar cerita tak cukup borang dia orang mendaftar. Kita pun sebenarnya ialah kita dah menggunakan apa juga *instrument-instrument* yang kita ada, di kampung, di desa yang kita ada daftarkan mengundi. Sebagaimana yang diketahui Tuan Speaker, bilangan yang tidak mendaftar masih lagi berbilion-bilion jumlahnya yang belum mendaftar menjadi mengundi. Jadi dengan bicara Suara sendiri pun kita sudah meletakkan asas-asas demokrasi, asas-asas daya untuk rakyat mengetahui bahawa mereka mempunyai peranan yang besar dalam sistem demokrasi terutamanya dalam konteks negeri Selangor ini untuk memilih satu kerajaan yang kita mengharapkan mereka terus memilih Kerajaan Pakatan Rakyat ini. Jadi tentang perbelanjaannya Tuan Speaker, yang ditanya tentang perbelanjaannya jumlah keseluruhannya adalah RM720,234.00 jumlah dan ini pun jumlahnya setelah penajaan sebanyak RM300,000.00 kepada TV9 adalah kos *airtime* yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri daripada jumlah kos *airtime* sebenar iaitu RM765,250.00. Baki daripada jumlah tersebut ditanggung oleh TV9. Kos *airtime* ini melibatkan iklan promosi di TV9 dan TV3 yang menyiarkan Logo Rasmi Suara bersama Logo Rasmi Negeri Selangor serta program-program yang disiarkan secara langsung di TV9 seperti warna-warna Suara sebanyak 981 kali iklan promosi disiarkan di TV9 daripada 14 hingga 18 Oktober 2009 dengan nilai kos *airtime* sebanyak RM304,000.00. Manakala TV3 pula, menyiarkan 212 kali iklan promosi untuk tempoh yang sama dengan nilai kos sebanyak RM131,000.00. Jadi dari segi iklan yang dikeluarkan di antara bersama dengan TV9 dan TV3 jumlah kali yang keluarnya ialah 1,103 kali. Jadi ini adalah merupakan juga satu promosi bila kita sebutkan ada Logo Negeri Selangor dekat situ, kita nampaklah rakyat satu Malaysia dapat



melihat apa yang kita lakukan, bagaimana kita di Selangor ini, bagaimana ghairahnya kita untuk melibatkan rakyat dalam program-program pembangunan tersebut. Jadi yang lainnya kita mengharapkan berapa bajet dan juga apa kaedah-kaedah lain yang digunakan untuk menerangkan segala usaha kerajaan kepada rakyat, bagaimana keberkesanannya yang ini sebagaimana yang kita tahu, saya telah menyebutkan tadi, selain daripada kita menggunakan saluran-saluran ini, saluran yang agak unit ini dan saya merasakan inilah yang dinamakan *The Power of Electronic Media*. Jadi kita dah dapat menggunakan *The Power of Electronic Media* dalam bentuk TV itu dan kita mengharapkan dengan apa yang kita ada, dan kita akan mungkin meneruskan tentang *visual stop* kita, penerbitan tabloid kita, Selangor kini misalnya, paparan maklumat dan berita melalui Laman Web Selangor Kini *Online*, kemudian kepada maklumat melalui laman web rasmi [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my), penubuhan Web TV Selangor melalui *Communication and Corporation Sdn. Bhd. (CCSB)* yang menyiarkan maklumat, berita dan *visual* mengenai Selangor dan kerajaan negeri, cetakan dan edaran *pamphlet/flyers* kepada umum tentang sesuatu program/acara/maklumat, kerjasama dengan media tempatan untuk penyebaran maklumat melalui media cetak dan media elektronik, program-program ADUN kawasan bersama agensi kerajaan turun padang untuk bersama-sama rakyat untuk meninjau masalah mereka, majlis-majlis rasmi kerajaan negeri yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan juga paparan ucapan-ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor melalui laman web rasmi [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my) yang boleh dimuat turun. Ini adalah di antara perkara-perkara yang kita ambil bahagian dan kita mengharapkan Insya-Allah dengan program-program yang kita menyertai terutamanya program-program langsung seperti TV3, TV9 dan apa juga lagi dan saluran-saluran yang ada yang memungkinkan kita sama-sama menyertai untuk kebaikan kita, kebaikan rakyat seluruhnya, Insya-Allah kita akan semak daripada semasa dan kita akan melihat perkara ini untuk mengukur setakat mana kebaikan dan keburukannya. Setakat ini Tuan Speaker, saya mengakhirkan apa yang kita dapati selamanya ini baiknya jauh lebih banyak daripada buruknya. Sebab itu kita memikirkan antaranya inilah saluran yang terbaik dan diharapkan Insya-Allah dengan kajian yang lebih rapi lagi, dengan pengendalian yang lebih rapi lagi dengan melihatkan kos *benefit* kepada program seperti ini kita mengharapkan program ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer, tak ada, Paya Jaras.

**YB TUAN MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR :** Tuan Speaker soalan No. 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

61. Masih terdapat masjid-masjid yang membenarkan khutbah sembahyang Jumaat disampaikan tanpa teks yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah garis peraturan dan panduan dalam penyampaian khutbah?
- b) Adakah JAIS melaksanakan proses tapisan atau pentauliahan kepada para pembaca khutbah?
- c) Adakah JAIS ada mekanisme pemantauan untuk memastikan teks khutbah dibacakan oleh mereka yang layak?

**YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI:** a) Saya pun sebenarnya sudah banyak kali menyentuh persoalan ini iaitu persoalan khutbah di masjid-masjid. Persoalannya apakah garis panduan yang telah dibuat tentang penyampaian khutbah itu, keseluruhannya Khatib hendaklah mematuhi arahan-arahan dengan membaca teks yang telah disediakan, Khatib tidak dibenarkan untuk menambah isi kandungan yang telah disemak dan diedit oleh Jawatankuasa Panel Khutbah, Khatib berkenaan terdiri daripada individu yang memiliki tauliah dan di kalangan imam-imam yang telah dilantik oleh MAIS, Khatib tidak boleh membangkitkan ataupun mengulas isu-isu politik ataupun mana-mana perkara yang menyentuh ke sentimen perkauman, Khatib hendaklah peka terhadap tempoh bacaan khutbah dengan tidak melebihi 15 minit atau 20 minit sebagaimana yang dibenarkan dan Khatib hendaklah berketerampilan kemas dan berwibawa bukan daripada individu yang dibenci atau kontroversi.

b) Khatib yang membaca khutbah adalah terdiri daripada kalangan Imam-imam masjid yang telah ditauliahkan yang mempunyai kemahiran dalam bidang agama manakala Khatib jemputan pula perlu mendapatkan tauliah daripada JAIS.

JAIS sememangnya mempunyai mekanisme pemantauan dari masa ke semasa oleh Nazir dan Jawatankuasa Masjid memastikan Khatib mematuhi arahan-arahan pekeliling sebagaimana yang ditetapkan oleh JAIS. Pegawai Penyelaras Masjid atau PPMD dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengurusan Masjid sendiri juga memantau dengan menggunakan format dan borang penilaian khutbah yang telah disediakan oleh Bahagian Pengurusan Masjid. Pemantauan yang dilaksanakan adalah untuk memastikan perkara-perkara berikut:

- i) Khatib hendaklah mempunyai tauliah daripada JAIS ataupun Imam yang telah dilantik oleh MAIS dan;
- ii) Teks khutbah adalah teks semasa yang telah diterbitkan oleh JAIS.

Jadi sebagaimana yang saya sebutkan beberapa ketika sama ada dalam masa sesi yang lalu, dalam sesi kali ini kita sentiasa memantau dan Alhamdulillah sebagaimana yang sebutkan permasalahan Khatib-khatib yang keluar daripada *line* garisan yang telah kita tetapkan ini amat sedikit dalam dua, tiga masjid sahaja daripada hampir 500 masjid dan surau yang telah diberikan kebenaran untuk menunaikan sembahyang Jumaat dan Khatib-khatib diberikan tauliah untuk mereka membacakan khutbah. Dalam keadaan yang sedikit seperti itu bilangan yang sangat-sangat kecil, sangat-sangat *of fraction* berapalah sikitnya kalau misalnya dua, tiga masjid daripada 500 masjid begitu ya..., tetapi walau apa pun JAIS tidak mengambil perkara yang mudah tentang perkara ini, sebab perkara ini ada berkaitan dengan tanggungjawab kita untuk menentukan masjid-masjid sebagaimana yang dititahkan oleh DYMM Tuanku mesti menjadi zon larangan kepada apa juga perbuatan yang melibatkan politik yang boleh memecahbelahkan masyarakat dan saya sebagai EXCO yang bertanggungjawab sentiasa bersama-sama dengan Pengarah JAIS, bersama-sama dengan teman-teman MAIS dan juga pegawai-pegawai bawahan kita, pegawai-pegawai yang berada di daerah-daerah menentukan sepanjang masa supaya perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini tidak berlaku dan Insya-Allah pada masa-masa yang akan datang kita akan menjadikan perlakuan-perlakuan seperti ini sebagai zerolah, tidak akan berlaku di masjid-masjid di negeri Selangor ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Bharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker soalan 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN WONG KOON MUN  
(KUALA KUBU BHARU)**

**TAJUK: PELANCONGAN PENDIDIKAN**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan dan status terkini pembangunan produk pelancongan negeri berasaskan pendidikan (*education tourism*)?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Tourism Selangor dan beberapa Institut Pendidikan Swasta dari Negeri Selangor telah pergi ke Medan, Indonesia pada awal tahun ini di mana kita telah menyertai lawatan promosi pelancongan kesihatan dan pendidikan ke Medan. Seramai 62 orang delegasi dari Selangor telah menyertai lawatan tersebut. Para peserta terdiri daripada Agensi-agensi Pelancongan di bawah naungan MATTA Selangor, Pusat-pusat Kesihatan persendirian, Institusi Pendidikan dan juga media tempatan. Rombongan promosi ini telah mengadakan program '*table top*' dengan izin dengan jayanya bersama-sama Syarikat-syarikat Agensi Pelancongan dari Medan untuk membincangkan dan mempromosikan dengan '*Education Tourism*' dengan izin dari Negeri Selangor. Pejabat para wisata dari Medan, Indonesia telah memberi kerjasama yang menggalakkan sekali untuk mempromosikan dengan izin '*Education Tourism*' bersama dengan Tourism Kesihatan '*Health Tourism*' dengan izin. Antara pemimpin-pemimpin di Medan yang telah memberi komitmen termasuk satu dengan izin

- 1) '*North Sumatran Tourism Board*' iaitu Bapa Saifuddin .....
- 2) Dengan izin '*North Sumatran Chamber Commerce In Industri*' iaitu Bapa BB Lobis.
- 3) Pemerintahan Kota Medan iaitu Dr. Ramlan
- 4) Dgn izin '*Malaysian Tourism Promotion Board*' Medan iaitu Bapa Hasunal Farni

Selain daripada itu, kita telah ada satu jawatan perintis ke Kota Medan, Kota Padang pada tahun ini tetapi malangnya apabila kita ada masalah gempa bumi yang terdekat jadi pada masa ini kami akan *suspendkan* kerjasama dengan pihak pelancongan dan juga Kerajaan di situ tentang isu ini sehingga Kota Padang boleh dibaik pulihkan dengan segera. Selain daripada itu, kita juga ada satu *package* iaitu Lawatan Sambil Belajar dan ini khaskan untuk Mahasiswa atau pun penaja-penaja di luar Negara seperti di Jepun dan di Singapura di mana mereka akan di bawa ke Negeri Selangor bukan sahaja untuk mengambil kursus atau pun untuk melawat *homestay-homestay* tetapi mereka juga datang ke sini untuk buat penyelidikan. Dan rombongan yang terbaru pada bulan Oktober adalah dari Universiti-universiti di Taiwan di mana mereka datang dari Selangor untuk membuat penyelidikan tentang isu Sg Klang dan juga isu-*Heritage* di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih, Tuan Speaker, soalan no. 63

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK: WEB-TV SELANGOR**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah perbelanjaan yang digunakan untuk Web-TV Selangor sejak penubuhannya?
- b) Bagaimanakah prestasi Web-TV Selangor dan apakah indeks yang digunakan dalam penilaiannya?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, soalan tentang Web-TV Selangor. Ia mula beroperasi pada Mac 2009 dan sehingga Oktober 2009 kos langsung TV Selangor berjumlah RM865,000 ataupun puratanya lebih kurang RM100,000 sebulan untuk mengendalikan TV Selangor ini. Pada masa ini TV Selangor mencatatkan 8,278,43 capaian. Hits terbesar saya fikir adalah semasa SELCAT dilangsungkan dan ia dapat dilayari untuk tontonan dalam negeri dan luar negeri. Sejak Mac ini TV Selangor merekodkan beberapa kali lawatan, dan yang paling biasa ialah 111,308 lawatan maknanya *'that is quite regular'* tiap-tiap ahli kita dapat 111,308 tetapi yang regular tepat maknanya *by over hour* adalah 50,728 pelawat. 50% menonton TV Selangor dari 30 saat ke 1 jam puratanya. Kita juga melihat ada yang kebanyakan meluangkan purata 11 minit untuk TV Selangor. Sejak dilancarkan pada 19 Mei 2009 belum ada kempen promosi besar-besaran. Bagaimanapun, ia dijangka dimulakan pada Januari 2010.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Tuan Speaker, soalan no. 64.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: GERAJ MAKANAN**

64. PBT masih merobohkan gerai-gerai makanan di kawasan masing-masing. Tindakan ini telah menjejaskan mata pencarian mereka sekeluarga.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah syarat-syarat yang ditetapkan sebelum merobohkan gerai-gerai?
- b) Adakah perbincangan diusahakan untuk mendapat pandangan penggerai-penggerai tersebut?
- c) Adakah pihak PBT menawarkan tempat alternatif untuk membantu mereka?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih, Tuan Speaker soalan daripada YB adalah mengenai robohan gerai makanan. Tuan Speaker adalah dasar Kerajaan Pakatan Rakyat yang prihatin ini sebelum sebarang tindakan robohan gerai makan diadakan semua PBT akan

mengadakan perbincangan dengan penjajah-penjajah yang terlibat dan juga menyediakan alternatif yang sesuai dan memandangkan ekonomi yang agak lembap dan bilangan rakyat Selangor yang ingin menjadi penjajah bertambah PBT telah diarahkan juga melonggarkan syarat-syarat untuk memperkenalkan rakyat Selangor yang ingin menjadi penjajah membuat bisnessnya atau pun perniagaannya dengan syarat *temporary* kita menggalakkan PBT masing-masing memberikan lesen *temporary* atau membuat sementara waktu untuk menjadikan memberikan peluang yang lebih besar kepada rakyat Selangor yang ingin menjadi penjajah. Jadi YB Dr. Mohd dari Kota Damansara tidak perlu risau ada buah-buahan gerai dekati dijalankan dengan tergesa-gesa. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila

**YB TUAN DR MOHD NASIR BIN HASHIM:** Memang saya risau, amat risau kerana ada '3 *occasion*' dengan izin di mana gerai dirobuhkan ADUN tak tau, Ahli Majlis tak tau saya percaya tidak ada perbincangan tidak ada alternatif, tempat alternatif untuk mereka dan tidak dilonggarkan. Maka itu juga saya timbulkan untuk perhatian kena masalah berlaku mereka akan datang pada ADUN tidak tahu macam mana nak mempertahankan dan dipertikaikan. Kota Damansara berharap ada syarat-syarat yang lebih ketat lagi supaya segala pertubuhan itu Majlis dan ADUN patut tahu dengan itu baru kita dapat membantu atau pun mempersoalkan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, saya meminta YB Kota Damansara memberikan kes-kes yang spesifik itu kepada saya supaya saya boleh memberi bantuan dalam hal ini. Terima kasih. Memang dasar Kerajaan Negeri dan arahan memang telah diberikan kepada semua PBT supaya sentiasa ada perbincangan, sentiasa ada persediaan tapak alternatif sebelum sebarang robohan di adakan. Terima kasih.

**YB TUAN DR MOHD NASIR BIN HASHIM:** Ini disebutkan kerana apabila berlaku begitu tuduhan itu akan dilontarkan kepada Pakatan Rakyat membusukkan nama Pakatan Rakyat walhal Majlis Bandaran patut membincang bersama.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, saya setuju.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kajang nak tanya sama ada dalam proses di mana telah memajukan Selangor ini kita khasnya di bawah PBT-PBT kita sedia adakah dalam perancangan sediakan pusat penjajah untuk gerai-gerai penjajah ini dan tidak bertabur di atas bahu jalan yang merbahaya dan ada juga gerai-gerai yang dikatakan haram.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, memanglah dasar Kerajaan Negeri juga semua PBT masing-masing hendaklah mencari tempat atau pun tapak yang sesuai di mana gerai-gerai boleh diadakan dibenakan dengan cara BOT3 atau pun dengan apa cara yang saya sebutkan tadi di mana di MPK itu kos pembangunan akan dibiayai oleh dengan pertukaran harta hartanah yang dimiliki oleh MPK dan bagi PBT yang dengan keadaan kewangan yang kukuh itu mereka memang digalakkan untuk mendirikan atau pun membenakan pusat-pusat menjajah yang sesuai yang moden supaya apa yang dikatakan oleh YB Kajang bertabur-tabur di jalan raya dan sebagainya itu dielakkan atau pun dikurangkan. Dan kita mintalah kerjasama semua pihak kerana kalau hanya PBT sahaja menjalankan tugas ini tetapi penjajah-penjajah tidak ingin memberi kerjasama katakanlah memang ada tempat kita ada sediakan pusat menjajah tetapi

ada penjajah yang haram itu tidak enggan mahu berpindah pun ada. Jadi kita mintalah kerjasama bukan sahaja daripada pegawai-pegawai PBT-PBT dan juga kita minta kerjasama daripada rakyat Negeri Selangor yang ingin menjadi penjajah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang.

**YB TUAN DRI AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, soalan no. 65.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Berapakah jumlah peruntukan Pembangunan Luar Bandar setahun untuk Negeri Selangor dan pecahan-pecahan mengikut daerah untuk 3 tahun yang lalu.
- b) Apakah bentuk penggunaan dari peruntukan tersebut/
- c) Apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi peruntukan yang telah tidak disalurkan melalui Kerajaan Negeri.

Seperti yang saya cakap semalam sebelum tahun 2008 adalah dari peruntukan Kementerian. Peruntukan Luar Bandar mengikut daerah Negeri Selangor pada tahun 2007 sebanyak RM89,626,843 pecahan ikut daerah ialah

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	RM 9,784,845
Pejabat Daerah dan Tanah Klang	RM 9,882,000
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	RM 10,000,000
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	RM 9,974,948
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	RM 7,500,000
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	RM 12,500,000
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	RM 9,950,000
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	RM 10,000,000
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	RM 10,000,000

Bagi tahun 2008 jumlah yang diagihkan kepada Pejabat Daerah ialah RM93,650.328.50. Pembahagian mengikut daerah ialah:

Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	RM 10,673,285.00
Pejabat Daerah dan Tanah Klang	RM 10,310,704.00
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	RM 10,405,000.00
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat	RM 10,437,899.50
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang	RM 7,775,000.00
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat	RM 12,830,300.00
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	RM 10,255,000.00
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor	RM 10,300,000.00
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam	RM 10,668,140.00

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Pada tahun 2009 peruntukan ini telah ditarik oleh pusat. Kerajaan Negeri peruntukan 2,000,700 dengan peruntukan 300,000 tiap-tiap pejabat daerah. Peruntukan yang disalurkan digunakan bertujuan infrastruktur asas luar Bandar di Negeri Selangor yang merangkumi skop pembinaan baru membaiki, menyelenggarakan dan menaik taraf projek infrastruktur luar bandar seperti jalan, bangunan dan sistem perparitan.

Bagi soalan ketiga. Apabila peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tidak lagi disalurkan melalui Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tetap berusaha memastikan pembangunan luar Bandar tidak terabai. Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan-peruntukan bagi projek pembangunan luar Bandar dengan menggunakan sumber kewangan yang ada. Terima kasih.

**Y.B . TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih. Umumnya kita ketahui bahawa sekarang pembangunan-pembangunan ataupun infrastruktur di peringkat kampung-kampung termasuklah balai raya dikendalikan oleh Majlis Daerah setelah diserahkan oleh Pejabat Daerah setiap pejabat ibu pejabat daerah dan kita dapati dalam keadaan bangunan yang agak ah uzur dan juga apabila diserahkan kepada Majlis Daerah banyak hutang-hutang termasuklah kedai-kedai luar bandar yang mana mempunyai hutang yang begitu banyak yang tidak dibayar sewaananya. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyediakan satu peruntukan untuk

membalik pulih keperluan-keperluan awam termasuklah balai-balai raya ini dan saya ingin bertanya apakah rasionalnya apabila selepas 8 Mac 2008 itu sebahagian besar daripada peralatan termasuk kerusi, meja, *aircond* dan hatta kipas pun dikeluarkan daripada balai-balai raya ini dan akhirnya masyarakat JKKK yang ingin menggunakan balai raya itu terpaksa duduk di atas meja untuk mengadakan mesyuarat dan sebagainya. Adakah ini di hukum namanya ataupun ini dinamakan disanjung masyarakat atau rakyat Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B . TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Buah betik buah nenas hilang kuasa hati panas. Sebab itu hilang kerusi meja kipas, *aircond* pejabat-pejabat balai raya. Tuan Speaker untuk tahun 2010 peruntukan 3 juta diberikan untuk luar Bandar bagi membaiki dewan-dewan balai-balai raya yang tidak lengkap. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian waktu pertanyaan sudah tamat. Urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Urusan seterusnya Rang Undang-undang Perbekalan 2010 2009 semua peringkat sambungan.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk membuat gulungan dan saya memberikan masa sebanyak 20 minit untuk setiap Ahli EXCO untuk membuat penggulungan. Dipersilakan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menjawab tentang beberapa ucapan yang pernah menyentuh tentang keadaan ekonomi dan juga keadaan pelaburan di Negeri Selangor khususnya pihak pembangkang telah beberapa kali membangkitkan bahawa selepas Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk kepimpinan di Negeri Selangor pelaburan di Negeri Selangor telah pun turun. Di sini saya ingin memberi beberapa fakta tentang keadaan ini. Di sini sebelum saya sentuh tentang keadaan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan di Selangor saya ingin memberikan satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang ekonomi di Malaysia secara keseluruhan. Kita semua tahu bahawa ekonomi Malaysia adalah pun banyak dijejaskan atas kegawatan ekonomi dunia. Sekiranya kita berbanding dengan tahun 2008 KDNK atau pun GDP Malaysia kita telah pun turun sebanyak 6.2% pada suku pertama tahun ini dan sebanyak 3.9% pada suku kedua tahun ini. Eksport Negara pula telah pun jatuh sebanyak 22.9% pada Julai 2009 dan 19.8% pada Ogos 2009. Manakala tentang *SDI Foreign Direct Investment* pula telah pun dijangkakan jatuh sebanyak 50% iaitu 26 bilion Ringgit Malaysia pada tahun 2009 berbanding dengan tahun lepas, iaitu tahun lepas FDI yang masuk ke Negara kita ialah 51 bilion ringgit. Berpandukan data yang disebutkan tadi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) telah membuat jangkaan bahawa KDNK Malaysia akan kecut ke negatif 3.3% bagi tahun ini sebelum naik semula ke 3.7% pada tahun depan. Penurunan ekonomi secara keseluruhannya telah memberi kesan kepada ekonomi negeri-negeri serata Malaysia termasuklah Selangor. Pada masa yang sama Bajet 2010 menandakan tahun bermulanya Kerajaan Negeri Selangor merealisasikan enam projek utama bagi usaha merencanakan ekonomi negeri melalui pakej rangsangan ekonomi Selangor yang ingin direalisasikan sepanjang 10 tahun dan dijangka mampu menjanakan pelaburan lebih daripada 50 bilion Ringgit Malaysia. Berdasarkan pada tahap rendah, beberapa petunjuk ekonomi makro, nilai KDNK Negeri Selangor pada harga malar tahun 2000 pada suku kedua tahun ini menyusut kepada 114.3 bilion ringgit berbanding dengan 118.9 bilion ringgit pada tahun 2008. Adalah dijangkakan bahawa KDNK pada tahun 2010 meningkat kepada 116.8 bilion ringgit dengan kadar pertumbuhan 2.1%. Sektor perindustrian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri. Malah ia merupakan nadi pertumbuhan ekonomi Negara. Namun bagi tahun 2009 keseluruhan nilai ditambah sektor ini dianggar menyumbang



sebanyak 37.7% kepada KDNK Negeri. Manakala sektor perkhidmatan pula ia menyumbang sebanyak 61.4% ataupun 73.83 bilion dalam KDNK Negeri Selangor pada tahun 2009 berbanding dengan 58.8% pada tahun 2008. Kita berharap sektor ini akan terus dipacu bagi meningkatkan prestasinya. Daripada aspek perkhidmatan kita turut menjangkakan sektor ini terus berkembang dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi negeri. Ia membuktikan sektor perkhidmatan berupaya mempercepatkan pemulihan ekonomi Negeri Selangor. Bagi merancakkan pertumbuhan dalam sektor ini Kerajaan Negeri Selangor memberi fokus kepada beberapa industri iaitu perkhidmatan perniagaan dan profesional, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan berkaitan dengan ICT, perkhidmatan pengedaran ataupun *distributive services*, perkhidmatan pendidikan dan latihan, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan berkaitan dengan pembuatan. Sektor pembuatan dijangka mengalami penguncupan 10.% dalam nilai ditambah bagi tahun 2009 akibat penurunan perbezaan luar terhadap bahan pengeluaran industri secara keseluruhan. Manakala sektor pembinaan pula dijangka mengalami pertumbuhan positif sebanyak 2.4% yang disumbangkan oleh pembinaan rumah dan kawasan rekreasi, bangunan perdagangan dan kompleks membeli belah serta kerja baik pulih yang merupakan sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi kerajaan. Tuan Speaker, saya ingin juga memberitahu dewan ini tentang prestasi pelaburan bagi tahun Januari hingga Ogos 2009 bagi Negeri Selangor. Mengikut statistik MIDA bagi tempoh Januari hingga Ogos 2009 sebanyak 174 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai melabur berjumlah 3.431 bilion ringgit. Daripada ini 1.752 bilion merupakan pelaburan asing dan sebanyak 1.679 bilion adalah daripada pelaburan tempatan. Sebanyak 9,699 potensi peluang pekerjaan akan diwujudkan. Daripada nilai pelaburan yang diluluskan ini ia membolehkan Selangor menduduki tempat kedua tertinggi (tebuk) dari segi nilai pelaburan selepas Negeri Sarawak yang mencatatkan pelaburan sebanyak 7.755 bilion ringgit daripada 15 projek perkilangan yang diluluskan. Di sini saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kenapakah Negeri Sarawak menduduki tempat pertama berbanding dari segi nilai pelaburan. Ini kerana adalah terdapatnya satu projek *aluminum smelter* yang masuk melabur di Negeri Sarawak yang bernilai 2 bilion USD. Jadi ini kalau tanpa projek ini Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya adalah kita menduduki tempat yang lebih tinggi. Kita kalau kita lihat bilangan projek yang melabur di Selangor bilangan projek perkilangan, di Negeri Selangor kita mempunyai 174 projek yang dilaburkan di Negeri Selangor. Ini adalah bilangan yang paling tinggi berbanding dengan semua negeri yang lain. Kalau kita lihat bagi angka yang terbaru, kalau kita lihat angka daripada UPEN iaitu permohonan penempatan projek yang diluluskan bagi pada tahun September 2009 nilai yang masuk, nilai pelaburan yang masuk ke Negeri Selangor sebenarnya adalah 3.976 bilion ringgit. Ini adalah angka mengikut UPEN. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai langkah-langkah pembangunan perindustrian selain daripada langkah-langkah yang digariskan dalam RM ke 9 Kerajaan Negeri juga turut mengenal pasti beberapa strategi lain bagi memastikan sektor perindustrian terus berkembang dan menjadi penyumbang utama kepada KDNK Negeri serta nadi penggerak ekonomi Negara amnya dan Negeri Selangor khususnya. Strategi tersebut adalah seperti berikut: Nombor satu menggalakkan sektor industri yang berasaskan teknologi tinggi, berasaskan pengetahuan, pengintensifan modal dan mesra alam. Kedua menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti apa yang saya disebutkan tadi *business and professional services integrated logistic services* dan sebagainya. Yang ketiga menggalakkan penglibatan dalam industri berpotensi seperti *bio technology, aviation industry, technology* hijau dan menjadikan Negeri Selangor bukan sahaja sebagai pusat pengeluaran produk tertentu tetapi mewujudkan nilai tambah pasaran produk. Saya di sini juga ingin memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat di dewan ini bahawa tentang kawasan pertumbuhan baru. Bagi menggalakkan pertumbuhan dalam industri pembuatan perkilangan Kerajaan Negeri telah dan akan terus mempromosikan beberapa kawasan pertumbuhan baru yang dirancang khusus untuk menempatkan projek-

projek perkilangan yang berteknologi tinggi. Nombor satu *automotive industry-i* kawasan Serendah, Hulu Selangor telah dikenal pasti sebagai kawasan berpotensi untuk dibangunkan sebagai *automotive hark* di Selangor. Kebanyakan syarikat-syarikat pembuatan barangan peralatan kenderaan beroperasi di Serendah dan sekitar Hulu Selangor yang merupakan *vendor* kepada Produa dan juga Nissan. Selain itu ia juga merupakan pelengkap kepada Proton City di Tanjung Malim. Yang kedua ialah *Arrowspace Industry* - kawasan di sekitar Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Subang dikenal pasti berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan industri *Arrow* Angkasa. Terdapat beberapa syarikat milikan asing dan tempatan yang terlibat dalam industri *Arrow* Angkasa beroperasi di *Malaysian International Arrowspace Centre* di Sultan Abdul Aziz Shah *Airport* di Subang. Yang ketiga adalah *Klang Valley Tour* – Kawasan pembangunan ini melibatkan dua daerah di Selatan Selangor iaitu daerah Kuala Langat dan Sepang dengan keluasan 141,527.39 hektar. *Klang Valley Tour* berperanan penting sebagai penjana pembangunan ekonomi di kawasan daerah Kuala Langat dan Sepang dengan meningkatkan *intra* dan *interregional economic network*. Pembangunan tenaga mahir yang berkualiti bersesuaian dengan *scenario* ekonomi setempat. Projek ini bersesuaian dengan hasrat untuk membawa pembangunan keluar Lembah Klang serta memberikan pembangunan seimbang di seluruh kawasan di Selangor. Mega projek di kawasan pembangunan Klang Valley Dua adalah Cyber Jaya, Sains Selangor *Science Park 2* dan KLIA Acropolis Yang ke empat ialah ICT di Shah Alam. Projek ICT di Shah Alam iaitu pembangunan *Community Digital* pertama di Malaysia, pelaburannya adalah sebanyak 2 billion ringgit. Bagi merealisasikan hasrat ini, pihak Kerajaan Selangor melalui SSIC Berhad sedang berusaha untuk mendapatkan pelabur yang terlibat dalam industri ini seperti *Plug and Play Technology Centre* yang beroperasi di Silicone Valley, California, Amerika Syarikat. Syarikat ini menyediakan kemudahan *incubator* kepada *techno prunels* untuk mengembangkan dan meng*commercial*kan inovasi mereka ke pasaran keluar Negara. Berkenaan dengan kawasan-kawasan industri di Selangor kita mempunyai Pulau Indah *Industriy Park* di Klang. Ia dimajukan oleh Spec Central spectrum Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri dengan keluasan kawasan pembangunan sebanyak 2,154.64 hektar. Pembangunan kawasan perindustrian yang lengkap dengan pembangunan perumahan serta kawasan *commercial* bagi menyokong aktiviti perindustrian. Selain itu Selangor Halal Hub juga diletakkan di Pulau Indah di Klang. Selangor Halal Hub merupakan projek yang dibangunkan oleh anak syarikat kerajaan Negeri Selangor melalui syarikat Sector Spectrum Sdn. Bhd. dengan keluasan pembangunan berjumlah 587,430 eh perpuluhan empat ratus tiga puluh ekar. Fasa pertama Selangor Halal Hub telah disiapkan dengan infrastruktur. Manakala bagi fasa kedua kerja-kerja menebus guna ataupun *reclamation* telah pun bermula pada tahun Disember 2006. Sehingga kini Selangor Halal Hub fasa satu telah berjaya menarik sejumlah 11 pelabur dengan keluasan tanah sebanyak 220.19 ekar dengan jumlah jualan sebanyak RM133,162,448.80. Selangor Halal Hub Pulau Indah dibangunkan untuk memenuhi permintaan yang tinggi untuk produk halal. Sebuah syarikat yang bakal beroperasi di kawasan pembangunan ini juga telah mendapat insentif halal daripada Kerajaan Persekutuan, merupakan satu-satunya syarikat yang mendapat insentif halal ketika ini. Selain itu kita juga mempunyai Port Klang Free Zon Klang, Selangor, *Science Park 2* yang terletak di Dengkil Sepang, dan Zurah Industrial Park di Rasa, Hulu Selangor.

Jadi saya ingin menamakan dengan memberitahu Ahli-ahli Dewan ini bahawa langkah-langkah bagi Kerajaan Selangor untuk mempromosi pelaburan di Negeri Selangor adalah :-

- i) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing.

- ii) Konsep mesra pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri ataupun pelabur di negeri Selangor.
- iii) Menaik taraf infrastruktur kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park 2.
- iv) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak industri.
- v) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan sijil layak menduduki, permohonan kelulusan pelan bangunan dan lain-lain yang diperlukan oleh pihak industri ataupun pelabur menerusi *One Stop Centre* yang ditubuhkan di setiap PBT.
- vi) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan peringkat negeri dan daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
- vii) Penubuhan *Industrial Park Management Comitte* (IPMC) di setiap kawasan perindustrian di bawah kawasan pihak berkuasa.
- viii) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk peringkat pihak berkuasa tempatan.
- ix) Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
- x) Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Jadi kami berharap melalui langkah-langkah promosi pelaburan ini dan juga kerjasama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini kita boleh dapat menarik lebih pelaburan ke negeri Selangor, dan kami juga berhasrat pada tahun yang akan datang apabila ekonomi dunia bertumbuh kembali, kami berharap negeri Selangor kita akan mendapat pelaburan nombor satu di seluruh Malaysia pada tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tanya sikit, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Habis dah, tanya nak tanya. Ya silakan. Ya, Seri Kembangan.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian kepada penaiktarafan infrastruktur di kawasan Kg. Baru dan Bagan yang lama dipinggirkan oleh pentadbiran lama. Berbanding dengan pentadbiran lama, kerajaan Pakatan Rakyat lebih mengambil berat tentang pembangunan Kg. Baru dan Bagan.

Bajet 2010 telah memperuntukkan sebanyak RM5.4 juta untuk pembangunan Kg. Baru dan Bagan, manakala pentadbiran lama hanya memperuntukkan RM200,000.00 setahun untuk dikongsi oleh 78 buah kampung. Ini bermakna dalam pentadbiran Barisan Nasional setiap kampung hanya mendapat lebih kurang RM2500.00 setahun sahaja untuk pembangunan daripada Kerajaan Negeri yang lepas. Ini lebih teruk daripada membuat dermaan. Secara umumnya hampir kesemua 19 kampung Bagan di negeri Selangor menghadapi masalah kerosakan jambatan dan jalan yang diperbuat daripada kayu. Kerosakan ini boleh

membahayakan nyawa penduduk setempat. Oleh itu Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur seperti membina jambatan dan jalan konkrit di Kampong Bagan. Selain itu sungai di Kg. Bagan yang telah lama tiada di selenggara dengan sempurna. Telah mengakibatkan dasar sungai menjadi semakin cetek. Ini telah menyukarkan kapal-kapal nelayan yang bersaiz besar masuk ke dalam kawasan pelabuhan untuk kerja-kerja punggah memunggah. Jika masalah ini berterusan maka ia akan menjejaskan ekonomi setempat. Oleh itu Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan ke atas penyelenggaraan sungai di Kg. Bagan pada tahun 2010 untuk memudahkan kapal-kapal nelayan keluar masuk sungai.

Mengenai bangunan haram di kawasan Kg. Baru. Sekiranya ianya bangunan yang dibina atas tanah kerajaan tanpa kelulusan, pihak berkuasa berkaitan berhak untuk mengambil tindakan ke atasnya tak kira berapa lama bangunan itu telah didirikan. Terutamanya bangunan haram yang telah didirikan oleh parti politik seperti MCA. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai bangunan haram di kawasan Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, semakan daripada Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor didapati sebuah bangunan pejabat MCA di pekan Hulu Yam Bharu, berdekatan dengan Kg. Baru Gurney, adalah berada di atas tanah rizab jalan tanpa kelulusan. Difahamkan ia dibina pada tahun 80-an, di bawah projek Langkawi yang dilancarkan oleh parti MCA. Setelah satu lagi bangunan haram parti MCA, juga dikesan ditemui di depan Kg. Baru Bukit Chandan, yang didirikan di atas tanah rizab JKR tanpa kelulusan.

Mengenai masalah dewan JKKK yang enggan diserahkan kepada Pejabat Tanah Daerah oleh JKKK lama Kg. Baru Stesen, Hulu Yam Lama. Mereka ini kesemuanya terdiri daripada ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin MCA. Saya mahu memberi amaran kepada mereka bahawa jangan ingat dengan menambah dengan satu huruf P ke atas papan tanda menjadikan JKKKP, tanah dan bangunan tersebut akan dimiliki oleh JKKKP atau MCA. Ia tetap akan dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor, dan ia perlu diserahkan dengan segera. Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor akan mengambil tindakan ke atas bangunan-bangunan haram tersebut dengan secepat mungkin.

Bagi isu hak milik tanah Kg. Baru, dasar Kerajaan Negeri adalah hak milik akan diberikan kepada penduduk asal yang tinggal di kawasan tersebut yang telah mendirikan rumah kediaman. Dan kami sedang berusaha untuk membantu penduduk Kg. Baru bagi memperolehi hak milik mereka. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, saya mulakan penggulungan, saya ucapkan tahniah, Tan Sri Menteri Besar, di atas kebijaksanaannya mentadbir negeri dan menguruskan kewangan negeri Selangor. Untuk itu saya rakamkan sebuah pantun.

Sedangkan Nabi sayangkan umat,  
Inikan kita di akhir zaman,  
Tan Sri datang bagai penyelamat,  
Setelah keyakinan rakyat UMNO musnahkan.

Tuan Speaker, terima kasih juga kepada petani, penternak dan nelayan kerana susah payah mereka, kita dapat menikmati makanan yang dihidangkan. Para petani yang bersusah payah mengusahakan padi, nelayan yang bersusah payah ke laut dan juga para pekebun. Untuk itu saya rakamkan dalam begini;

Intan delima batu berlian,  
Ketam udang kupang dan lokan,  
Ke restoran mamak makan roti nan,  
Kepada petani, penternak dan nelayan,  
Terima kasih, Shies sher nie(bahasa cina), kami ucapkan,  
Kerana penat lelah tuan kami dapat makanan.

Berdasarkan laporan ekonomi 2008 -2009, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Negeri Selangor adalah 1.299 bilion. Pada tahun 2008, dan dijangka menurun pada 1.287 bilion pada tahun 2009. Purata pertumbuhan sektor pertanian negeri Selangor adalah sebanyak 1%. Walau bagaimanapun sumbangan sektor pertanian yang rendah, namun sektor ini tidak boleh diabaikan kerana ia dapat membekalkan 20% keperluan makanan kepada penduduk negeri Selangor,. 80% keperluan makanan penduduk negeri Selangor dibekalkan dari negeri-negeri lain atau diimport. Berdasarkan jumlah penduduk negeri Selangor seramai 5.2 juta orang, maka didapati keperluan asas untuk setahun bagi beras masih kurang 37%, buah-buahan kekurangan 79%, sayur-sayuran kekurangan 84%, daging lembu kekurangan 93%, susu lembu kekurangan 97%, daging ayam kekurangan 78%, telur ayam kekurangan 45%, daging babi kekurangan 89%, daging kambing kekurangan 54% dan ikan kekurangan 99%. Pada masa kini keluasan pertanian adalah sebanyak 242,229.7 hektar atau 30% daripada keluasan negeri Selangor. Ini menyamai jumlah hutan di negeri Selangor. Antara 18,777 hektar kawasan tanaman padi, 19,658 hektar kawasan getah, 164,209 kawasan kelapa sawit dan 2000 hektar kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan.

Tuan Speaker, namun kebanyakan kawasan pertanian yang terdapat di negeri Selangor merupakan kawasan-kawasan 'marginal', seperti tanah bergambut, bekas lombong. Ini kerana tanah-tanah kelas satu untuk pertanian telah dimajukan untuk perumahan. Untuk sektor pertanian negeri Selangor, oleh itu sektor pertanian negeri Selangor akan mengambil pendekatan seperti berikut :-

- i) Penggunaan teknologi moden seperti sistem fertigasi.
- ii) Penggunaan *verity* dan *hybrid* baru untuk biji benih dan baka.
- iii) Penilaian pembangunan bagi mengurangkan kawasan pertanian tebus guna untuk perumahan negeri Selangor sebagai *Trading Centre*.

Yang kedua, seterusnya ialah pembangunan IKS. IKS merupakan sektor keempat menyumbang dalam pembangunan negeri Selangor, yang mana ia memberi peluang perniagaan, memberi peluang pekerjaan sekurang-kurangnya untuk keluarga. Sasaran ialah untuk tahun hadapan untuk usahawan berteknologi tinggi dan program usahawan wanita. Saya tertarik dengan kenyataan Bukit Antarabangsa dan Kg. Tunku yang prihatin dengan wanita, yang saya pun tak ketinggalan menyokong usaha-usaha untuk membantu wanita. Hanya negeri Selangor yang ada 4 EXCO wanita. Saya difahamkan negeri lain tak ada seramai ini EXCO wanitanya. Oleh itu, Kg. Tunku, program Amanah Ikhtiar yang juga seperti menyamai program di Bangladesh sangat berjaya untuk membantu wanita. Di negeri Selangor ramai, usahawan wanita yang terlibat dalam program mikro kredit anjuran Amanah Ikhtiar ini. Saya dapati ramai Yang Berhormat sangat berminat dengan masalah sumber alam negeri Selangor, walaupun dia hanya menyumbangkan sedikit sahaja tanah kepada pendapatan negeri Selangor. Dalam sumber alam yang ada di negeri Selangor antaranya adalah pasir, kuari, tanah liat kemudian hutan dan *of course*, air. Untuk makluman Yang Berhormat, tahun 2006, pendapatan hasil

pasir negeri Selangor ialah 3.42 juta, tahun 2007, 2.75 juta, tahun 2008 di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri meningkat pada 5.424 juta. Saya sedang menyebut soal kenapa Petaling dapat 3 juta, 2008. 3 juta ini ialah hasil daripada program tebatan banjir, yang mana kawasan seluas 2,200 ekar telah digali untuk tebatan banjir di kawasan Sungai Buluh. Sehingga ini, anggaran sehingga Disember 2009 dijangkakan royalti pasir ialah 7.313 juta. Ini hanya keuntungan KSSB di atas projek-projek Kerajaan Negeri dan sebahagian sungai. Dan mulai Oktober tahun ini Kerajaan Negeri telah membuka untuk tanah-tanah milik persendirian dengan penyertaan tanah-tanah milik persendirian dijangkakan kutipan royalti pasir akan meningkat. Seterusnya masalah luar bandar.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kajang

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sila, Kajang

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker EXCO, Kajang ingin meminta tanya berkaitan masalah kecurian pasir dan dalam penggulungan nampaknya tidak menyentuh masalah kecurian pasir ini memang berlaku meluasnya di setiap daerah dan sehingga ke hari ini masih tiada tindakan yang konkrit untuk mengatasi masalah ini dan memang terdapat terlalu banyak hasil daripadanya telah hilang dari kebenaran negeri. Apakah cadangan untuk mengatasi masalah ini? adakah satu *frigate* yang dicadangkan itu akan diadakan *frigate* khas? Selain daripada itu kita mendapati perlombongan pasir ini memang satu masalah juga kerana ia merosakkan alam sekitar, pencemaran air sungai dan alam sekitar menjadikan tanah itu tidak berguna lagi selepas perlombongan. Di negeri Selangor ini memang kekurangan tanah. Kalau kita berterusan sebegini maka kita akan kehilangan dari segi hartanah pada negeri kita. Jadi, adakah rancangan kita mengurangkan perlombongan pasir di kawasan negeri Selangor dan kita mengimport pasir pada negeri-negeri lain? Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan bar ni.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Kajang. Saya sebut pada dewan lepas apa yang kita buat, kita mengambil alih semua tanah-tanah milik kerajaan negeri agar dikendalikan oleh Kumpulan Semesta. Satu, tanah Kerajaan Negeri telah kita kawal. Menjelang Ogos tahun ini kita mengambil semua sungai-sungai di negeri Selangor, dan pada hari ini sebahagian besar kawasan sungai kita telah kawal. Dan apabila kita buka pada bulan Oktober untuk tanah-tanah persendirian untuk mohon permit keluar pasir maka tanah-tanah persendirian yang besar telah kita kawal, Yang tinggal hanyalah kawasan-kawasan yang kecil seperti di kawasan di Kajang ialah kawasan Taman Teknologi. Kawasan-kawasan kecil yang masih belum dikawal dan pasukan khas telah ditentukan untuk mengawal kawasan-kawasan kecil. Saya akui kawasan-kawasan lombong ini terbiar. Satu, dicadangkan projek agro-culture, menternak ikan supaya diusahakan. Sehingga ke hari ini belum ada cadangan untuk mengimport pasir ke negeri Perak tetapi seandainya tidak mencukupi pasir di negeri Perak, Kumpulan Semesta akan mengusahakan untuk mengimport pasir ke negeri Perak. Yang kita ada pada hari ini, yang kita kawal termasuk pasir di negeri Perak.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Silakan Bukit Antarabangsa. Itu baru lengkap berpakaian.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sebelum kena tegur, saya pakai dahulu. Yang Berhormat Tuan Speaker ada tiga (3) perkara utama yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya. Ini bukan perkara baru tetapi tidak digulung oleh Yang Berhormat EXCO. Yang pertama, adakah benar dakwaan terdapat laporan polis yang telah dibuat berhubung kejadian kecurian pasir yang melibatkan orang dalam KSSB termasuk lori-lori yang ditahan oleh Pihak Berkuasa dimiliki oleh KSSB. Ini terkandung dalam perbahasan saya dan saya pohon mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri. Ada dua lagi. Yang kedua, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk membenarkan industri pasir ini dibuka kepada tanah-tanah persendirian tetapi saya juga sedia maklum ia juga masih lagi dikuasai oleh Semesta. Maksud saya, ialah tanah-tanah persendirian ini pemilik-pemiliknya masih perlu melalui Semesta. Persoalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan tempoh hari ialah adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memecahkan monopoli industri pasir ini yang kini dikuasai oleh KSSB. Dan yang ketiga, saya bangkitkan dalam perbahasan tempoh hari Kerajaan Negeri pernah umumkan anggaran jabatan pendapatan KSSB sejumlah RM150 Juta dan saya bertanya dalam perbahasan itu apakah perhitungan itu tersasar daripada perhitungan yang sebenarnya. Dan sekiranya perhitungan itu ada kesilapan maka saya kira Kerajaan Negeri perlu membetulkan data dan statistik yang berkenaan supaya masalah ini tidak berlanjutan terlalu lama kerana UMNO sering menggunakan angka tersebut untuk menyerang kembali kerajaan Pakatan Rakyat. Terima Kasih.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Bukit Antarabangsa. Berkaitan orang dalam saya telah memanggil pihak pengurusan KSSB untuk memberi ulasan dan mereka berjanji untuk membuat siasatan lanjut tentang dakwaan ini. Berhubung dengan tanah persendirian, kenapa kita minta Kumpulan Semesta yang menguruskan? Selama ini tiada pihak yang mempunyai kepakaran teknikal untuk mengawal perlombongan pasir di tanah-tanah persendirian. Selama ini tanah-tanah persendirian dikendalikan oleh Pejabat Daerah yang mana tiada kepakaran dari segi pengurusan, kejuruteraan, main *engineering* untuk mengendalikan tanah-tanah persendirian iaitu supaya kawalan alam sekitar dapat diteruskan, kaedah perlombongan dapat diteruskan, program pemulihan pelepasan perlombongan dapat diteruskan maka Kumpulan Semesta diberi tugas untuk mengendalikan tanah-tanah persendirian. Berhubungan sasaran itu saya akan semak semula data ini dan pastikan saya berikan jawapan kepada Bukit Antarabangsa.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO, dalam perbahasan saya ada menyentuh tentang sasaran dan seterusnya. Sekiranya pimpinan, barisan pimpinan pengurusan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. tidak dapat mencapai sasaran yang kita bagi dalam tempoh masa, kita bagi *time frame* setengah tahun kalau tidak juga *perform*, bagaimanakah kerajaan sama ada melakukan rombakan besar-besaran atau tidak?

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Saya setuju dengan cadangan Sekinchan untuk memberikan *time frame* kepada pengurusan Kumpulan Semesta untuk memastikan bahawa sasaran Kumpulan Semesta dikemaskinikan. Saya berani beri jaminan seandainya mereka tidak *perform* untuk menjalankan tugas dan kita bersedia untuk menukar kepada yang lebih baik.

Tuan Speaker berhubung dengan luar bandar, memang saya sebut dari awal bahawa bandar ini asalnya di bawah tanggungjawab federal di mana peruntukan besar-besaran telah di hantar ke negeri Selangor. Khabarnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri begitu serius untuk merampas negeri Selangor sebab itu bersungguh-sungguh untuk mengambil negeri Selangor

dari Pakatan Rakyat dan jumlah yang besar ditabur ke luar bandar kebetulan mereka sekarang sedang berkubu di kawasan-kawasan luar bandar. Dan peruntukan itu besar, saya sebutkan jawapan daripada Sijangkang tadi. Namun demikian Kerajaan Negeri tetap terus membantu luar bandar dari segi, pembangunan ekonomi luar bandar khususnya membaik pulih dewan-dewan serba guna yang tertinggal. Untuk IKS Tuan Speaker, jumlah pengusaha IKS yang telah dibantu oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 1999 ialah 800 orang dengan jumlah perbelanjaan 7 Juta dengan adanya bantuan tersebut, pengusaha telah meningkatkan jumlah jualan mereka dengan jumlah purata jualan setahun 100 000 dengan jumlah pekerja sekurang-kurangnya 3 orang. Sehubungan dengan itu juga, jika dikira secara dengan inventif jumlah jualan tahunan dan jumlah pekerja untuk semua usahawan IKS yang telah dibantu melalui pemberian dana tersebut ialah seperti berikut :Jumlah Jualan RM100 000 seorang x 800 usahawan = 80 Juta. Jumlah Pekerja 800 perniagaan x 3 = RM 240 000 pekerjaan. Jika setiap pekerja memberi upah sebanyak RM1500.00 sebulan maka limpahan ekonomi yang terhasil daripada program tersebut ialah berjumlah 3.6 Juta sebulan atau 43 Juta setahun. Walau bagaimanapun sudah terdapat di kalangan pengusaha-pengusaha tersebut yang telah pun mencapai tahap jualan lebih dari 50 000 setahun malah jualan melebihi 1 Juta setahun. Kerajaan Negeri akan memberi kajian yang lebih terperinci dalam mendapatkan data-data yang lebih tepat lagi pada masa yang akan datang. Di negeri Selangor secara keseluruhan terdapat lebih kurang 1000 tapak gerai dan tapak pasar yang didaftarkan melalui PBT seluruh negeri. Perniagaan mereka adalah sebagai bermula dari jualan produk makanan sehingga ke produk pakaian. Perkiraan kapasiti yang perlu di ambil kira dengan andaian semua peniaga tersebut sebanyak RM150.00 sehari maka jualan setahun mencapai RM450 Juta setahun. Peniaga bazar Ramadhan sepanjang bulan Ramadhan yang lepas sejumlah RM 15 893 lesen perniagaan bazar Ramadhan telah diluluskan di seluruh negeri Selangor dengan data tersebut dianggarkan dari jumlah jualan boleh diambil kira jumlah purata jualan sehari RM 150.00 untuk selama 25 hari jumlah jualan di sepanjang bulan Ramadhan 60 Juta. Maklumat usahawan yang berdaftar dengan SEMIDEX ataupun kini dikenali sebagai SME Corporation pada tahun 2006 menunjukkan bahawa sejumlah 2226 syarikat bertaraf telah mendaftar. Secara puratanya syarikat-syarikat tersebut jumlah akaun tersebut tergolong dalam kategori dalam industri kecil yang didefinisikan sebagai jumlah jualan setahun lebih kurang RM250 000 tapi kurang dari RM10 Juta dengan jumlah pekerja antara 5 hingga 19 orang. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk memajukan IKS- IKS ini. Seterusnya Tuan Speaker, berkaitan dengan luar bandar telah saya jelaskan. Untuk akhirnya saya hendak bacakan sajak, pantun dua kerat yang dihantar kepada saya, yang hantar ini orang kuat reformasi:

“Buah cempedak, buah nangka,  
Terima rasuah di akhirat celaka

Buah betik, buah nanas,  
Hilang kuasa hati panas

Satu kerusi, meja, *air-cond*, kipas,  
hilang dalam pada dewan

Buah duku, buah langsung,  
Tolak Islam di akhirat bangsat.

Buah manggis, buah rambai,  
Ketua munafik Abdullah Ubai.

Buah nam-nam, buah tembikai,



Jadi munafik tidak boleh pakai.

Buah kelapa buah peria,  
Orang mukmin di akhirat ceria”

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Kiriman SMS Abu Bakar Ipoh.

**TUAN SPEAKER:** Masa sudah sampai, Silakan Cempaka

**YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Pagi Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan ingin saya jelaskan, yang pertama adalah tentang isu imigrasi yang berkait rapat dengan pemberian air percuma. Di mana kita tahu bahawa penduduk di Rumah Pangsa ataupun Pangsapuri tidak mendapat air percuma kerana tidak mempunyai meter individu. Saya melihat bahawa penyelesaian ataupun Kerajaan Negeri melihat bahawa penyelesaian kepada masalah ini adalah bagi penduduk melakukan imigrasi iaitu untuk mendapatkan meter individu daripada meter pukal. Kerajaan Negeri sebenarnya telah mewajibkan supaya imigrasi ataupun penukaran daripada meter individu, daripada meter pukal kepada meter individu dijalankan dan ini bermakna bahawa semua Rumah Pangsa, Pangsapuri bertingkat perlukan imigrasi ini. Tetapi ada beberapa masalah yang pertama penghalang utama proses imigrasi ini adalah kerana hutang meter pukal yang terlalu tinggi. Ada yang sampai lima puluh ribu, ada yang sampai lapan puluh ribu, Jadi kita telah melakukan perbincangan dengan pihak Syabas dan pihak Syabas telah bersetuju agar hutang-hutang ini boleh kita pindahkan ke akaun-akaun pemilik-pemilik secara individu. Kalau dulu tidak boleh buat imigrasi oleh kerana ada lima puluh ribu yang di hutang lima puluh ribu meter pukal. Duit yang dia hutang di meter pukal ini adalah sebenarnya hutang penduduk setiap pemilik-pemilik yang berhutang, kalau dulu kalau nak buat imigrasi kena selesaikan hutang ini. Tetapi di atas dasar perbincangan kita dengan pihak Syabas, pihak Syabas bersetuju bahawa tak payah selesaikan hutang, hutang ini kita *transfer* kepada pemilik dan pemilik-pemilik ini pula diberikan yang dipanggil sebagai dengan izin *easy payment* skimlah untuk menyelesaikan hutang mereka sehinggalah lapan belas bulan. Oleh itu satu masalah imigrasi penghalang imigrasi dapat kita selesaikan. Masalah kedua adalah tentang *concern* ataupun *hundred percent concern* ataupun dengan izin persetujuan seratus peratus penduduk supaya menukar kepada meter individu ini. Ini kadang-kadang tidak dapat dilakukan oleh kerana kadang-kadang penyewa yang duduk situ ataupun penduduk yang enggan membuka akaun oleh kerana mereka mempunyai hutang yang tinggi. Jadi apa yang kita telah usahakan dengan Syabas adalah supaya Badan Pengurusan Bersama ataupun JMB ataupun Perbadanan Pengurusan ataupun MC boleh membuka akaun *on behalf* dengan izin pemilik-pemilik tersebut. Jadi bermakna kita akan dapat seratus peratus akaun akan dibuka untuk seluruh penduduk Rumah Pangsa itu. Jadi kalau penduduk yang hendak imigrasi saya rasa ramai yang mahukan imigrasi bahawa mereka akan buka akaun sendiri tapi yang degil itu, yang tidak mahu oleh kerana sebab-sebab tertentu JMC atau MC ataupun JMB boleh membuka akaun *on behalf* dengan izin, Seperkara lagi yang menjadi masalah adalah kadang-kadang pihak Syabas menetapkan macam-macam spesifikasi ataupun macam-macam perkara yang perlu dipatuhi di atas sistem-sistem bekalan air Rumah Pangsa tersebut. Pangsapuri tersebut ataupun kondominium, jadi apa yang selalu Syabas mahukan adalah supaya ditukar sistem itu. Ditukar ini dan ditukar itu dan ini melambatkan proses imigrasi dan sekarang ini apa yang telah kita usahakan Syabas bersetuju tidak payah tukar hanya mendapat surat aku janji daripada penduduk ataupun JMC ataupun MC supaya mereka bertanggungjawab di atas sistem tersebut. Sebab kadang-kadang bukan masalah benda itu teknikal tidak boleh dipakai tetapi tidak sama dengan apa yang Syabas mahukan. Jadi kita berharaplah bahawa dengan konsep ataupun dengan imigrasi dapat dilakukan ini dan kita ada

*target* dia. Kita berharaplah selewat-lewatnya dalam masa enam bulan semuanya mendapat imigrasi dapat dilakukan di dalam semua pangsapuri-pangsapuri ataupun kondominium-kondominium di Negeri Selangor. Kita merasakan bahawa dengan adanya pelanggaran syarat yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri ini, penduduk akan dapat menikmati dua puluh Qubeg air percuma.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa adalah tanah milik MCT di Ulu Kelang, memang benar kita MPAJ terpaksa membayar kos hampir sepuluh juta kalau keseluruhan masalah setingan. *Time city, time city* sepatutnya menyiapkan dua blok Rumah Pangsa mereka di Ulu Kelang dan Rumah-rumah Pangsa atau Pangsapuri ini bertujuan untuk menempatkan peneroka-peneroka Bandar yang telah dipindahkan. Akibat daripada kelewatan pemaju MPAJ terpaksa menanggunglah sewa tambahan untuk peneroka Bandar yang tinggal di tanah kerajaan termasuk rizab-rizab sungai dan sebagainya. Kalau peneroka duduk di tanah pemaju, pemaju yang membayar sewa tetapi sekarang ini peneroka duduk di rizab sungai, di tanah kerajaan, jadi Kerajaan kena bayar. Jadi kita melihat tentang perkara ini memandang serius satu cadangan yang kita kaji dan dibincangkan adalah PKNS mengambil alih pembinaan duit Rumah Pangsa tersebut. Walau bagaimanapun tetapi Syarikat *Time City* ini masih meneruskan, untuk cadangan tentang lot-lot yang seterusnya ada enam lot tanah milik *Time City* yang masih belum dimajukan, Sebenarnya Kerajaan Negeri dah rampas balik, ambil balik sebab dia gagal membayar premium, ianya sekarang adalah milik Kerajaan Negeri bukan milik pemaju. Perkara kedua yang juga dibangkitkan tadi yang, dibangkitkan sepanjang Sidang Dewan ini adalah tentang unit-unit hartanah kota Bumiputra yang tidak terjual supaya diserahkan kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor bagi membolehkan Lembaga menjalankan fungsinya untuk memajukan pemaju-pemaju memasarkan dan menjual unit-unit rumah atau hartanah Bumiputra yang tidak terjual ini. Sehubungan dengan itu sukacita saya mengumumkan di sini bahawa Lembaga Perumahan Hartanah Selangor telah menubuhkan satu syarikat yang bernama Perumahan dan Hartanah Selangor Sendirian Berhad pada enam Oktober 2009. Jadi syarikat ini akan memasarkan kota-kota Bumiputra, oleh kerana itu terdapat aduan bahawa pemaju-pemaju tidak memasarkan kota-kota Bumiputra ini dan untuk mengelakkan daripada perkara ini berlaku atau kita telah menubuhkan syarikat tersebut yang akan memasarkan dan pemaju dikehendaki menyerahkan semua unit kota Bumiputra yang telah ditentukan dahulu oleh syarikat tersebut sebelum pelancaran projek dilaksanakan. Jadi telah ditubuhkan sebagai satu syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sendirian Berhad pada 6 Oktober 2009. Ada ramai yang berkata bahawa tidak terdapat pelepasan-pelepasan kota, di mana ini membebaskan pihak pemaju dan ingin saya melapur di sini bahawa sepanjang 2008 dan 2009 sebanyak dua ratus enam puluh empat unit telah dilepaskan yang diminta oleh pemaju dan dilepaskan. Tetapi walau bagaimanapun ada tiga puluh pemaju yang telah menjual unit mereka tanpa mendapat kelulusan sebanyak seribu satu ratus satu unit telah dijual tanpa mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri dan akibatnya apabila dia nak buat, nak mendapatkan surat hak milik bagi pembeli-pembeli dia tidak dapat. Tetapi apabila ini berlaku memanglah kita tidak ada pilihan lain selain memberikan mereka hak milik tetapi kita akan mengenakan *penalty* lima peratus kepada pemaju-pemaju yang terlibat dan ramai yang masih kabur tentang peraturan yang sedia ada tentang pelepasan kota ini dan di antara kriteria-kriterianya adalah yang pertama adalah kemajuan projek ditapak adalah kurang-kurangnya mencapai tujuh puluh lima peratus. Saya rasa saya nak rekod ini, supaya direkodkan sebab ramai yang agak *press statement*, kenyataan-kenyataan akhbar telah dikeluarkan dan telah ada dalam laman web di mana-mana tapi masih lagi pemaju-pemaju yang masih kabur akan peraturan ini. Yang Pertama kemajuan projek di tapak kurang-kurangnya mencapai tujuh puluh lima peratus. Yang kedua unit-unit kota bukan Bumiputra telah seratus peratus dijual *hundred* persen sebab kadang-kadang kita lihat, dia mohon untuk menjual kota Bumiputera dia, tetapi kota Bumiputra bukan Bumiputra pun tidak dijual lagi, masih belum habis lagi. Ketiga pemaju

dikehendaki menunjukkan bukti bahawa aktiviti-aktiviti promosi seperti membuat iklan di dalam akhbar dan mengambil bahagian di dalam pameran hartanah telah dibuat. Saya rasa benda ini kita dapat selesaikan apabila ianya dipasarkan sendiri oleh pihak Kerajaan Negeri. Perkara ada satu perkara yang dibangkitkan tentang projek di Daerah Petaling yang dibangkitkan oleh Paya Jaras Yang Berhormat Paya Jaras tentang Juta Permai Sendirian Berhad dan Etolep Housing Sendirian Berhad dan menurut rekod kami Lembaga Zakat tidak menerima ataupun pentadbiran atau Lembaga Perumahan Hartanah Selangor yang terlibat dalam memantau ataupun mentadbirkan projek-projek terbengkalai ini bahawa pentadbiran ini tidak menerima sebarang tawaran pengambilalihan kedua-dua projek ini daripada Lembaga Zakat Selangor. Kita tidak dapat pun, kita tidak tahu pun, kalau boleh Yang Berhormat dapat.

**YB DATO IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Minta laluan

**TUAN SPEAKER:** Ya

**YB DATO IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Saya ingat lagilah wakilnya daripada Bangi datang dan terpapar dalam Surat Khabar, Cuma saya ingin maklumkan dan siapa juga yang hendak melaksanakan saya rasa perlu berbincang bagaimana kita boleh selesaikan masalah ini yang mungkin janji-janji tersebut pada rakyat ataupun pada pembeli-pembeli di sana. Cuma bagaimana tindakan Yang Berhormat EXCO boleh kita selesaikan masalah ini. Terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD:** Apa yang telah kita lakukan salah satu daripada Syarikat yang kita bekerjasama di bawah TASFORCE Projek perumahan terbengkalai yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Ulu Kelang adalah satu syarikat telah melihat, mengkaji tentang projek oleh Etolep Housing Sendirian Berhad ini, untuk melihat cara-cara macam mana hendak memajukannya. Sebab dalam kes ini kalau kita lihat bawah-bawah perjanjian syarikat yang dulu, syarikat-syarikat ini dan kerajaan-kerajaan dulu untuk memajukan projek tersebut termasuk Kerajaan Negeri terpaksa memberi tanah kepada syarikat itu. Itu adalah perjanjian syarikat bersama dengan Kerajaan yang dulu, jadi bermakna perkara ini dalam perhatian kita dan insya-Allah ini di antara projek-projek yang dilihat sebagai berpotensi untuk dibangunkan. Terima kasih.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker minta penjelasan terlalu cepat. Boleh Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Benarkan. Silakan.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Saya nak tanya pasal isu komuniti berpagar yang kita bangkitkan.

**TUAN SPEAKER:** Itu belum jawab lagi itu.

**YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD:** Komuniti berpagar dibangkitkan itu kita telah mengadakan suatu seminar dua minggu yang lepas dan seminar itu adalah sebenarnya *guardline* komuniti berpagar telah dikeluarkan pada 2007 tetapi kita melihat bahawa mungkin perlu dilakukan penambahbaikan kepada garis panduan tersebut. Jadi kita telah mengadakan suatu seminar pada dua minggu lepas hari Isnin, pada hari Isnin yang lepas dan alhamdulillah seminar itu telah dihadiri oleh daripada banyak pihaklah bukan sahaja daripada pihak Kerajaan, ADUN Yang Berhormat hadir sekali, ramai yang hadir daripada pihak pemaju pun ada, daripada penduduk residen dengan izin pun hadir. Jadi banyak maklumbalas-

maklumbalas telah kita dapat macam mana kita nak laksanakan komuniti berpagar ini dan apakah perkara-perkara yang perlu kita cadangkan perkara baru dan seperti yang mana Yang Berhormat telah berucap di dalam membahaskan bajet di antaranya supaya ianya adalah sesuatu yang *temporary* dengan izin yang sementara sehingga keadaan keselamatan di mana kita dapat melihat kadar jenayah turun mungkin ketika itu tidak perlu lagi komuniti berpagar. Jadi untuk langkah yang seterusnya kita dah ada dia punya *feedback*, maklum balas seminar tersebut dan kita masih menerima lagi maklumbalas-maklumbalas dan kita akan menubuhkan suatu fokus *group* akan membincangkan supaya selepas ini kita dapat menghasilkan suatu garis panduan dan kita akan menubuhkan suatu *working group, focus group* akan membincangkan supaya selepas ini kita dapat menghasilkan suatu garis panduan yang terperinci yang hendak digunakan. Masalahnya sekarang ini ramai yang kata tiada garis panduan sebenarnya ada garis panduan, masalahnya adalah mungkin *public city* jadi selepas ini kita akan hasilkan garis panduan. Garis panduan ini akan kita terpaksa kita hebahkan secara meluaslah, sebelum ini semua kata garis panduan atau mereka sengaja buat-buat tidak tahu, letak tong dram dan sebagainya kata tidak ada garis panduan. Terima kasih.

**YB PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN:** Minta penjelasan

**TUAN SPEAKER:** Ok.

**YB PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN:** Boleh saya Tanya sama ada Kerajaan Negeri boleh mengadakan satu perjumpaan dengan Menteri Dalam Negeri Dato' Hishammuddin secepat mungkin kerana hal ini telah dibincangkan di dalam Parlimen dua hari yang lalu dan mengikut jawapan Kementerian Dalam Negeri. Ini jawapan mereka dan saya rasa Kerajaan Negeri mesti menggesa mereka supaya mengadakan suatu perjumpaan kerana mereka berpendapat bahawa Komuniti Berpagar adalah disebabkan oleh penduduk yang tidak mahu *saleman* datang bawa lori, tidak mahu orang hantar tong gas dan tidak mahu orang jual tilam dalam kawasan perumahan mereka. Jadi nampaknya komuniti berpagar disebabkan oleh isu keselamatan tetapi pihak polis tidak sedar bahawa ini suatu masalah keselamatan. Jadi kita mesti segerakan saya cadangkan Kementerian, Kerajaan Negeri tulis surat minta Menteri Dalam Negeri datang berjumpa kerana komuniti berpagar ada dua pandangan sekarang. Penduduk berpandangan komuniti berpagar mesti diadakan kerana isu keselamatan tetapi Kementerian Dalam Negeri, pihak polis berpendapat komuniti berpagar adalah disebabkan oleh kerana penduduk tidak mahu orang bawa tong gas masuk kawasan perumahan. Jadi ada suatu konflik dekat sini, jadi saya minta Kerajaan Negeri, tolong adakan mesyuarat ini.

**TUAN SPEAKER:** Malaysia ini sudah banyak pagar, nak pagar lagi. Ya silakan.

**YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD:** Kita akan cubalah mengadakan dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kebetulan Yang Berhormat Menteri itu pun *batch* saya di Kolej Melayu Kuala Kangsar dulu, *my batch*. Jadi mungkin kita akan cuba mengadakan perbincangan atau dan secara resmi tentang perkara ini. Sebenarnya banyak perkara-perkara yang kita telah minta supaya saya telah minta bertemu dengan pihak kementerian contohnya dalam isu-isu projek perumahan terbengkalai, saya telah minta supaya kita dapat bertemu dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi ada dua pertemuanlah pertemuan bersama Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi saya harap pertemuan-pertemuan ini akan dapat menghasilkan sesuatu, Janganlah ada orang kata bertemu Menteri ini kita nak jadi cendorong kepada *Unity governmentlah* pulak. Kita hanya nak bertemu dengan Menteri ini untuk membincangkan isu-isu spesifik sahaja.

**YB PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, waktu sudah dua belas setengah hari maka saya tangguhkan dewan sehingga dua setengah petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Dipersilakan Bukit Lanjan.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin menjawab beberapa isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini dan saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada semua kerana telah mengambil masa untuk meneliti isu-isu alam sekitar dan juga pelancongan.

Pertamanya, Yang Berhormat dari Sekinchan telah membangkitkan isu aktiviti pencerobohan hutan simpan kekal di Negeri Selangor dan khasnya di hutan simpan kekal Kuala Langat Selatan *compartment* 36 dalam daerah Pantai Klang. Isu untuk memantau dan juga untuk memberhentikan pencerobohan hutan memang kita perlukan pemantauan dan penguatkuasaan yang tegas dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan dalam satu setengah tahun Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor saya boleh *guarantee* dengan izin isu pencerobohan hutan adalah satu isu yang kita utamakan dan kita telah dengan berjaya memberhentikan beberapa pencerobohan hutan simpan kekal seperti di Raja Musa dan sekarang kita ada program untuk memulihara Raja Musa. Di Kuala Langat Selatan kawasan itu penceroboh-penceroboh kebanyakan didapati adalah petani-petani yang tiada tanah untuk membuat *agriculture* dengan izin jadi kita ada niat untuk mengeluarkan mereka tetapi kita juga mesti mendapat tempat untuk mereka bercucuk tanam dan juga membuat *contribution* dengan izin kepada sektor pertanian. Jadi isu ini juga dipantau dan diteliti oleh EXCO Pertanian dan Sumber Asli.

Perkara kedua yang.....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Sekinchan minta penjelasan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Yang Berhormat EXCO tentang hutan simpan kekal Kuala Langat, sebentar tadi Yang Berhormat jawab disebabkan ada petani yang buat aktiviti pertanian di situ tetapi kalau ikut dalam laporan audit, laporan itu mengatakan bahawa yang menceroboh hutan tersebut seluas 15 hektar itu bukan untuk pertanian tetapi untuk mengeluarkan kayu balak. Jadi saya minta Yang Berhormat EXCO tolong beri penjelasan yang selanjutnya.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Bukan sahaja mengeluarkan kayu balak tetapi kalau kita lihat apa yang telah terjadi di hutan-hutan di negeri Selangor kita boleh dapati ada rumah, ada ladang kelapa sawit, ada *resort*, ada kolam ikan dan sebagainya. Jadi, yang dicatatkan dalam laporan Ketua Audit Negara adalah satu *compartment* sahaja. Memang di kawasan hutan simpan kekal di Kuala Langat Selatan terdapat pencerobohan di meratanya. Jadi, Ya, saya setuju pada masa itu ada isu keluaran kayu balak yang haram tetapi selain dari itu yang lebih besar merupakan isu pertanian. Kerana kita di negeri Selangor kesuntukan tanah khasnya untuk sektor pertanian, jadi kita perlu menangani isu ini dengan cara dengan izin win-win. Kita tidak ingin menghalau sahaja petani-petani yang ada di sana tetapi kita tidak pada masa ini membenarkan pencerobohan yang baru. So, *at least* dengan izin kita dapat menyekat perebakan dan juga pencerobohan hutan simpan di negeri Selangor untuk menaikkan prestasi kerja Jabatan Hutan di Negeri Selangor memang

kita perlukan lebih dana Jabatan Perhutanan Negeri Selangor memerlukan dana yang lebih besar supaya mereka boleh ada pegawai-pegawai yang lebih kelebihan di negeri Selangor. Kita ada kawasan hutan dan taman negeri hampir tiga puluh peratus keluasan di Negeri Selangor jadi kita bukan seperti di negeri-negeri lain prestasi kita untuk mengekalkan hutan simpan di Negeri Selangor memang bagus jadi kita perlukan dana yang lebih besar dan kita juga perlukan pemantauan yang lebih boleh dikatakan *more effective*, lebih berkesan seperti pemantauan udara yang bukan sekali setahun tetapi *at least* sekurang-kurangnya empat kali setahun. Kalau kita boleh menangani isu kesuntukan dana saya rasa hutan kita akan lebih selamat.

Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Teratai adalah mengenai isu penggunaan *polyphone*...

**TUAN SPEAKER:** Siapa ni? Ya, Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Sebelum itu Kota Damansara ingin bertanya telah disebutkan tentang kesuntukan tanah. Apakah jaminan yang ada supaya tanah yang dianggap kekal tidak digazet dan akhirnya menjadi tanah perindustrian dan seterusnya. Adakah undang-undang tambahan yang boleh menyusahkan orang kalau nak digazet.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Maaf Kota Damansara, bolehkan ulangi soalan tersebut ataupun *rearrange* sedikit.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Telah disebutkan tentang kesuntukan tanah. Kita ada hutan simpan yang dianggap kekal mungkin ada satu tekanan di mana tanah yang dianggap kekal boleh diambil balik dan digazet. Yang Kota Damansara nak tau apakah jaminan untuk mengekalkan kalau boleh selama-lamanya tanah ini. Adakah ada undang-undang tambahan yang boleh menyebabkan menyusahkan orang kalau nak digazet.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kota Damansara. Kalau kita meneliti ucapan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar ucapan belanjawan di dalamnya Yang Amat Berhormat telah menyebut bahawa kita akan membawa satu pindaan kepada akta perhutanan negara enakmen Selangor pada tahun yang akan datang iaitu sesi di bulan Mac 2010 di mana kalau ada mana-mana dengan izin *excitement of gazettes forest reserve* kita akan pindaan enakmen tersebut akan membolehkan atau memberi peluang untuk orang awam, NGO-NGO dan sesiapa yang ada minat dalam isu ini memberi pandangan adakah hutan itu sepatutnya dikeluarkan atau tidak. Jadi kita rasa kalau ada dengan izin *the force of law behind it* jadi kita boleh mengekalkan hutan simpan tersebut dengan lebih efektif.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat isu kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat Teratai tadi tentang penggunaan *polyphone* atau pun stereo *phone* dan cadangan beliau supaya kerajaan negeri membuat pelaburan dalam sektor ini melalui syarikat-syarikat kerajaan ataupun GLC. Saya tiada halangan tetapi saya rasa ini adalah satu sektor di mana pihak swasta telah menjadi pemacu kalau kita lihat kilang-kilang yang ada di Negeri Selangor dan beberapa negeri lain di Malaysia mereka sudah membuat bahan-bahan organik yang digunakan ataupun di kitar semula menggunakan dengan izin *waste from oil palm* (sisa-sisa dari kelapa sawit). So, kalau kita menyokong pihak-pihak swasta atau pengusaha-pengusaha yang sudah membuat pelaburan dalam sektor ini dan telah membeli dan membuat satu dasar di kerajaan negeri supaya semua PBT atau jabatan-jabatan yang berada di negeri Selangor menggunakan bahan-bahan yang di kitar semula dan bukan *polystyrene foam* dan sebagainya saya rasa ini adalah satu dorongan yang amat besar kepada industri tersebut. Keduanya saya ingin....

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Berkaitan dengan galakan tidak menggunakan bungkusan seperti plastik dan juga *Styrofoam* kita nampak pihak kerajaan negeri hanya bertindak secara pasif dan tunggu orang memacu dan gerakkan ini tetapi kita sebagai kerajaan negeri harus ada rancangan untuk misalnya menggalakkan atau memberi insentif kepada industri-industri ataupun korporat-korporat yang mengadakan program-program di mana pengurangan bahan plastik ataupun polistirena ini digunakan. Jadi kita harus ada rancangan tidak menunggu mereka melakukan kita kata baik tapi kita bagi insentif termasuk kalaulah penjajah-penjajah menggunakan alternatif yang tidak menjejaskan alam sekitar bagaimana kita memberi insentif atau galakkan. Sekian terima kasih.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kajang. Maksud saya bukan kita menunggu pihak swasta ataupun perniagaan-perniagaan lain untuk menjadi pemacu menggunakan alat-alat kitar semula tetapi pada masa ini saya boleh maklum bahawa memang tidak ada satu industri ataupun perniagaan yang menggunakan alat-alat yang di kitar semula seperti untuk membuat pembungkusan makanan dan sebagainya hanya satu dua kedai sahaja yang saya kebanyakan orang pun tahu di mana kedai-kedai tersebut. Maksud saya adalah kita tidak perlu sebagai kerajaan negeri ataupun GLC untuk membina ataupun membangunkan satu kilang membuat bahan-bahan tersebut kita sudah ada industri-industri kitar semula yang membuat bekas-bekas yang *recycle* atau kitar semula dan kita boleh mendorong industri tersebut dengan mengadakan satu dasar di kerajaan negeri Selangor untuk menggunakan bahan-bahan mereka ataupun kalau ada PBT-PBT mereka ada *function* atau aktiviti-aktiviti mereka boleh diarahkan untuk mengguna bahan-bahan yang di kitar semula bukan *stryrofoam*, *polyphone* dan sebagainya. Itu maksud saya.

**TUAN SPEAKER:** Ya Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Bukit Lanjan juga bercadang kepada kerajaan negeri berkenaan dengan dasar kitaran semula ini, ada baiknya kita bercadang kepada kerajaan negeri adakan satu kempen mengurangkan penggunaan beg plastik seperti apa yang dilakukan oleh sesetengah negeri seperti Pulau Pinang difahamkan setiap hari Isnin merupakan hari tidak ada beg plastik di kebanyakan pasar raya besar. Mungkin ini sebagai satu dasar atau sebagai langkah permulaan yang perlu kita gunakan adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan sedemikian. Terima kasih.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kampung Tunku. Saya merasa sangat gembira kerana Kampung Tunku telah membangkit perkara ini. Saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini bahawa dua minggu yang lalu kita telah mengadakan satu pertemuan antara pengusaha-pengusaha besar *hypermarket* dan *supermarket* dan juga dengan izin *shopping malls* di mana kita telah ada satu pendirian bahawa pada tahun yg akan datang iaitu dari 1hb Januari 2010 kita akan ada satu hari di mana kita tidak akan menggunakan *plastic di hypermarket*, di *supermarket* dan juga dengan izin *big retailers* seperti pengusaha yang besar *retailers* yang besar dan sebagainya.

Ini akan dipantau selama enam bulan kalau dengan izin *feedback* dari orang awam adalah baik kita akan menambah lebih hari di Negeri Selangor sehingga tujuh hari seminggu saya harap lah pada mungkin pada 2011 kita boleh dengan bangganya membuat pengisytiharan bahawa di Negeri Selangor beg plastik tidak akan digunakan. Boleh kah saya sambung ya. Jadi itulah jawapan saya untuk Yang Berhormat Teratai. Soalan dari Yang Berhormat Batu Caves



mengenai pemantauan yang *pro-active* yang di lereng bukit di cerun bukit kelas iii dan kelas iv saya ingin maklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita sekarang ada satu proses di mana kita sedang menggubal semula peraturan-peraturan *guidelines* tentang pembinaan di lereng bukit kelas iii dan kelas iv dalam proses tersebut kita telah masuk dalam *guidelines* tersebut satu *team* khas di mana mereka akan memantau pembangunan yang sedia ada pembangunan yang akan datang di lereng-lereng bukit, yang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu isu, isu dengan izin *green peace* macam aman hijau, *green peace* yang terdapat di satu kampung Orang Asli di Kuala Kubu Bharu saya ingin maklum kepada ahli-ahli dewan yang mulia ini tidak ada ahli-ahli *green peace* di Malaysia kerana organisasi tersebut di senarai hitamkan so saya ingin memperbetulkan persepsi Yang Berhormat dari Kuala Kubu Bharu bahawa terdapat *green peace* di Malaysia, walau bagaimanapun isu yang dibangkitkan adalah agak menarik saya rasa kerana isu pokoknya adalah terdapat satu aduan di mana pengadu-pengadu mengatakan bahawa terdapat pencerobohan dalam kawasan hutan simpan dan juga tanah kerajaan dan apabila kita meneliti dan mengkaji menyiasat isu tersebut kita telah mendapati bahawa Pejabat Pembangunan Negeri Selangor ICU, JPM telah ada satu projek untuk membangun atau mengtarkan jalan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor tidak ada masalah kalau projek-projek yang membawa kebaikan kepada rakyat dan penduduk di Negeri Selangor dibayar oleh Kerajaan Persekutuan apa yang kita ingin maklum kepada Pejabat Pembangunan Negeri Selangor, ICU JPM dan juga Adun-adun, Yang Berhormat-yang terhormat yang mulia ini apa-apa projek yang dibuat itu projek tersebut mesti dimaklumkan kepada Pejabat Daerah / Tanah, PBT kalau tidak kita pun tak tahu apa yang sedang berlaku di sana, so saya rasa apa yang berlaku di sana di Kampung Kubu Bharu itu adalah satu isu di mana kerja-kerja dibuat tidak dimaklumkan kepada Pejabat Daerah/Tanah ataupun PBT jadi saya ingin menyeru semua tidak kira dari Barisan Nasional atau pun dari Pakatan Rakyat kalau ada projek-projek pembangunan seperti mengtarkan jalan nak buat longkang dan sebagainya mesti dimaklumkan kepada PBT-PBT saya juga ingin mengambil kesempatan

**TUAN SPEAKER:** Dua minit lagi ya

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Maaf

**TUAN SPEAKER:** Dua minit lagi

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dua minit mengambil kesempatan untuk menceritakan satu-satu episod yang sangat menarik saya sebenarnya dua bulan yang dulu yang lalu sepatutnya pergi ke satu perkampungan Orang Asli di Sungai Buluh, Bukit Lagong tetapi kerana saya terpaksa pergi ke luar Negara jadi saya tidak sempat so satu *team* telah masuk ke kampung tersebut untuk berbuka puasa dengan orang asli di perkampungan itu sebelum mereka tiba di sana pegawai-pegawai dari Persekutuan telah *panic* jadi mereka telah menyuruh jangan masuk jangan bawa saya so tetapi *team* tersebut mereka enggan dengar jadi mereka terus masuk selepas itu terdapat satu jalan yang baru setengah jalan yang baru dan juga lampu-lampu sebelum itu perkampungan orang asli itu tidak ada jalan tidak ada lampu jadi saya ingin mengesyorkan semua ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Yang Berhormat buat lawatan ke semua perkampungan Orang Asli kerana kita memang boleh membantu pembangunan kepada Orang-orang Asli. Akhir kata ada satu cadangan yang diberi oleh ADUN Yang Berhormat ADUN Damansara Utama tentang galakan untuk dengan izin *Convention centre* dan juga hotel-hotel di bina supaya kita boleh mengeksploitasi atau membawa lebih pelancong untuk sektor MICE saya akan mengambil cadangan Yang Berhormat iaitu mencari insentif di mana pengusaha-pengusaha boleh mendapat sesuatu seperti *Financial* Insentif

ataupun Insentif secara *Fast-Track* untuk membina *Convention Center* atau Hotel supaya kita boleh menangani kesuntukan tapak-tapak *Convention Center* dan Hotel, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran, Selat Kelang

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** *Assalamualaikum* dan Selamat Sejahtera, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Bangi kerana membawa kita menerawang jauh ke depan sehingga menyebutkan tentang Harvard seolah-olah UNISEL dan KUIS mahu dibawa ke satu tahap seperti Harvard dan Universiti of Pansiveniar, yang kedua-duanya dikatakan universiti swasta yang memang pun menjadi sebutan dan rujukan global. Itu adalah satu puncak kejayaan yang memang kita idamkan memang saranan itu telah diambil kira oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan langkah-langkah serius yang dipelopori untuk menjadi Selangor Hub Ilmuan Hub Pendidikan dan menanamkan satu *mindset* dengan izin dan *hardest* supaya warga Selangor meliputi kepimpinan, pihak kerajaan, Jabatan dan Agensi Kerajaan Selangor dan rakyat jelata serta institusi pendidikan lebih-lebih lagi IPT kepunyaan Kerajaan Negeri seperti UNISEL dan KUIS memahami dan mendokongi hasrat ini. EXCO Pendidikan Tinggi telah pun membuka pelbagai perbincangan di antara UNISEL dan KUIS bersama-sama dengan SSIC, SHRDC, FFM dan pelbagai pihak-pihak lain supaya Unisel dan KUIS didedahkan kepada watak-watak utama yang sedang mencorakkan industri dan kemajuan di Selangor, Unisel telah diamanahkan untuk menjadi urus setia untuk projek Jejak Ilmuwan untuk *empower* dengan izin atau proses pengupayaan UNISEL sebagai satu IPT yang seharusnya memacu proses pembudayaan ilmu dan sekali gus mengurus perdanakan UNISEL ke arena atau wilayah ilmuwan untuk membantu menjejaki cendekiawan-cendekiawan bertaburan di Negeri Selangor sama ada yang telah berada di IPT mahupun di IPTS atau dalam pasaran swasta. *Database* atau pangkalan data lengkap yang kita mahu bangunkan akan membantu kerajaan merancang keperluan modal insan Selangor, selain itu kita mahu menggalakkan sumbangan maksima daripada golongan cerdik pandai tidak disedari kewujudan mereka melalui aktiviti melibatkan tunas-tunas ilmuwan ini yang kita mahukan daripada pelajar-pelajar sekolah mahupun pelajar universiti atau kolej dan Kerajaan Selangor mahu menggalakkan ilmuwan-ilmuwan membukukan ilmu dan kemahiran serta pengalaman mereka supaya menjadi khazanah yang boleh menjadi rujukan untuk generasi akan datang. Kita tengah merancang mewujudkan beberapa anugerah sebagai pengiktirafan dan dorongan kepada pihak ilmuwan-ilmuwan di pelbagai bidang sama ada daripada segi penemuan-penemuan baru ataupun hasil-hasil kajian buku yang memberi impak lagi-lagi yang menyumbangkan kepada kemajuan, kesejahteraan, kebajikan, keharmonian, dan keselamatan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah pun berjaya melobikan, melobi membawa *Conference Ke-17 Sains Antarabangsa* yang melibatkan seratus *scientist* daripada Negara OIC yang merupakan *fellow* kepada *Islamic World Academic Sciences* yang diadakan pada 14 hingga 17 Disember, Insya-Allah di Shah Alam dan untuk makluman para Ahli-ahli Yang Berhormat *Islamic World* maknanya OIC *countries* insya-Allah. *Scientist* daripada US dan UK telah pun bersetuju untuk datang ke *conference* penting ini dan juga seorang *nobel law rite*, Insya-Allah akan bersama kita pada *conference* itu

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, boleh nak bagi

**TUAN SPEAKER:** Bangi, Sila

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Semalam saya ada tanya adakah pernah apa ni pihak UNISEL dan juga KUIS membuat audit luaran dan dalaman kalau ada yang terutamanya luaran dari profesor-profesor universiti manakah yang dijemput dan apakah hasil apa benda dia ni telah diberi oleh pihak penilai luar setakat ni ya.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih pada Bangi sebenarnya saya nak masuk kat situ tapi mungkin kita masuk terus la ke persoalan itu, tentang audit *internal* dan *external*. *Internal Auditing* ini pada masa ini memang ada sedikit sebanyak dilakukan sama ada oleh pelajar itu memberi komen tentang pensyarah-pensyarah mereka ataupun di antara pensyarah-pensyarah itu sendiri dan ada juga dari universiti-universiti lain apabila UNISEL mahu mendapat pengiktirafan MQA daripada luar Negara sebenarnya ada di antara pelajar-pelajar dari UNISEL yang *post grade study* ini di *supervise* di apakan bersama oleh profesor-profesor daripada luar negara termasuk Imperial College, Oxford University , dan Cambridge jadi ini antara jaringan telah pun

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Boleh saya ganggu sebab ini bidang yang memang telah saya lalui, Audit Dalaman ini sebenarnya audit daripada luaran terhadap universiti ini sebenarnya dia datang audit semua aspek daripada Naib Canselornya, tenaga pengajarnya, kursusnya, pengajarnya, kegiatannya dan ko-kurikulumnya kejayaan-kejayaan yang telah dibuat di peringkat antara universiti di tempatan ataupun antarabangsa dan dengan *interview* kepada semua pihak, yang dilakukan oleh *auditors* dari luar Negeri itu.

**YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Yang itu tadi tentang sebab kita ni baru sikit-sikit bila saya melihat tentang Harvard University yang disebutkan oleh YB Bangi yang Harvard University lahir pada 1636 lama la, dah jauh dan bila saya sebutkan tentang sedikit-sedikit pengiktirafan daripada luar itu kalau disebutkan oleh Bangi tadi di audit daripada visi sampai ke bawah memang tidak ada dilakukan bahkan semasa Pakatan Rakyat memerintah ini, kita baru melihat secara lebih terperinci tentang audit-audit kewangan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Kita ganggu lagi Tuan Speaker, kalau tak pernah ada di audit apa pun kita tak pernah ialah jangan cepat memberi pengiktirafan hadiah dan sebagainya sebagai yang disebutkan tadi nanti kita beri hadiah pengiktirafan kepada yang tidak bernilai biar dia berjaya umpama mencapai apa ni kepujian pada peringkat umpamanya sekurang-kurangnya di Malaysia ataupun di Asia dan sebagainya. Sekarang UNISEL tak pernah disebut umpamanya dalam apa kejayaan antara universiti. Macam Universiti Malaya dapat capai begitu USM. Tiba-tiba kita yang tak pernah mencapai apa kita nak bagi anugerah dan sebagainya saya rasa tak munasabah, biarkan dulu benda ni *venture* dalam bidangnya dan mendapat pengiktirafan dulu antarabangsa baru mungkin kita bagi hadiah. Kita bagi hadiah sekarang dengan tak ada nilai tidak bermakna.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Bila kita kata, kita mahu beri anugerah itu bukan bermakna kita hanya beri kepada UNISEL, bukan, untuk semua maksudnya sama ada untuk IPTA yang bermaksud bukan institusi pengajian tinggi di bawah Kerajaan Negeri ataupun IPTS, bukan UNISEL, bukan saja UNISEL dan saya mengakui bahawa audit-audit ini memang perlu dilakukan tetapi saya nak menyebut kepada Yang Berhormat Bangi audit ini tidak pernah ada di dalam kamus kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dan saya sebelum tadi sebelum Bangi bangun lagi tadi saya menyatakan bahawa kewangan ini baru tentang audit kewangan UNISEL ini baru nak diperbetulkan belum sampai tentang akademik, pencapaian akademik, kualiti daripada Naib Canselor hinggalah ke Pensyarah dan sebagainya, itu belum lagi. Jadi kita baru nak mula langkah, jadi kita utamakan yang utama dulu dan Insya-Allah kita dalam proses menyedarkan mereka bahawa mereka ini memang perlu memainkan peranan menjamin kualiti....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, kalau kita baru nak mula dan kita tak ada peruntukkan yang besar nak audit keseluruhan pengalaman kita, saya di UKM ertinya

masing-masing fakulti dulu menjemput tokoh-tokoh dari luar negara yang sama fakulti yang kita kenal kepakarannya datang audit di fakulti kita dulu. Kalau kita nak buat serentak tak mampu, jadi kita audit jabatan demi jabatan masing-masing kepakaran yang dia tahu pakar di luar negeri siapa dan jemput dia untuk audit jabatan sahaja. Jabatan lain juga akan jemput dan jabatan lain juga akan jemput dengan sendirinya dan akhirnya satu jabatan itu akan terkenal di luar negeri kerana kepakaran dan ianya diakui oleh professor-professor antarabangsa dari luar negeri umpamanya. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih kepada Bangi, Insya-Allah memang kita, itu kita boleh lakukan dan sebab itu di antara objektif kita menjemput para-para saintis mana ilmuwan yang terkemuka yang telah pun mendapatkan anugerah dunia, pengiktirafan dunia ke Selangor ini dan diurus setia oleh UNISEL supaya kita membuka mata, membuka minda dan juga membuka segalanya supaya warga UNISEL ini menaikkan lagi, mempertingkatkan lagi kemampuan mereka daripada semua bidang. Tetapi yang Bangi kata tadi UNISEL kalau tidak dapat anugerah apa-apa lagi tidak berapa betul sebab UNISEL pernah dapat piala emas di peringkat antarabangsa mengenai teknologi nano satelit Kansas di Madrid. Jadi memang antarabangsa ada juga...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat EXCO bercakap tentang audit. Saya juga ingin bercakap tentang audit, tapi audit saya bukan audit kewangan iaitu audit kedudukan Naib Canselor UNISEL sekarang ni. Adakah kita akan audit kedudukannya sebagai Naib Canselor UNISEL ataupun kita akan tukar kepada orang lain nanti. Saya faham Yang Berhormat tahu siapa yang saya maksudkan Naib Canselor iaitu tak lain tak bukan Datin Sri Rosmah Mansor. Canselor, Canselor, maaf, Canselor, Canselor.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Yang itu Y.A.B Menteri Besar kena jawab, tapi Insya-Allah dia tak berapa lama lagi tempohlah, audit itu, itu lain auditlah, saya tak jawablah tu.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, Teratai.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya cuma nak penjelasan, kalau kita tidak cukup dalam segi kewangan bolehkah kita potong sebahagian dari SPIES program itu ke UNISEL supaya ini boleh memanfaatkan pelajar-pelajar dengan secara terus dan kita boleh nampak hasilnya mungkin dalam beberapa tahun.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Terima kasih kepada Teratai. Teratai beberapa kali mengatakan tentang SPIES. Untuk makluman Teratai, SPIES ini adalah seperti proses kita membersihkan dan mengindahkan Sg. Klang kerana bila kita mahu membangunkan, membangunkan Sg. Klang ini ada proses kotor-kotor di dalam sungai itu yang harus mengambil masa yang begitu lama. Kalau kita tengok dalam proses itu kalau disebutkan dalam projek itu mengambil masa dalam 30 tahun. Ia tidak boleh dibersihkan begitu sahaja. Begitulah juga yang berlaku di Selangor ini di mana kita kata kita sebut semuanya tentang jenayah, semua takut tentang keselamatan, siapa yang menimbulkan huru-hara, siapa yang menimbulkan jenayah, siapa yang meragut, siapa yang merompak, bukankah itu manusia. Siapakah yang

mengotorkan sungai, bukankah itu manusia, siapakah yang mengotorkan udara, bukankah itu manusia. Yang tadi kata pakai *polistrin* dan sebagainya, siapa bukankah itu manusia.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Teratai bangun lagi.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Saya ingat saya belum habis lagi, belum habis konsep tu lagi.

**TUAN SPEAKER:** Tapi tak perlu SPIES lagi la, Teratai tahu. Tak usah SPIES. Soalan pokok UNISEL tu, jadi SPIES tu cuma cabang aje, sikit aje, kena baliklah

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Jadi sebab itu UNISEL adalah satu institusi yang mengeluarkan modal insan dan apabila kita menyebutkan dan kita mahu melahirkan modal insan yang berkualiti ia akan menjamin kualiti insan masa depan adalah cara pemikiran ataupun sikap rakyat yang tinggal di sesebuah masyarakat atau negeri itu. Kalau *mentality* sikap, *hardset*, *mindset*, cerita pasal integriti, pasal rasuah, pasal tidak amanah, pasal tidak jujur, masalah tidak menjaga, tidak menjagakan kebertanggungjawabannya maka inilah sebab, sebab itu kita mementingkan pembangunan modal insan yang di mana kita mahu menerapkan modal SPIES itu. Jadi saya balik kepada UNISEL kerana itu seolah-olah macam apa, kita ni kan tadi macam sungai tadi kalau kita tak bersihkan betul-betul dan ada kita tak menghalang orang mengotorkan sungai Klang lagi 10 bilion kalau kita habiskan dia masih juga akan memerlukan banyak lagi untuk di apakan, untuk dibersihkan. Jadi itu di antara yang saya sebutkan tadi tentang *Islamic of Academic of Sciences*, di mana kita akan adakan pada 14 - 17 hb. Disember di Shah Alam di mana ini akan mendedahkan UNISEL kepada lingkaran ilmiah yang lebih luas dan mencabar dan diharapkan mempertingkatkan jaringan antarabangsa dan melonjakkan daya maju dan daya saing Pensyarah dan pelajar serta pengurusan tertinggi UNISEL.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker saya nak tanya tentang nak melonjakkan prestasi UNISEL. Apa relevansinya kita melantik Puan Sri Rosmah menjadi Canselor, adakah kepakaran dia dalam bidang akademik atau sebagainya atau kerana sesuatu yang lain.

**TUAN SPEAKER:** Saya rasa itu tak perlu jawab sebab dalam perbahasan tidak ada.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Sebab bukan kita pun yang melantik. Okey, saya pergi kepada tema *conference* itu ialah *Towards The Knowledge Society Islamic World. Knowledge Production Implecation and Dicemination* yang akan mengupas antara lain peranan wanita, belia, media dan pihak swasta dalam mengaplikasikan sains dalam kehidupan. Pada 30hb Oktober hingga 1 November yang lepas UNISEL telah membanggakan kita semua kerana berjaya menganjurkan program *Two In One First Conference Malaysia Indonesia Private University* dan *Second International Conference On Topronoship and Family Business*. Begitu juga dengan KUIS akan menjadi urus setia kepada *Conference On Muslim Education* pada 21 – 23 hb. Disember 2009 yang melibatkan University of Cambridge hasil daripada usaha kita mempertemukan KUIS dengan sebuah NGO yang digelar Ikatan ilmuwan. Pakar-pakar pendidikan Islam dari pelbagai negara akan membentangkan kertas kerja dan satu kajian tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam Di Selangor bakal dibentangkan. Kita juga mahu KUIS menjadi juara mengeluarkan modal insan berkualiti yang menjadi peneraju Selangor sebagai (**Bahasa Arab**).....seperti yang disebutkan oleh Y.A.B Menteri Besar dalam ucapan bajet beliau, maksudnya negeri yang baik dan diberkati serta diampuni oleh Allah S.W.T. bebas daripada maksiat dan kemungkar dan Insyallah segala

jenayah dan masalah keselamatan yang kita sebut-sebutkan semua. Banyak lagi yang harus kita lakukan untuk menjadi UNISEL dan KUIS pusat tumpuan ilmiah dunia usaha-usaha awal ke arah itu telah membenihkan paradigma baru di kalangan warga UNISEL dan KUIS iaitu kita tidak mahu jadi jaguh kampung Selangor sahaja tetapi mereka harus memposisikan diri sebagai...

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, sekali lagi nak tanya setakat ini mahu mempertingkatkan KUIS telah berapa banyak kerjasama antara universiti-universiti terutama universiti-universiti di negara Islam yang telah dilakukan oleh KUIS dan juga peringkat dunia.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Untuk KUIS ini mungkin ada beberapa universiti yang telah dibuat lawatan oleh KUIS. Sebenarnya KUIS ini berhasrat untuk membuka fakulti perubatan di Chennai tetapi oleh kerana ia melibatkan kos yang agak mahal dan kita mahu membawa

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, kenapa nak buka di Chennai tidak dibuka di KUIS sendiri, di Bangi ada tanah lagi kalau nak buka fakulti perubatan kita memang alu-alukan. Mengapa nak bukan di Chennai di India, tidak di sini.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Saya belum habis lagi tetapi dibatalkan kerana mereka sendiri yang pergi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Baguslah batal tetapi kita kena alih ke Bangi semula.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Okey, jadi sebab itu telah dibatalkan dan memang kita mahu ianya dilakukan di Selangor kerana itu adalah inisiatif universiti KUIS itu sendiri. Jadi ini sebab Bangi apa.. saya nikan balik.. saya mahu UNISEL dan KUIS memposisikan diri sebagai institusi ilmu dan kepakarannya akan menjadi pemacu kemajuan kesejahteraan dan kecemerlangan Selangor yang bertindak sebagai penjana ilmu dan maklumat dan keterampilan kerajaan. Saya berharap mereka

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker ini serius, kita tentang fakulti perubatan ini, UKM telah diiktiraf salah satu daripada fakulti perubatan terbaik di dunia. Jadi kalaulah ertinya KUIS mahu mendirikan fakulti perubatan kita alu-alukan khususnya bekerjasama dengan fakulti perubatan UKM sendiri, dan memang UKM kampusnya di Kuala Lumpur, kita alu-alukan KUIS mendirikan fakultinya di Sri Putra itu sendiri. Sri Putra itu di bawah Bangi juga. Terima kasih.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** Bukankah UKM itu IPTA dan di bawah Kementerian. Itu satu apa..kalau tadi sebut pasal Canselor, itu satu masalah apa..jadi saya berharap mereka mengkaji bagaimana mahu menjadi Harvard of Selangor ini, Insya-Allah. Malangnya saya agak terkilan dengan Bangi kerana walaupun bersungguh-sungguh mahu melihat IPT-IPT Kerajaan Negeri bertaraf dunia tetapi tidak sedikit pun menyarankan agar peruntukkan untuk IPT dilipatgandakan jauh berbeza dengan Bukit Antarabangsa. Tetapi Bukit Antarabangsa hanya minat wanita bukan dengan Harvard of Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat dua minit lagi.

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** YB Sijangkang mahu fakulti perubatan dan seterusnya hospital kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor diwujudkan dan ini ada cadangan yang amat relevan tetapi bajet yang begitu besar dan Insya-Allah kita akan lihat di masa depan. Kuan memperlekehkan hadiah seribu ringgit anak masuk universiti beliau mengatakan takkan hanya 7,000 ribu orang sahaja pelajar yang mampu masuk universiti di Selangor. Daripada fakta yang ada pada saya ada 8,116 orang yang memohon dan 4,472 yang layak, yang tidak layak 2,058. Kalau saya lihat pada tahun ini seramai 60,000 lebih, 62,000 ribu calon SPM pada tahun ini. Saya rasa tahun lepas pun tak jauh beza. Pertamanya mungkin mereka ini tidak memohon, kalau mereka tidak memohon maka mereka tidak akan dapat. Yang keduanya, kalau mereka tidak layak, hanya yang memohon yang kita tahu sama ada ia layak atau tidak, jadi kita mengharapkan Yang Berhormat tolong sebar-sebar luaskan lagi tentang hadiah anak yang masuk universiti, mungkin mereka tidak peka lagi tentang perkara ini. Sijangkang juga mahu kajian tentang taburan sekolah di Kuala Langat kerana dikatakan macam tidak ada sekolah agama yang ada di Kuala Langat itu, Insya-Allah ini kita akan buat kajian secara menyeluruh dan memberikan satu cadangan kepada pihak yang berkenaan. Lembah Jaya berpuas hati dan menyambut baik SPIES dan jadi saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan memohon untuk mendokongkan lagi. Subang Jaya mahu satu pusat latihan khas untuk pelajar otistik yang mungkin selepas sekolah dan kita akan meneliti kemungkinan-kemungkinan untuk mewujudkan latihan, pusat latihan khusus ini walaupun saya merasakan ianya lebih sesuai difikirkan oleh Kerajaan Persekutuan khususnya daripada Bahagian Sumber Manusianya dan akhir sekali tentang keadaan pekerja yang disebutkan Kota Damansara. Kota Damansara risau tentang kita mencari pelabur-pelabur dalam masa yang sama takut eksploitasi pekerja dilakukan. Insya-Allah kita akan mengadakan satu perbincangan dengan majikan-majikan dan saya menjemput Kota Damansara untuk bersama-sama menyuarakan kebimbangan dan kerisauan beliau tentang masalah-masalah mereka yang bekerja bersama-sama dengan kita ini. Dan akhir pun Hulu Kelang menyebutkan kes Dr. Asri ini jadi saya nak menyebutkan memang kita dalam projek ilmuwan ini kita mahu melahirkan ilmuwan-ilmuwan yang seramai mungkin di Selangor kerana kita mahu membudayakan ilmu di Selangor ini sudah tentulah semua pihak harus berlapang dada berfikiran terbuka dan sebab itulah untuk pengetahuan Teratai dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam SPIES itu ada I dan I itu intelek, pembangunan intelek, dalam cabang intelek itu ialah lima M. Lima M itu maknanya bukan sahaja tiga M yang diwar-warkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, membaca, menulis mengira tetapi M keempat ialah memikir. Kita mahu kemahiran memikir secara kritikal, secara *analitical* secara *lateral*, secara *parallel* dan secara kreatif supaya rakyat di Negeri Selangor ini memahami isu sebenar, mengetahui apakah isu sebenarnya masalah-masalah dan boleh mencerakinkan masalah supaya masalah ini boleh diatasi dengan sebaik mungkin dan supaya rakyat di Negeri Selangor tidak mudah ditundukkan oleh UMNO Barisan Nasional. Jadi sekali gus kalau generasi baru yang mahu dilahirkan dan Pakatan Rakyat Negeri Selangor adalah insan-insan yang mampu menyelesaikan masalah-masalah mempunyai daya cipta yang mampu memacu Selangor negeri idaman maju sejahtera dan berkeadilan. Akhir sekali saya nak menutupkan Tuan Speaker dengan sebuah pantun, Pulau Ketam jauh ke tengah, Kampung Delek bersimpang tiga, Pakatan Rakyat peluh dikerah, Insya-Allah Selangor maju rakyat sejahtera. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker dan kepada rakan-rakan ADUN yang telah bertanya soalan tentang kemiskinan di dalam kawasan. Terkini kita sedar membawa ekor dari kemelesetan ekonomi global yang melanda maka berlakulah peningkatan kadar kemiskinan bandar dengan izin *urban poverty* di seluruh negara lebih-lebih lagi di Negeri Selangor. Kita dapat *feedback* bahawa begitu ramai dari golongan ini telah dapat

datang ke Pejabat-pejabat ADUN di Negeri Selangor untuk memohon bagi mendapatkan bantuan makanan sara hidup serta mencari peluang-peluang pekerjaan bagi menampung keperluan keluarga mereka. Keadaan ini begitu *alarming* kerana sekiranya kita tidak dapat mengawal serta membendung secara ianya akan meningkatkan lagi gejala sosial dan jenayah di negeri ini. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan sedang mengumpul data untuk mendapatkan jumlah sebenar mereka yang masuk dalam kategori ini. Dalam masa yang sama STANCO sedang membuat kajian khusus terhadap kemiskinan bandar di Klang kerana kita dapati bahawa daerah ini adalah antara daerah yang tertinggi menghadapi masalah ini. Tuan Speaker, selain daripada kemiskinan bandar, Kerajaan Negeri juga dengan izin *concern* terhadap masalah kemiskinan yang melanda luar bandar agak membimbangkan majoriti masyarakat Melayu. Kita sedang mengumpulkan data terhadap lebih sembilan ribu keluarga penanaman padi di kawasan Sabak Bernam yang kita kenal pasti berada di bawah paras kemiskinan. Kita mendapat bahawa adalah begitu malang bagi daerah yang dikenali sebagai kawasan jelapang padi Negeri Selangor tetapi ramai di kalangan penanam padinya jatuh di bawah kategori ini. Tuan Speaker, dalam usaha membasmi kemiskinan, kita juga merancang untuk memperluaskan lagi program *micro credit* untuk membantu generasi muda, ibu tunggal dan kalangan OKU yang menambahkan pendapatan mereka di bawah skim *blue print* pembasmian kemiskinan. Di bawah skim ini mereka-mereka yang layak akan diberikan percuma peralatan-peralatan pertanian, *utensil* untuk perniagaan antaranya mesin potong rumput, mesin pam air, mesin tebu, peralatan pemasakan dan dapur, peti ais penyimpanan ikan *freezer* dan juga mesin jahit. Setakat ini kita telah memberi bantuan kepada tiga ratus tiga puluh orang individu di seluruh negeri Selangor. Kita juga merancang untuk memperluaskan lagi skim bantuan perniagaan yang dijalankan oleh Lembaga Zakat Selangor bagi membantu ASNAF di kalangan masyarakat Islam untuk menjalankan perniagaan. Kita merancang untuk memperluaskan skim yang serupa kepada masyarakat bukan Islam yang miskin. Dalam skim ini mereka yang terpilih akan diberikan satu lot perniagaan..

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker boleh saya minta penjelasan tentang bantuan zakat kepada orang Islam memang baguslah, bagaimana dengan cadangan duit Baitulmal yang secara umum itu juga digunakan untuk semua kaum.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Cadangan tu baik dari Bangi tapi saya ingat saya nak Menteri Besar jawablah nanti kalau kita boleh gunakan duit Baitulmal tu kepada semua golongan masyarakat di Negeri Selangor. Saya bersetuju, saya tidak ada masalah dengan menggunakan duit itu untuk keseluruhan umat di Negeri Selangor. Dalam skim ini mereka akan terpilih dan diberikan satu lot gerai..

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Kota Damansara ingin mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Kota Damansara ingin bertanya, nampaknya tugas dan bantuan itu bertindih di antara EXCO. Adakah penyelarasan antara EXCO supaya bantuan yang diberi itu secara menyeluruh bukan bertindih-tindih ataupun berserpihan.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Saya katakan bahawa skim ini di bawah STANCO Kemiskinan, kita ada satu program yang saya katakan tadi *Program Blue Print* di mana kita ada borang dan mereka boleh tanya untuk bantuan-bantuan demikian dan dalam bantuan itu kalaulah kita nampak bantuan-bantuan itu diminta oleh pengusahawan-pengusahawan yang hendakkan bantuan untuk perniagaan dan demikian kita akan salurkan kepada EXCO yang berkenaan tetapi di sini kita bagi untuk meningkatkan



kemiskinan di dalam kawasan-kawasan mereka sahaja. Usaha ini dijalankan dengan kerjasama PBT di sebuah lokasi yang tersebut yang Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati saya amat kecewa dengan hujah-hujah Ahli Yang Berhormat Kota Alam Shah yang menyalahkan kepimpinan Pakatan lain yang tidak berjumpa dengan beliau tentang masalah-masalah masyarakat India. Ahli Yang Berhormat sebagai seorang daripada Parti Sosialis harus sedar prinsip-prinsip sosialisme di mana kita utamakan kemewahan dan kehidupan rakyat jelata bukan puji memuji kecemerlangan tokoh-tokoh politik. Kerajaan Pakatan dan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat Negeri Selangor sentiasa sedia mendengar cadangan-cadangan Yang Berhormat untuk kemewahan semua rakyat bukan sahaja satu golongan masyarakat sahaja. Pintu-pintu kami terbuka untuk mendengar segala...

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Apa yang saya bangkitkan Tuan Speaker ialah kalau pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat tidak dapat berjumpa atau tidak mahu berjumpa dengan seorang ADUN saya bimbang apa akan berlaku kepada kaum India yang lain oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat. Itu yang saya ingin bangkitkan di sini sebab saya sendiri telah menerima padah begini. Saya bimbang apa akan berlaku kepada kaum India yang lain yang di mana saya tahu pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat Negeri Selangor mendewadewakan segolongan orang-orang kaya sahaja. Saya dijunjung diangkat oleh kaum India yang lain, saya percaya Pakatan Rakyat saya percaya EXCO ni tidak berjumpa dengan kaum yang benar-benar telah menjadikan Pakatan Rakyat kerajaan Negeri Selangor. Bukan orang Setia rajah dan orang-orangnya, orang-orang yang benar-benar menghidupkan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor adalah orang-orang yang lain. Beliau tidak tahu, saya tahu, jika saya tidak dijumpai mengapa kaum lain yang telah bertungkus lumus kerja kami dijunjung oleh seratus ribu kaum India sebelum pilihan raya pada dua puluh lima November dua ribu tujuh bukan selepas lapan Mac dua ribu lapan sebelum pilihan raya seratus ribu kaum India menjunjung lima pemimpin HINDRAF mengangkat kami bukan..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, kita sudah tahu, biar kita dengar penjelasan daripada Seri Andalas. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker, terima kasih. Pintu-pintu kami terbuka untuk mendengar segala pandangan dan komen yang bernas daripada Tuan untuk memajukan Negeri Selangor kita. Sekarang kerajaan ini sedang mengambil semua tindakan meningkatkan kehidupan sosioekonomi semua masyarakat serta mengambil tindakan untuk membanteras budaya keganasan dalam kalangan golongan muda untuk memajukan golongan muda dan tiga perpuluhan lima juta disediakan untuk aktiviti-aktiviti sukan dan sosial bagi menggalakkan pemuda pemudi melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang sihat bagi melahirkan masyarakat penyayang.

**TUAN SPEAKER:** Ya (Kampung Tunku)

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Seri Andalas. Dalam bajet yang kita bentangkan ini sebanyak kalau saya tak silap dua juta ringgit diperuntukkan untuk tabung anak-anak ladang. Saya ingin bertanya apakah perisian atau perancangan yang terkandung di dalam dua juta ringgit ini kerana saya rasa setahun yang lalu kita pun memperuntukkan jumlah yang besar untuk tabung ini tetapi jarang-jarang kita dengar

apa program yang ada, kalau boleh saya mintak Yang Berhormat huraikan sedikit sebanyak yang akan kita laksanakan di bawah tabung ini dan apakah perisiannya. Terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Kampung Tunku. Memang dalam hujah saya jawapan yang telah diminta oleh Kampung Tunku saya akan bagikan. Saya nak bangkitkan satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat DUN Sungai Burung tadi dengan sekolah di Midlands, Ladang Midlands. Yang Berhormat DUN Sungai Burung telah membangkitkan isu tanah Sekolah Tamil Midlands yang menyalahkan kerajaan Pakatan Rakyat menjual tanah sekolah Tamil di I-City. Untuk maklumat tuan-tuan sekalian, Kerajaan Pakatan lebih prihatin dan menyebarkan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat ladang. Itulah sebab Kerajaan bercadang membina sebuah sekolah Tamil yang moden dan serba cantik, canggih di tapak di mana sekolah Tamil sedia ada. Ini akan memudahkan ibu bapa dan anak-anak berulang-alik ke sekolah yang dekat dengan kediaman mereka. Bagi Kerajaan Barisan Nasional, adakah sekolah Tamil sesuatu yang perlu dipulaukan ke kawasan ICT. Mengapa sekolah itu harus ditempatkan di kawasan perindustrian dan jauh dari kawasan perumahan. Yang Berhormat harus sedar masyarakat Ladang Midlands berjuang untuk tapak kekal sekolah Tamil selama 16 tahun dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Bukan sahaja sekolah tidak dapat dibina semasa pemerintahan Barisan Nasional, malah tapak tanah juga tidak diberi hak milik. Maka, sekian lama isu tapak tanah di ICT hanya menjadi impian para pekerja dan sandiwara Politik Barisan Nasional. Jikalau Barisan terus menerajui Kerajaan Negeri Selangor, sudah pasti tapak sekolah Tamil terus menjadi mimpi siang. Berikut adalah tiga (3) contoh kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional telah menyalahgunakan tapak tanah sekolah Tamil. Sebahagian tanah milik sekolah Tamil Ladang Efingham, Damansara Utama kini telah menjadi milik Dato' Seri Samy Vellu dan MIC. 20 tahun dahulu, selamat ladang-ladang getah diambil untuk membina Bandaraya Shah Alam, Barisan Nasional telah berjanji kepada masyarakat Ladang Sungai Renggam, tanah seluas 10 ekar bagi sekolah Tamil Sungai Renggam dan kini hanya tinggal 3.5 ekar sahaja. Bagi tanah Ladang Bukit Raja di mana pemaju menyediakan 5.6 ekar tanah, tetapi 2.6 ekar tanah sekolah telah di rusuh dan hanya 3 ekar sahaja diberikan kepada sekolah berkenaan. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor telah menebus kembali baki tanah seluas 2.6 ekar tersebut untuk pihak sekolah Tamil Ladang Bukit Raja. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor berganding bahu dan berusaha gigih untuk membela masyarakat pekerja ladang yang sekian lama terpinggir. Dengan ini, Kerajaan Pakatan menyeru pihak UMNO dan Barisan Nasional untuk berhenti memainkan taktik-taktik kotor politik yang boleh memecahbelahkan rakyat Malaysia yang hidup dalam keadaan harmoni.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya nak bangkitkan tentang sekolah Tamil tadi. Kita di Pekan Bangi ada satu sekolah Tamil di sana dan saya pernah pergilah buat bantuan dan sebagainya. Sedarkah Seri Andalas bahawa sekolah itu menduduki tanah milik perseorangan dan sehingga sekarang sekolah itu hendak mencari satu tapak rasmi, masih belum dapat lagi dan pihak Kerajaan Persekutuan tidak memberi perhatian terhadap permohonan yang dibuat oleh pihak sekolah ini. Sekolah ini dianggap masih sebagai sekolah rakyat yang seolah-olah bukan di bawah Kerajaan Persekutuan. Pada hal di bawah Kerajaan Persekutuan. Satu lagi ialah sekolah di West Country. West Country ini agak baik dari segi tapaknya tetapi dari segi peruntukannya masih agak ketinggalan dan kita cuba bantu. Masalahnya bila ADUN Bangi nak pergi ke sekolah-sekolah ini, dia dilarang macam saya di sekolah Tamil di Pekan Bangi tu, kita nak bantu kerusi meja dia tak cukup, murid-murid nak guna. Guru Besar dia tak berani nak

berjumpa kita. Dia hantar PIBG sahaja buat acara menyerahkan bangku dengan kerusi. Di West Country ini, dia pengawal ramai jaga tapi tak ada pondok pengawal. Dia minta ADUN Bangi bantu. Kita buatlah, apa ni, tempat apa, pondok pengawal. Masalahnya bila siap, kita nak serah pun masalah fasal Guru Besar tak berani nak depan dengan kita walaupun sudah siap lama. Kita belanja RM5....6 ribu jugalah. Akhirnya kita terpaksa pergi serah kepada Ketua Persatuan Guru-guru. PIBG pun tak berani jumpa. Akhirnya Timbalan dialah yang sanggup datang. Kita melakukan upacara penyerahan. Begitu takut sekali. Pada hal kita nak buat baik ya dengan nak bagi bantuan, bukan nak, memang bagi pun. Dia nak terima takut, itu masalahnya.

**TUAN SPEAKER :** Saya rasa kerajaan ambil maklum sajalah. (Ketawa)

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih kepada Bangilah. Bukan sahaja Bangi tidak boleh masuk sekolah. Saya pun tak boleh masuk sekolah. (Ketawa). Dengan sekolah Tamil ya, saya sebagai EXCO dan saudari YB Teresa dari Kinrara dan EXCO Dr. Halimah, kita tiga-tiga bekerjasama.....

**TUAN SPEAKER:** Tolong sebut kawasan ya, jangan sebut nama.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Selat Klang, bekerjasama untuk meningkatkan taraf sekolah-sekolah Tamil, sekolah Cina dan sekolah Agama Rakyat. Sesungguhnya komitmen kita sudah di bukti dengan memperuntukkan RM4 juta bagi sekolah-sekolah Tamil, RM6 juta bagi tempat-tempat ibadat dan RM2 juta bagi pekerja-pekerja ladang yang diminta oleh ADUN Kampung Tunku. Sebenarnya semua 97 sekolah Tamil di Negeri Selangor telah mendapat bantuan dari peruntukan RM4 juta itu. Sebenarnya jumlah perbelanjaan adalah RM4,007,413.00. Oleh itu, mungkin saya perlu minta Dato' PWN.....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Bangi mencelah. Kalau tadi kita nak bagi bantuan menghadapi halangan penerimaan. Bagaimana dengan RM2 juta kita nak bagi ni? Adakah diterima dengan aman tenteram atau takut-takut?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bila kita bagi sahaja, diambil dengan tangan terbukalah tidak dengan tenteram semua. Kita kerja dengan Persatuan Ibu Bapa di dalam sekolah-sekolah masing dan juga dengan Lembaga yang ada di sekolah-sekolah mereka. Tadi saya kata saya sudah belanja lebih, so saya kena tanya PWNlah untuk RM7,000.00 daripada bajet 2010. Ahli-ahli yang dihormati, keadaan sekolah-sekolah ini di Negeri Selangor adalah, dengan izin *in-deplorabile stage*. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah membantu dalam membaik pulih sekolah, pembelian meja dan kerusi, pembinaan makmal komputer yang lengkap dan bantuan infrastruktur yang lain. Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sejumlah RM180,000.00 untuk kerja-kerja baik pulih dan pembinaan bangunan kelas tambahan di tiga (3) buah sekolah iaitu RM120,000.00 kita telah bagi kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Highland, RM50,000.00 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Kinrara dan juga Sekolah Kebangsaan Tamil Vagisa. Jumlah pelajar di Sekolah Tamil Simpang Lima sudah melebihi 2200 orang pelajar. Oleh itu, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat buat pertama kali telah menyerahkan sekeping tanah berukuran 2.7 ekar kepada Lembaga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Simpang Lima, Klang yang telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada 20 Ogos 2009 yang lalu.

**TUAN SPEAKER:** Tiga (3) minit lagi ya. Tiga (3) minit.

**YB DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Huiyo. Banyak lagi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Sekali lagilah saya nak bangkitkan. Saya minta maaf, kalau dapat diberi tanah kepada Simpang Lima 2.7 ekar. Saya harap Kerajaan Negeri dapat berikhtiar memberi tapak rasmi sekolah Tamil di Pekan Bangi kerana mereka masih menumpang tanah orang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** YB Kota Alam Shah tengok, Bangi pun nak cari tanah untuk sekolah Tamil.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita ingin. Saya kena pergi lain tempatlah. Sudah tiga (3) minit sahaja. Tidak cukup.

**TUAN SPEAKER :** Terharu ya?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Okey, bagaimana pula dengan bantuan kita kepada rumah-rumah ibadat selain Islam? Untuk makluman, Yang Berhormat-Yang Berhormat rakan-rakan, sejumlah RM2 juta telah diagihkan kepada 140 buah kuil Hindu dan Gudwara di seluruh Negeri Selangor pada tahun ini. Jawatankuasa Rumah Ibadat Selain Islam telah berjaya memberikan peruntukan sebanyak..... kepada 400 rumah ibadat secara keseluruhannya melalui pejabat saya, pejabat YB Ronnie dan juga pejabat YB Teresa. YB Speaker, selain itu RM2 juta juga diperuntukkan kepada pekerja ladang. Seramai 130 orang pelajar telah dihantar kepada INPENS College untuk latihan teknikal melalui Stanco Pekerja Ladang. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang mendapat markah gred yang teruk dalam peperiksaan SPM tetapi mereka diberikan peluang oleh Kerajaan Pakatan Rakyat untuk memperoleh sijil teknikal dan membangunkan diri mereka. Selain dari itu, kita juga membagi bantuan kepada sekolah-sekolah yang ada di dalam ladang-ladang ini untuk menggunakan peruntukan ini juga. Ahli-ahli Dewan yang dihormati, kemenangan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor adalah berdasarkan sokongan semua kaum, Melayu, Cina dan India. Ini merupakan fakta yang mesti kita ingati. Saya amat berbangga mengatakan ADUN-ADUN Pakatan Rakyat membantu rakyat tanpa mengira bangsa, pegangan agama dan fahaman Politik masing-masing. Inilah yang membezakan kita daripada Kerajaan retorik, Satu Malaysia, Barisan Nasional.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada yang telah memberikan pandangan atau mengemukakan soalan-soalan yang saya percaya ianya adalah demi untuk memastikan kepimpinan Kerajaan Negeri memberikan perkhidmatan yang terbaik. Bagi menjawab pertanyaan, saya mulakan dengan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Bukit Antarabangsa yang begitu prihatin kepada isu kaum wanita ataupun kaum Hawa yang saya sedar telah menyarankan beberapa perkara untuk diberi perhatian. Saranan YB Bukit Antarabangsa supaya bajet wanita ditambah, saya yakin ianya dikemukakan bukan kerana YB Bukit Antarabangsa merupakan pencinta wanita tetapi saranan ini disebabkan beliau memahami dan mengiktiraf keupayaan wanita merupakan penyumbang terbesar dalam pemerikasaan Negeri Selangor. Saya mengharapkan Yang Berhormat yang lain juga mempunyai perasaan ataupun mempunyai satu *approach* yang sama. Saya mengakui bahawa.....baru nak mula.....sila, sila.....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya nak tanya. Dari satu segi tu baguslah. Ertinya puji wanita kerana dia bagus, unggul dari segi berniaga dan sebagainya tapi ada *statement* yang umumlah, bahawa ibu-ibu tunggal ni lemah. Ada satu (1) kumpulan, kumpulan perempuan tapi Islamlah. Dia menyarankan supaya ADUN-ADUN mengambil isteri tambahan untuk menolong ibu-ibu tunggal ni. Bagaimana pendapat Batu Tiga?

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Itu saya tak nak komenlah. Nanti susah, nanti semuanya kan? Tapi walau bagaimanapun, saya merasakan keprihatinan. Kalau dulu membicarakan isu wanita banyak fokus tentang isu ibu tunggal tetapi yang itu saya serahkan kepada semua ADUN-ADUN lelakilah untuk membuatkan pertimbangan sendiri. Saya akui bahawa bajet RM1 juta yang diperuntukkan amat kecil tetapi ianya jauh lebih baik daripada tahun-tahun yang lepas bila mana peruntukan hanya RM100,000.00 bajet pengurusan sahaja diberikan semasa Kerajaan Barisan Nasional. Tahun 2009, bajet pembangunan mula diperuntukkan sebanyak RM8,000.00 dan tahun depan ianya telah bertambah sebanyak RM1 juta dan ini adalah tidak termasuk bajet pengurusan sebanyak RM100,000.00 yang telah pun diuruskan. Ada peningkatan, tetapi Alhamdulillah saya tidak nafikan ianya perlu di....dari tahun ke tahun perlu ditambahkan kerana ini adalah isu....wanita ini adalah isu semua. Walau bagaimanapun, saya yakin semasa bajet dialog 2009 yang lepas, Kerajaan telah pun memulakan perbincangan bajet *gender* ataupun *gender badjeting*. Untuk maklumat Bangi, bukan bajet janda ya. bajet *gender* iaitu *gender badjeting* iaitu pelaksanaan kewangan iaitu mengambil kira kumpulan perempuan dan lelaki di mana telah pun dimulakan semenjak tahun lepas lagi iaitu perkiraan peruntukan bajet untuk wanita dari portfolio selain portfolio wanita seperti pertanian, usahawan, Kerajaan prihatin, penyelidikan dan pendidikan telah pun dimulakan. Saya juga mengharapkan pada tahun-tahun yang akan datang, ianya akan lebih difahami dan peruntukan dapat juga ditambah. Dato' Menteri Besar dengar tu dengan secara serius, Insya-Allah. Bukit Antarabangsa juga menyarankan jaminan kepada wanita bagi mewujudkan persekitaran yang selamat di tempat kerja, diambil kira. Jadi, ingin saya maklumkan kepada sidang dewan ini usaha ini telah pun dimulakan dengan memasukkan program OSCC di antara program MES Fasa Pertama. Dan ianya diteruskan bila mana hari wanita Selangor tahun ini meletakkan tema **Kembalikan Nikmat Rasa Aman dan Selamat Kepada Wanita di Malaysia**. Ini adalah satu kenyataan penegasan Kerajaan Pakatan Rakyat tentang keselamatan wanita ini perlu diutamakan. Saya juga perlu merakamkan ucapan terima kasih kepada Kampung Tunku dan Rawang yang menyokong pelaksanaan 30% pimpinan wanita di semua peringkat. Dengan alasan wanita lebih berintegriti, dan lebih cermat. Oleh itu saya juga mengharapkan sokongan ini dapat menjadi kenyataan dan masa yang diambil untuk kuota ini dipenuhi di semua peringkat akan diisi secepat mungkin. Bukan sahaja ia ....

Dewan ketawa.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mencelah sedikit jawapan Yang Berhormat EXCO tadi. Dengan penubuhan OSC sahaja tidak selesai masalah OSCC ini kerana saya juga dapat aduan apabila berlaku kes-kes di mana wanita menjadi mangsa sama ada kes rogol, atau pun kes dera, apabila mereka sampai ke pusat-pusat ini *staffingnya* agak, agak lemah. Tidak cukup *staff*, tidak cukup pegawai-pegawai perubatan yang ingin memberi perhatian kepada mereka. Sebab itu yang saya cadangkan sementara program itu baik Kerajaan Negeri juga harus melihat ini sebagai satu perkara yang serius kerana apabila program yang baik itu tidak dapat disempurnakan dari segi *staffing* dan juga pegawai-pegawai yang perlu memberikan perhatian, mereka terpaksa tunggu berjam-jam lamanya untuk mendapatkan perhatian dan pembelaan. Jadi, saya minta, sebab itu saya minta

satu peruntukan yang lebih *reasonable* dan munasabah diberikan supaya program itu dapat diperkasakan lagi. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Terima kasih Bukit Antarabangsa. Untuk makluman sebelum kita memulakan atau pun menjadikan OSCC ini sebagai satu program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor saya sendiri telah pun pergi ke 6 hospital yang telah pun penubuhan ini telah pun wujud. Di antara perkara yang kita bincangkan adalah faktor yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Tetapi, apalah, apalah orang kata dayanya kerana isu *staffing* ini adalah isu khusus kepada Kerajaan *Federal* yang di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu saya sebenarnya perbincangan itu melihat kesedaran dan alhamdulillah ah! Bila perbincangan dibuat dengan semua agensi yang terlibat iaitu bukan sahaja pihak hospital, ah! Apa ni, polis, pihak peguam dan Jabatan Kebajikan Masyarakat saya rasa kumpulan itu adalah yang terbaik. Lagi mana pun usaha ini tidak terhenti setakat di Negeri Selangor saya juga bersama dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen sentiasa mendesak Kementerian Wanita untuk memastikan supaya semua agensi ini mengambil kira peranan masing-masing, kerana memang banyak aduan juga sampai di meja saya bahawa jika berlakunya permasalahan wanita ini terlalu lambat urusan itu dibuat. Dengan alasan hanya pakar-pakar yang boleh *entertain* dengan izin atau pun boleh pergi melihat apa ni, aduan-aduan atau pun kes-kes begini rupa. Jadi, sebab itu Kerajaan Pakatan Rakyat atau pun di bawah portfolio saya sendiri akan meneruskan OSCC ini ah! merupakan program berterusan dan kita apa tu, menambahbaikkan lagi isu-isu ini.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Kota Damansara ingin mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Kota Damansara nak minta penjelasan.

**YB PUAN RODZIAH ISMAIL:** Silakan.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Baik. Kota Damansara ingin mencelah. Perkara yang pertama tu saya dapat gambaran seolah-olah kita melakukan sesuatu untuk mereka tetapi bukan dengan mereka. Pengalaman saya dalam perjuangan mungkin dalam 40 tahun masalah peneroka Bandar, setinggan, masalah kilang, perladangan. Saya dapat gambaran bahawa apabila kaum wanita memahami perjuangan ini mereka lebih kukuh. Lebih kuat dibandingkan orang lelaki. Ini pengalaman saya dari segi demo ke dan seterusnya. Bermaknanya, ah! saya sudah, pengalaman saya yang melihat bahawa ada sesuatu pada mereka kalau mereka dilibatkan dalam perjuangan. Cadangan saya, banyak kampung-kampung banyak ladang yang berjaya. Boleh tak kita menemui mereka berbincang dengan mereka kerana semangat tu ada. Dan boleh jauh untuk kita pergi. Maknanya kita bukan *start from the square one*. Asas perjuangan mereka sudah ada kerana pengertian mereka dalam perjuangan sudah ada sekarang kita hendak dapat semangat itu. Saya percaya dengan semangat ini jauh golongan wanita akan pergi. Kalau tidak kita hanya membuat sesuatu untuk mereka bukan bersama mereka. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Okey, saya suka semangat yang apa ni Kota Damansara katakan. Tetapi, saya ingin menegaskan itulah sebenarnya program yang dilaksanakan di bawah jawatankuasa wanita sekarang ini iaitu kita melaksanakan program kesedaran dan memahami dan memberi kefahaman kepada semua wanita bahawa wanita sekarang ini ada akta yang melindungi, iaitu Akta Keganasan dan Akta Perlindungan Tahun 1993. Tetapi dengan adanya akta, tetapi bila kesedaran ini tidak ada saya rasa isu ini atau pun apa ni perlindungan kepada wanita itu tidak akan sempurna. Tetapi alhamdulillah sebanyak 37 DUN

yang telah melaksanakan kita nampak impaknya kepada kesedaran yang tinggi ini telah pun mula bermula ya. Ingin saya teruskan Tuan Speaker.....

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker,...

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, Kajang...

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, Bangi ingin mencelah.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Banyak peminat yang suka.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, sedarkah apa ni Batu Tiga bahawa di Hulu Langat ada satu usaha persendirian yang dilakukan oleh seorang saya tak tahu namanya di Dusun Tua yang merupakan rumah perlindungan wanita di situ. Dan ramai yang menghantar mangsa-mangsa ke situ dan dijaga. Tapi ada bayaran jugalah. Jadi, apa pendapat dengan perlindungan adakah dia ni komersil ke atau pun memang kebajikan ke, kalau bagus adakah nak dibagi bantuan ke atau macam mana. Tahu ke tidak tu.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, soalan yang berkaitan ada kaitan.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Satu-satu ya. Satu-satulah saya jawab ya.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Yang berkaitan, berkaitan.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Okey.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Kita memang nampak ada ni taklimat-taklimat diadakan di setiap DUN dan sudah ada 13. Dan kita nampak juga laporan dan juga maklum balas daripada keberkesanan OSCC ini. Memang kita sehingga hari ini kita boleh kata kecekapan ini memang tidak memuaskanlah. Dan kita nampak masalahnya. Seorang wanita yang didera atau pun telah diperkosa mereka menghadapi masalah dan di hospital sebagai satu institusi yang agak macam satu institusi kerajaan begitu. Dia tidak boleh mengendalikan hal-hal atau pun memberikan bantuan berkesan. Dengan ini kita dah nampak adanya badan-badan dan NGO-NGO yang sedang menjalankan tugas-tugas sebegini. Ya! Seperti WAO, W, Women DC dan juga yang disebut oleh Bangi tadi. Ini bolehkah kita gabungkan, gunakan badan-badan NGO ini yang sedia ada sedang menjalankan kerja-kerja sebegini untuk mengambil alih apa yang ada di hospital-hospital OSCC ini yang nampaknya tidak begitu berkesan. Dan dengan ini kita bagi bantuan atau pun kita *out source* pada NGO dan persatuan-persatuan ini. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Terima kasih Bangi dan juga Kajang. Sebenarnya isu rumah perlindungan ini mereka terlibat secara langsung dengan hospital-hospital. Contohnya kalau Yang Berhormat Bang sebutkan tadi ianya berurusan terus dengan Hospital Kajang, ya! Hospital Kajang dan Hospital Ampang. Maknanya proses penerimaan mangsa ini bermula di hospital, hospital di wad kecemasan lepas tu setelah diambil kes dan sebagainya, akhirnya jika didapati wanita itu perlu perlindungan maka tempatnya Jabatan Kebajikan Masyarakat akan meletakkan atau pun melindungi wanita ini di bawah rumah-rumah penjagaan. Di antara rumah yang disenaraikan adalah rumah-rumah yang juga NGOs terlibat bukan rumah kerajaan. Yang mana, di Selangor ini rumah kerajaan atau pun yang ditubuhkan dahulunya rumah Nur itu di bawah jagaan Negeri Selangor sekarang ini telah diambil 100% semula oleh Kerajaan *Federal*

jadi Kerajaan Negeri tidak ada langsung rumah khusus kecuali satu rumah di Sabak Bernam, ya! Rumah Harapan itu. Jadi, maknanya setiap hospital dia ada, dia ada apa ni nama-nama NGO rumah perlindungan yang akan mengambil mereka ini di bawah jagaan sementara atau pun sehingga kes itu selesai. Berbalik kepada soalan Bangi tadi, memang ada perancangan dan telah pun diputuskan bahawa di tahun hadapan OSCC ini diteruskan dalam konteks kita memberi, ah! memberi pertolongan secara langsung kepada rumah-rumah kebajikan ini, rumah-rumah perlindungan ini. Maknanya untuk membuat satu rumah perlindungan sendiri sebenarnya memakan belanja yang besar tetapi dengan ada usaha sama dengan NGO, kita mengharapkan NGO-NGO yang sentiasa sukarela memberi bantuan untuk melindungi mangsa-mangsa ini kita dapat kurangkan bebanan daripada mereka. Itu jawapan saya. Ah! izinkan saya teruskan ucapan saya. Saya juga perlu merakamkan ucapan terima kasih kepada Kg. Tunku tadi dan Rawang yang telah menyatakan tentang isu 30% . Oleh itu saya haraplah isu ini dapat dilaksanakan secepat mungkin di Negeri Selangor, bukan sahaja di dalam agensi Kerajaan Negeri iaitu Ketua-ketua Jabatannya tetapi ingin juga saya saran bahawa memenuhi 30% ini adalah juga diletakkan kepada jumlah Ahli-ahli Majlis, jumlah Ketua-ketua Kampung, dan juga jumlah Penghulu. Jadi, ini adalah harapan kami wanita untuk melihatkan kepimpinan 30% ini dipenuhi di semua peringkat. Bukan satu peringkat sahaja. EXCO, alhamdulillah kita telah lebih daripada apa yang dipenuhi. Tuan Speaker, isu kebajikan juga telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Kuang, Sijangkang dan Yang Berhormat Kota Damansara. Jadi, saya paling yang saya tidak dapat orang kata begitu bingunglah hendak menjawab kerana Yang Berhormat Kuang menimbulkan agenda kebajikan Negeri Selangor ini tidak strategik katanya. Dan tidak sepatutnya menjadi *priority*. Dan ditambah lagi dikata keutamaan yang Negeri berikan adalah silap dan terkebelakang. Jadi saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Kuang mengeluarkan kenyataan begini. Tetapi bila saya fikirkan dua kali saya rasa ini adalah kerana Yang Berhormat Kuang adalah merupakan Wakil Rakyat Barisan Nasional. Jadi sebenarnya rumusan yang saya berikan bahawa kebajikan sentiasa tidak menjadi keutamaan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Jadi oleh itu, istilah atau pun kenyataan-kenyataan ini keluar daripada beliau. Dan juga saya ingin menyatakan di sini Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ini kami tegas dan kami ingin nyatakan di sini bahawa agenda kebajikan adalah merupakan agenda keutamaan kami dan kami tetap memperjuangkan kebajikan rakyat. Jadi, jika Kuang tidak mahu kita kata buat permohonan tulis, tak payah terima air bersih, bukan untuk satu rumah, dua rumah dan yang lain-lain supaya ianya boleh diberikan kepada mereka yang lebih berkeperluan. Begitu juga tuduhan Yang Berhormat Kuang bahawa janji manifesto gagal dipenuhi. Saya tidak nampak kerana kita baru masuk 20 bulan pemerintahan dan kita telah pun melaksanakan beberapa program di bawah fasa pertama dan kedua. Dan di dalam bajet Menteri Besar juga telah mengumumkan ingin perlaksanaan fasa ketiga dan keempat akan diteruskan. Dan saya yakin ini adalah satu kenyataan cemburu oleh Yang Berhormat Kuang kerana program-program ini atau pun janji manifesto ini telah dapat dilaksanakan dengan baik. Yang Berhormat Sijangkang telah mengemukakan tentang isu promosi MES yang kita nampak programnya baik tetapi agak kurang promosi dan alhamdulillah saya menyatakan saya akur dan tindakan telah pun mula dibuat bermula bulan lepas kita mesyuarat yang terkini saya telah mempengerusikan beberapa mesyuarat yang kita telah pun menegaskan bahawa langkah 6, ah! 5 langkah yang perlu dibuat, iaitu:

### **1) Kaunter MES**

Kalau dulunya kaunter MES ini hanya diadakan di Pusat-pusat Khidmat ADUN, tetapi sekarang ini di Pejabat-pejabat Daerah dan Pejabat PBT juga telah pun wujudnya kaunter MES ini dan di mana orang ramai yang berurusan di kaunter Pejabat Daerah dan juga PBT juga dapat bertanya dan dapat mendaftarkan apa ni! Jika mereka ingin terlibat di dalam program MES itu.



## 2) Bahan Bercetak

Sekarang ini kita telah sentiasa mengeluarkan *brochures* dan poster untuk diedarkan kepada semua termasuk rumah ibadat, tempat tumpuan, kedai, pasar malam dan sebagainya dan ada kumpulan-kumpulan tertentu yang kita, yang orang kata yang Rantaian Mesra Sendirian Berhad wujudkan untuk membuatkan promosi ini.

## 3) Billboard

*Billboard* ini sentiasa dibincangkan dan sekarang ini sebenarnya *billboard* itu sedang mempamerkan isu air dan jika kes ini isu ini telah habis kita akan gantikan dengan ganti dan tambah *billboard-billboard* yang baru untuk mempromosikan skim mesra atau merakyatkan ekonomi rakyat Negeri Selangor ini.

4) Persetujuan juga telah dibuat untuk melaksanakan satu portal khusus tentang MES yang saya jangkakan dalam masa dua minggu ini portal itu akan siap dan akan diberi *link kan* atau disambungkan pada portal-portal Kerajaan Negeri dan juga ADUN-ADUN.

5) Program Turun Padang telah pun dibuat bersama Pejabat-pejabat Daerah, Ketua-ketua Kampung daripada Pusat Khidmat ADUN dan bukan saja promosi ini Turun Padang tetapi ianya juga kita bekalkan maknanya Rantaian Mesra Sdn. Bhd bekalkan Banting *Back Drop* dan saya yakin tidak lama lagi dibekalkan siar raya untuk dipromosikan merakyat Negeri Selangor ini.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat dua minit lagi.

**YB. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Ya. Jadi kesimpulannya promosi ini adalah usaha semua pihak. Tak dapat tambah ke soalan banyak tadi kan..

**TUAN SPEAKER:** Ini tambahan ini, dah sampai masanya

**YB. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Yang akhirnya tentang apa ini soalan yang timbul dari Yang Berhormat Damansara tentang kebajikan tentang isu pegawai yang angkuh, kes-kes permohonan yang lama, tempoh siasatannya, insya-Allah saya akan mengambil maklum tentang ini. Walau bagaimanapun, walaupun telah ada SOP bahawa jangka masa penyelesaian permasalahan ini patutnya satu bulan tetapi saya pohon juga supaya Kota Damansara memberikan atau semua ADUN lah ADUN-ADUN secara bertulis supaya siasatan lanjut dan juga tunjuk sebab dapat dikemukakan. Akhirnya saya ingin menjawab soalan dari Bukit Antarabangsa tentang *high win* atau penganugerahan secara eksklusif kepada satu syarikat swasta untuk menggalakkan supaya ianya tidak menggalakkan monopoli dalam industri yang berkenaan. Jadi jawapan saya sebenarnya inisiatif membiayai swasta atau *private finance inisiatif FI* merupakan satu kaedah untuk penyediaan peruntukan kewangan dalam hal prebet *partnership* antara kerajaan dan sektor swasta. Jadi dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan atau *knowledge* ekonomi kita akui pencapaian jalur lebar atau *broadband* jadi satu keperluan. Di dalam persekitaran Negeri Selangor merupakan negeri termaju di Malaysia keupayaan internet ini kita mahukan dapat dicapai semua rakyat tanpa destinasi. Oleh itu, dapat dua persoalan, persoalan yang dipertimbangkan di mana tempat itu diputuskan dan siapa yang patut jalankan program-program ini. Jadi Kerajaan Negeri dalam usaha menjalankan internet jalur lebar ini mengambil pendekatan konteks peluang pencapaian ini kita hanya mempertimbangkan dia ada dua program sebenarnya program hendak secara wayar atau tanpa wayar atau istilahnya *wire* atau *wireless* jadi Kerajaan Negeri telah pun mengambil

pendekatan pencapaian internet jalur lebar secara tanpa wayar saja kita mampu buat. Sebab lagi satu mengambil kira bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun melaksanakan Projek HSBB *high speed broadband* yang telah pun diberikan kepada Telekom Malaysia. Jadi dalam konteks projek *high bid wireless* atau *high win* ini *exclusively* tidak timbul ia bukan saya mengatakan kerana ini memandangkan Kerajaan Negeri turut menggalakkan penawaran tawaran internet jalur lebar oleh lain-lain syarikat pembekal perkhidmatan ini iaitu ISP seperti jaring, *broadband*, *packet one* dan lain-lain lagi kita buka kepada semua sebenarnya. Asalkan mereka memenuhi empat dasar utama iaitu:

1. Program ini mestilah tanpa destinasi jangan semua tertumpu pada bandar sahaja.
2. Pencapaian kualiti perlu dipertingkatkan atau perlu sebagaimana dijanjikan.
3. Mesti ada sensitif beliti untuk alam sekitar dikawal supaya tidak ada kerosakan.
4. Impak ekonomi iaitu peluang sama rata mampu milik ditegaskan. Dari sudut kos sebagainya Kerajaan Negeri langsung tidak mengeluarkan apa-apa kos untuk projek ini dilaksanakan.

Akhirnya Tuan Speaker sebelum saya sudah saya ingin umumkan bahawa baru-baru ini pada bulan Oktober 2009. portal Kerajaan Negeri Selangor iaitu [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my) telah mendapat pengiktirafan kerajaan lima bintang oleh Unit Pemodenan atau MAMPU yang kalau mengikut ringking keseluruhan seluruh negara Kerajaan Negeri Selangor dapat ringking ke tiga dan kalau mengikut seluruh negeri Kerajaan Selangor mendapat *ranking* pertama. Sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih. Tuan Speaker saya juga ingin merakamkan juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang memberi pandangan atau teguran dan juga cadangan pada PBT sematamatanya untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan PBT. Mengenai isu denda lewat yang dibangkitkan YB. Bukit Antarabangsa sebelum adanya keputusan mahkamah persekutuan mengenai kes *generation* produk melawan Majlis Perbandaran Klang rata-rata PBT Negeri Selangor dikenakan fi notis E berdasarkan kepada peratusan iaitu antara 2 ke 5% daripada jumlah taksiran yang perlu dibayar keputusan mahkamah menetapkan bahawa PBT tidak boleh menggunakan peratusan bagi menentukan kadar notis E dan juga satu jumlah yang akan dikenakan hendaklah nilai yang sebenarnya kos yang ditanggung oleh PBT dalam memproses pengeluaran notis E maka Kerajaan Negeri bersetuju menetapkan RM20 sebagai nilai yang munasabah untuk pengeluaran notis E. Walau bagaimanapun, pengeluaran kadar baru ini telah mendapat rungutan kepada pemilik pegangan perlu membayar cukai taksiran dalam jumlah yang rendah kerana penggunaan kadar tetap ini memberi kan satu kejutan kepada mereka kerana sebelum ini mereka hanya perlu membayar nilai yang lebih rendah berbanding nilai RM20. Jadi dalam masa yang sama PBT juga menghadapi kekurangan hasil tambahan yang boleh dikutip berbanding dengan sebelum ini. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT untuk mengecualikan bayaran notis E ini kepada pembayar cukai membayar cukai tahunan taksiran tahunan mereka di bawah RM100 setahun. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri sedang merangka satu kaedah baru atau jadual tetap yang baru bagi menetapkan kadar bayaran tetap mengikut julat dengan izin *range* jumlah taksiran yang dikenakan oleh majlis. Kaedah yang baru ini jangka akan lebih adil dan tidak akan merugikan PBT. Mengenai cadangan supaya digubal enakmen atau undang-undang kecil untuk

menentukan kaedah berkenaan cukai taksiran perkara ini perlu diteliti dengan mendalam kerana sebarang perundangan yang digubal oleh negeri atau PBT tidak boleh bercanggah dengan perundangan persekutuan. Tuan Speaker merujuk kepada isu kelewatan permohonan kebenaran perancang IOC.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya. Sebenarnya lebih kepada minta penjelasan ini apa yang saya terima yang baru. Bahawa saya ada seorang kawan merupakan seorang Peguam meneliti Kes Low keputusan Mahkamah Persekutuan ini telah mengikut takrif bahawa keputusan mahkamah ini telah berbunyi bermaksud:

1. Kerajaan Tempatan tidak boleh mengenakan bayaran denda mengikut peraturan.
2. Tidak boleh mengenakan faedah ke atas faedah *interest on interest*. Jadi ini tidak bermakna kerajaan tempatan tidak boleh mengenakan satu *quantum caji* terhadap mereka yang lewat bayar. Saya ini apa yang difahamkan kepada saya dan saya minta sama ada Yang Amat Berhormat Exco meneliti ini apa yang saya terima yang paling barulah terima *argument* ini.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih. Sebenarnya tadi saya telah kata, satu kaedah baru akan digunakan semua cadangan atau pun yang dikeluarkan yang dikotakan tadi akan masuk *consideration* Balik kepada isu kelewatan permohonan kebenaran perancang melalui OAC berdasarkan kepada pemantauan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan PEMUDAH Selangor didapati tidak ada permohonan yang melebihi tempoh yang ditetapkan. Malahan OAC, PBT Selangor merupakan di antara yang terpantas memproses permohonan iaitu tiga bulan berbanding empat bulan yang telah ditetapkan oleh pihak KPKT. Sekiranya ada rungutan mengenai kelewatan permohonan antara atas sebab menyumbang kepada kelewatan ini kerana permohonan itu kerana tidak memenuhi syarat kelewatan pemaju menghantar dokumen sokongan atau permohonan ditolak kerana tidak lengkap. Untuk makluman YB. Bukit Antarabangsa yang ada pemaju merupakan aduan OAC maka boleh diajukan kepada PEMUDAH Selangor melalui REDA Kerajaan Negeri akan memanggil PBT sebab memberi penjelasan. Tuan Speaker YB Sekinchan mengenai isu Perusahaan Burung Walit dalam skala besar seluas 100 ekar Sabak Bernam. Tuan Speaker saya ingin menjelaskan dasar Kerajaan Negeri industri dan perusahaan Burung Walit seperti yang dibangkitkan oleh YB Sekinchan untuk maklumkan Ahli Dewan Yang Mulia ini Kerajaan Negeri sedar Perusahaan Burung Walit merupakan perindustrian yang tinggi potensi yang besar untuk diusahakan di Selangor ini tidak boleh disangka lagi pulangan yang bakal dinikmati oleh pengusaha memandangkan perusahaan Burung Walit satu industri yang tidak sesuai diusahakan tempat lain melainkan dirantau Asia ini sahaja. Tuan Speaker Kerajaan Negeri telah pun mengorak langkah dengan melaksanakan satu sesi seminar dan dialog bersama pengusaha Burung Walit untuk mendapatkan maklum balas sewajarnya akan dasar bakal dilaksanakan penempatan dengan keadaan semasa dan tidak bercanggah mana-mana undang-undang. Draf garis panduan telah pun disediakan walau bagaimanapun usaha ini ditanggungkan sebentar kerana kerajaan pusat sedang merangka garis panduan perusahaan Burung Walit. Jemaah Menteri telah memutuskan agar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bertindak sebagai peneraju pembangunan industri Sarang Burung Walit negara. Lanjutan daripada itu pihak JPV bekerjasama dengan JPBD Semenanjung Malaysia telah menyediakan

garis panduan industri perusahaan Burung Walit dan dijangka akan dapat diguna pakai akhir tahun ini. Oleh sebab itu, draf garis panduan pembangunan perancangan Burung Walit Negeri Selangor perlu ditanggungkan sehingga garis panduan industri Burung Walit luluskan. Sekiranya..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat. Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya hendak Tuan Speaker. Saya hendak mencelah sedikit tentang industri Burung Walit ini. Saya menyahut baik tentang kerajaan ini telah berusaha untuk buat satu garis panduan tetapi saya hendak soalan satu penjelasan yang lebih *detail*. Setujukah kerajaan untuk mengazetkan satu kawasan yang khusus yang bersepadu untuk Burung Walit ini. Terima kasih.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih. YB. Sekinchan. Mengenai untuk mewujudkan satu kawasan perusahaan Burung Walit akan dibincangkan dan diteliti oleh Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian di bawah Portfolio YB Kota Anggerik memandangkan ia bersesuaian yang terletak di bawahnya. Di peringkat PBT sebagai perundangan kawalan telah dirangka buat masa ini masa menunggu kerajaan pusat garis panduan pelaksanaannya.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Rawang ada pertanyaannya.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Nak minta sedikit penjelasan. Sekiranya sekarang dalam masa menunggu garis panduan dikeluarkan sekiranya ada aduan tentang Burung Walit ini. Jabatan mana yang perlu kita *refer*.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih. Agensi sekarang memang ada PBT lah adalah tanggungjawab BPT menerima aduan dan membuat pemantauan mencari satu jalan penyelesaian. Tuan Speaker mengenai isu bajet penyelenggaraan taman-taman awam di ADUN Subang Jaya saya ingin menjelaskan bahawa bajet untuk penyelenggaraan taman-taman awam seperti yang dibangkitkan oleh YB Subang Jaya semalam untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini bajet penyelenggaraan bagi taman-taman awam, taman kanak-kanak sememangnya adalah bergantung pada kemampuan kewangan sebuah PBT walaupun kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM3 juta bagi membantu projek pembangunan PBT pada tahun 2010 namun Kerajaan Negeri juga perlu menimbang dan menilai keutamaan permohonan berdasarkan kemampuan kewangan dan keperluan semasa bagi dua belas PBT di Selangor sebelum peruntukan disalurkan. Sehubungan itu, saya sebagai EXCO Kerajaan Tempatan perlu bertindak adil dalam membuat pembahagian peruntukan pembangunan berkenaan agar keseimbangan serta keselesaan dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat dan penduduk di bawah sesebuah kawasan pentadbiran PBT terutamanya bagi yang tidak berkemampuan. Untuk isu penguatkuasaan undang-undang pusat siber dan kafe siber, penggunaan kawasan lapang yang dibangkitkan oleh YB Teratai. Untuk makluman dewan yang mulia ini, aktiviti pusat siber dan kafe siber di PBT Selangor dikawal melalui undang-undang kecil pusat siber dan kafe siber 2007 berdasarkan peruntukan yang termaktub dalam UUK ini, apabila pengusaha membayar kompaun akibat pelanggaran syarat lesen atau beroperasi tanpa lesen yang telah dikenakan oleh PBT maka pengusaha boleh menuntut kembali segala barangannya disita. Ia berlainan dengan pihak polis di mana di bawah akta rumah perjudian terbuka 1953, sekiranya pengusaha didapati menjalankan aktiviti perjudian maka dia bakal didakwa di mahkamah dan barangan yang disita tidak boleh dituntut semula dan akan dijadikan bahan bukti. Sebab itu kita sentiasa menyeru pihak polis untuk mengadakan operasi. Tuan Speaker, mengenai

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ya, Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Minta laluan, terima kasih. Saya rasa YB tak faham apa yang saya ucapkan dalam perbahasan saya. Oh, ada lagi. Teruskan. Terima kasih.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Jadi mengenai lesen pusat siber dan kafe siber ia telah dikategorikan sebagai lesen berisiko. Sekiranya pengusaha telah di kompaun melebihi tiga kali dalam tahun semasa, maka lesennya tidak akan diperbaharui untuk tahun akan datang. Saya beranggapan bahawa pengusaha yang telah dinyatakan oleh YB Teratai sebelum ini permohonan lesennya telah ditolak akibat telah di kompaun melebihi tiga kali dalam tahun semasa. Ini kerana pihak PBT tidak akan menanggungkan sebarang permohonan pembaharuan lesen sekiranya pemohon tidak mempunyai apa-apa masalah. Saya memohon agar YB Teratai dapat mengemukakan aduan yang lebih spesifik agar dapat saya melaksanakan tindakan sewajarnya.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker, soalan yang saya tanya dalam Dewan sebelum ini dalam perbahasan bukan maksudnya dia ditolak. Maksud saya mereka dalam proses pembaharuan lesen mungkin ambil masa dua bulan atau tiga bulan. Dalam ketiga-tiga bulan ini mereka dikira tidak ada lesen. Jadi, penguat kuasa pergi mengambil tindakan dan memberi saman mereka. Itu maksud saya.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Saya belum habis ni. Sebenarnya YB Teratai, kerajaan telah membekukan semua permohonan untuk siber kafe. Sudah lama. Pembaharuan akan hanya diadakan bagi semua yang mengikut syarat-syarat. Jadi kalau dia tidak mengikut syarat-syarat, *sorry* lah terpaksa PBT termasuklah MPAJ menolak tidak bagi. Jadi, tidak boleh meluluskan tidak boleh meneruskan perniagaan kalau tak ada lesen.

**YB PUAN LEE YING HA:** Saya rasa YB belum faham lagi. Maksud saya ialah mereka semua mematuhi semua peraturan syarat-syarat, tetapi

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Kalau macam itu bagi la spesifik supaya saya boleh ambil tindakan.

**YB PUAN LEE YING HA:** Kita sudah beberapa kali menghantar ke MPAJ dan pihak tersebut sudah membuat aduan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Bagi kepada saya. Terima kasih. Mengenai isu kawasan lapang di Selangor adalah amat terhad akibat pembangunan pesat yang dinikmati. Oleh sebab itu kawasan lapang yang telah dikenal pasti akan dipelihara dan dikekalkan. Walau bagaimanapun pihak YB Teratai disarankan untuk berhubung terus dengan pihak MPAJ dan juga saya sendiri untuk mencari jalan menyelesaikan masalah yang timbul di Pandan Perdana Zon 20 yang dikatakan itu terutamanya masalah penjaja yang terlibat. Tuan Speaker, mengenai penswastan *library* di Bandar Puchong yang dibangkitkan oleh YB Subang Jaya. Jawapannya ialah MPSJ telah dianugerahkan sebidang tanah seluas 4 ekar di Bandar Puchong. MPSJ telah pun menjalankan usaha sama dengan syarikat Riang Menawan Sdn. Bhd. Hasil daripada penswastan tersebut majlis telah menerima sebuah perpustakaan yang

dibina oleh syarikat berkenaan bernilai RM5.1juta di atas tanah komersial seluas 1.7ekar dan sebanyak RM250ribu berbentuk tunai untuk tujuan kelengkapan. Perpustakaan tersebut sedang dalam proses pengubahsuaian dan dijangka dapat digunakan pada pertengahan tahun 2010. Bagi isu sistem Godel, majlis telah menandatangani perjanjian penswastaaan pengendalian tempat letak kereta dengan syarikat Godel pada 2001 selama 20 tahun dengan menggunakan sistem bayar dan beraga ini. Ini bermakna perjanjian tersebut akan berakhir sehingga tahun 2020. Pada masa ini perjanjian majlis dengan Godel adalah dalam bentuk *profit sharing*. Pada masa ini secara puratanya MPSJ menerima RM2juta setahun kalau ada isu dikatakan lewat pembayaran saya rasa saya akan meminta YDP Subang Jaya untuk membuat siasatan.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Minta penjelasan Tuan Speaker. Isu yang telah saya bangkitkan ialah kekurangan meter yang sepatutnya disediakan oleh Godel Parking. Jadi, jika mereka tidak menunaikan tanggungjawab mereka mengikut kontrak tidak patutkah MPSJ mengambil tindakan untuk menolak bayaran ataupun menamatkan perjanjian kerana mereka sepatutnya memberi meter. Kalau tak cukup meter rakyat kena berjalan jauh untuk cari satu meter setiap kali.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Teguran YB Subang Jaya kalau benar pihak MPSJ memang ada hak mengikut perjanjian itu untuk mengambil tindakan kalau keadaan ini tidak berubah. Mengenai peruntukan membina jejantas pejalan kaki juga di Subang Jaya

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Subang Jaya ada soalan lagi.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Isu Godel Parking itu bukan sama ada kalau benar atau tidak. Memang sudah disahkan benar mereka tidak menyiapkan meter yang mencukupi. Jadi, saya rasa sudah cukup masa kita ambil tindakan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Saya pun kurang pasti Tuan Speaker adakah ini tuduhan ataupun perkara yang benar. Sebab itu saya minta YDP untuk membuat siasatan. Sebelum laporan siasatan itu saya tidak dapat memberi apa-apa komitmen atas hal ini. Isu peruntukan membina jejantas pejalan kaki juga di Subang Jaya. Sehingga tahun 2009 MPSJ telah membina lima buah jejantas dan tiga lagi oleh pemaju di kawasan Subang Jaya dengan kos sekitar RM500ribu setiap satu. Sebuah lagi jejantas di USJ 8 'Court 10' juga sedang dalam pembinaan. Pembinaan jejantas adalah tertakluk kepada beberapa syarat termasuk keperluan teknikal dan juga peruntukan. Ia sentiasa dikaji dan di bincang dari semasa ke semasa. Selain daripada kos ini dibiayai oleh MPSJ, satu pendekatan baru mungkin boleh ditimbangkan iaitu MPSJ boleh mencari *sponsor* ataupun syarikat-syarikat yang boleh membuat jejantas itu dan selepas itu mencaskan bayaran melalui iklan. Dengan cara itu bolehlah kita membuat jejantas tanpa menggunakan kos wang daripada MPSJ.

**TUAN SPEAKER:** Tiga minit lagi.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ya. Isu kesan trafik di kawasan Bandar Sunway juga di Subang Jaya. MPSJ telah melantik pihak IKRAM agar menjalankan kesan trafik ataupun *traffic impact assessment* bagi menjalankan kajian lalu lintas di kawasan Bandar Sunway yang terletak di antara dua PBT iaitu MPSJ dan MBPJ. Walau bagaimanapun kos yang dipohon oleh IKRAM adalah sebanyak RM700ribu. Majlis sedang berbincang dengan kerajaan negeri Selangor dan MBPJ bagi menyediakan peruntukan di atas secara perkongsian.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, oleh kerana masa dah pendek saya takut tak sempat nak tanya. Dalam ucapan saya dua hari lepas hari Rabu, saya bangkitkan tentang kedudukan ADUN-ADUN di dalam majlis PBT la. Dulu janji nak *review* setelah setahun lebih saya bangkit lebih daripada setahun. Bagaimana agak pandangan daripada EXCO berhubung kedudukan ADUN-ADUN yang di pisah daripada PBT.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, selepas kajian oleh Kerajaan Negeri kita masih mengekalkan sistem yang lama iaitu ADUN tidak bagi peluang lagi untuk menjadi ahli majlis.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Alasan-alasan?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Alasannya ADUN ada tugas yang sangat-sangat penting dan banyak dan untuk ahli majlis mereka hanya boleh memberi fokus kepada Kerajaan Tempatan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya syorkan Tuan Speaker, saya syorkan walaupun tak dilantik semua keputusan-keputusan salinannya hendaklah dihantar kepada ADUN untuk maklumat. Kalau tidak kita terputus maklumat kalau tak nak lantik pun. Kita bukan nak duduk sangat bermesyuarat empat lima kali, dua tiga kali seminggu saya tidak ada masa juga. Keputusan-keputusan harus dihantar kepada ADUN. Ini bukan keputusan, bahan mesyuarat kita pergi pun tak nak bagi. Sesetengahnya lah.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ya. Tuan Speaker, saya rasa memang benarlah semua keputusan ataupun projek ataupun program yang baru di setiap PBT masing-masing haruslah diberitahu kepada ADUN.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya harap ini menjadi satu kewajipan undang-undang bukan seharusnya. Mestinya.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Okey-okey.

**TUAN SPEAKER:** Dasar.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Dasar.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih. Kita akan mengkaji ya.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tak boleh kaji. Tak jadi lagi nanti setahun pula.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Saya tidak boleh berjanji ya. *Sorry*.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ini keputusan mesti dihantar. Setuju?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Kalau nak masuk sampai dasar sebagai dalam undang-undang dan sebagainya kita kena kaji la. Saya sendiri tidak boleh katakan 'oh, boleh' lepas itu dijalankan sahaja. Tak boleh la. Saya tidak ada kuasa itu. Maaf ya. Mengenai isu bantuan majlis juga Subang Jaya. Sebagai sebuah PBT, MPSJ sentiasa berusaha memberikan khidmat yang baik kepada pembayar cukai. Dalam masa yang sama juga MPSJ prihatin terhadap kebajikan dan warga kerja. Oleh yang demikian majlis ada memperuntukkan sumbangan kebajikan kepada persatuan dan juga organisasi bukan kerajaan. Jumlah sumbangan adalah sangat kecil iaitu RM50ribu untuk kelab sukan dan kebajikan MPSJ dan RM20ribu untuk

Puspanita berbanding dengan hasil yang mencecah RM200 juta. Sementara itu MPSJ tiada memberi apa-apa bentuk bantuan kewangan kepada KOSUJA kecuali hak pengiklanan sebuah *billboard*.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Minta penjelasan Tuan Speaker. Bayaran yang diceritakan oleh Pandamaran tadi adalah setahun ataupun sekali gus sekali sahaja? *One off contribution* ataupun *yearly contribution*?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Sumbangan ini nampaknya kecil saya rasa ini adalah setiap tahun bukan setiap bulan. Sebab ini sumbangan yang kecil sahaja.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** YB Pandamaran. RM50 ribu bukan sumbangan kecil. RM50ribu boleh membantu ramai orang miskin dan boleh membayar bil elektrik lampu padang.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ya la. Kita juga perlu menjaga warga kerja dalam MPSJ itu. Kita juga perlu. Ada masa lagi Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Baik Yang Berhormat. Tangguh sebentar. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, memandangkan pihak kerajaan belum dapat menamatkan penggulungan maka Dewan ini akan disambung untuk membolehkan pihak kerajaan meneruskan penggulungan. Dengan itu saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membuat usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi berikut 'bahawasanya dewan ini bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dan peraturan tetap dewan negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga selesai rang undang-undang perbekalan 2010/2009 dibacakan kali kedua.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya menyokong Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Dipersilakan Kota Damansara. Saya bagi tambahan tiga minit.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Saya ingin mencelah. Saya Kota Damansara mendapat rungutan dari pelbagai ahli-ahli majlis kerana tugas mereka itu boleh dikatakan *full time*, tapi mereka mendapat gaji sebanyak 700 lebih sahaja, maka, itu juga Kota Damansara memohon agar difikirkan balik gaji mereka supaya mereka dapat bertugas dengan lebih selesa lagi kerana ini bukan *part time* punya kerja sebenarnya, *full time* maka itu juga gaji yang diberi tu tak setimpal dan apabila berlaku sesuatu mereka menerima berbagai teguran dan kritisisma boleh difikirkan ataupun pihak EXCO, kami memohon agar difikirkan pendapatan mereka.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, secara peribadi, saya, saya,

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat jangan cakap secara peribadi, Yang Berhormat cakap bagi pihak kerajaan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Okey, Ha, jadi saya tidak akan menyentuh isu peribadilah, ok. Ya bagi kerajaan isu kita memang meneliti dan sedang mengkaji sebab permintaan untuk



menaikkan elaun bukan gaji untuk ahli majlis memang satu isu yang harus ditinjau dan kalau boleh dibenarkan kenaikan elaun kerana memang benar walaupun kita tidak menjadikan kemestian ataupun tidak *compulsory* lah bagi ahli majlis untuk berkhidmat secara *full time* tetapi nampaknya kerana tugas itu memang tidak membenarkan ahli majlis boleh membuat tugasnya secara *part time*, jadi kita faham kedudukan ini keadaan ini dan memanglah, memang saya akan bercadang untuk mempercepatkan lagi proses untuk menimbang semula adakah? elaun yang sekarang ada ini mencukupi, kalau tidak mencukupi macam mana kita boleh mempertingkatkan ataupun naikkanlah?. Terima kasih.

Saya teruskan ya, memandangkan banyak lagi isu-isu yang belum disentuh ataupun jawapan belum diberi saya bercadang saya akan memberikan jawapan secara bertulis sebaik sahaja sidang dewan berakhir pada esok dan sebelum saya mengakhiri saya ucapkan sekali lagi terima kasih kerana tahun ini walaupun pertanyaan ataupun soalan berbanding dengan tahun yang lepas sidang-sidang yang lepas adalah lebih sudah kurang tetapi kualiti soalnya masih baik semata-mata memang untuk membantu saya menjalankan tugas dan juga membantu semua kakitangan di Kerajaan Tempatan untuk mempertingkatkan perkhidmatan dan saya ingin memberitahu semua bahawa ada satu [ *opinion pole* ] baru-baru ini, katakan lebih 60 % penduduk di Selangor katakan merasa memuaskan, mereka katakan perkhidmatan di peringkat pihak PBT adalah memuaskan lebih kurang 20 % lebih lagi yang masih katakan tidak memuaskan. Jadi, saya ambil kesempatan ini mengucapkan menyampaikan satu *massage* menyampaikan satu *massage* kepada kakitangan Kerajaan Tempatan bahawa kita haruslah terus berusaha supaya mempertingkatkan lagi perkhidmatan supaya 20% yang katakan belum ataupun tidak memuaskan itu boleh jadi memuaskan pada tahun depan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, ada satu lagi soalan daripada Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** *Last, last* sebab saya takut nanti penjelasan bertulis saya nak tanya lebih lagi tak boleh,

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan, ringkaskan.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin cadangkan pengurusan jawatankuasa tender di setiap PBT supaya mengilir-gilir ahli jawatankuasa dalam jawatankuasa tender tu, bagi mengelakkan monopoli ataupun budaya kroni itu apakah? pandangan ataupun keputusan Kerajaan Negeri terhadap...

**TUAN SPEAKER:** Itu soalan barukan?

**YB PUAN GAN PEI NE:** Bukan, itu memang dalam perbahasan,

**TUAN SPEAKER:** Sila..sila...

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, sebenarnya sebelum Yang Berhormat Rawang bertanya di sini kita telah menerima cadangan daripada ADUN-ADUN yang masing-masinglah, katakan mungkin kita membuat sistem giliran selepas itu kita mengambil keputusan selepas mesyuarat di STANCO kita ada STANCO kita ada *meeting*, ada mesyuarat tiap-tiap bulan yang mana kita katakan sekurang-kurangnya kita bagi ahli itu berusaha atau berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum kita ditukarkan, kalau kita terlalu kerap menukarkan tugas mereka akan menjadi satu gangguan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ucap terima kasih kepada sahabat-sahabat kita, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan komen kepada port folio yang saya jaga, dan saya harap komen-komen itu bukan sahaja menyegarkan tanggungjawab kita menyegarkan keinginan kita untuk menjalankan kerja bahkan teman-teman di jabatan-jabatan kita menganggap komen-komen itu sesuatu yang sangat membina dan ia akan menjadi bentuk bantuan untuk kita menjalankan tugas di peringkat yang berikutnya.

Saya nak daripada banyak-banyak pertanyaan itu, oleh sebab masa tidak mengizinkan saya nak membuatkan konsentrasi kepada satu dua perkara sahaja. Pertama ialah mengenai persoalan tauliah ini, yang begitu hangat diperkatakan dalam akhbar-akhbar pun kalau kita lihat dalam seminggu ini, dalam sehari dua ini terutamanya banyak sangat diperkatakan mengenai tauliah dan pelbagai sudut dan komen-komen yang kita terima dalam akhbar-akhbar bukan sahaja orang-orang Selangor orang luar daripada Selangor bahkan di mana-mana juga, kita dapati masing-masing menunjukkan *interest* keinginan untuk bersama-sama berbincang mengenai masalah tauliah ini.

Saya nak menyebut kerana soal tauliah ini, soal tauliah ini Tuan Speaker, kena dilihat dengan cara yang menyeluruh Pentadbiran negeri secara menyeluruh, dan kita tidak boleh melihat individu-individu tertentu sahaja tetapi pentadbiran sebuah negeri, kita mengurus negeri bukan mengurus persatuan kita mengurus negeri bukan mengurus kampung, tetapi bila kita mengurus negeri ini Tuan Speaker tentulah banyak *inter crisis* dalam *inter crisisnya* banyak komplikasi-komplikasi yang dapat dilihat dan tidak dilihat, komplikasi bukan sahaja yang terpancar di hadapan mata kita berbentuk fizikal, tetapi komplikasi-komplikasi yang timbul oleh sebab sikap, pandangan dan persepsi dan sebagainya, yang saya rasa ini ada kaitan langsung dengan kewujudan kesepaduan dalam masyarakat terutamanya di Negeri Selangor ini.

Kita tidak dapat nafikan dalam masyarakat Melayu khasnya masyarakat Islam, kita terbahagi-terbahagi, kita terbahagi ikut fahaman politik, jelas orang UMNO, orang yang bukan UMNO, orang PAS yang bukan PAS, bapa PAS anak UMNO, kebanyakannya bapa UMNO anak PAS, PKR dan sebagainya, ini berlaku dan tidak dapat dinafikan ini berlaku perpecahan akibat daripada *different session* dalam bentuk politik. Kemudian itu kita terbahagi ikut sosial *different session* orang yang diam di bandar lain dengan cara sosialnya orang yang diam di kampung lain, orang yang *educated* lain yang kurang *educated* lain, orang yang *expose* keluar negeri lain, orang yang kaya lain, yang kurang kaya lain, *we are different seated level*.

Yang ketiga juga kita terbahagi mengikut fahaman-fahaman agama dalam bentuk beberapa aliran, ini lebih, lebih, lebih *settle* sifatnya, inilah yang perlunya dijaga dibendung kerana ini terlalu *settle*, sifatnya terlalu *settle* dan sedemikian itu memerlukan pendekatan berhikmah, pendekatan yang bijaksana dan pendekatan yang *equal settle* dengan maaf yang saya menyebut perkataan begitu, dan kita juga terbahagi mengikut ajaran-ajaran yang jelasnya bertentangan dengan Islam, seperti *qadiani*, ajaran *qadiani*, antarabangsa ajaran ini, apabila kita mengambil tindakan dengan apa yang berlaku di Selayang, misalnya kita dapati masyarakat antarabangsa menentang kita pada hal telah pun di fatwakan di Selangor pun telah difatwakan dan ini bertentangan dengan ajaran agama.

Jadi kita timbul rasul Melayu misalnya, Haji Kahar rasul Melayu bukan sahaja rasul Melayu sorang-sorang dia, dia ada lagi pecahan-pecahannya yang ini hal mengenai akidah ini Tuan Speaker, bukan perkara kecil, hal akidah ini terlalu besar, dia akan menyebabkan kita sama ada berdiri atas Agama Islam atau berdiri di luar Agama Islam. Sebab itu aliran-aliran seperti ini aliran Ayah Pin, Darul *Arqam* dan sebagainya ini adalah merupakan aliran-aliran yang ada

dalam masyarakat dan realiti walaupun telah diharamkan masih ada lagi, fasal akar umbinya masih bertapak di situ, tidak mudah kalau misalnya politik itu agak lebih mudah macam yang saya katakan bapanya UMNO, anaknya PAS itu lebih mudah. Tapi kalau misalnya akidah ini dia *intergenerational* dia akan berlaku anak, cucu, cicit kalau misalnya terpesong akidahnya bayangkan *intergeneration* akidah yang sudah terpesong.

Ini satu benda sebagai orang yang bertanggungjawab, EXCO bertanggungjawab mengenai agama ini, saya menganggap benda ini perkara yang sangat besar dan saya hendak selalu kita bertaubat kepada Allah SWT supaya apa yang kita lakukan ini adalah selari dengan kehendak Allah yang di praktik oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Kemudian juga, oleh itu hal mengenai tauliah ini Tuan Speaker, sangat penting dan sebab itu masalah tauliah ini kita tadi oleh sebab kita tadi berbagai-bagai *definition* maka kita dalam tauliah ini kita mengambil pendekatan dan menyelesaikan masalah itu *exsource*, *exsource* daripada sumbernya kita selesaikan masalah itu, *exsourceny* siapa yang nak mengajar di Negeri Selangor, apa pun bidang PHD, ke? *Masters* ke? *first degree* ke? Rabik Sanawi ke? dia mestilah ada tauliah. Memang ada pengecualian, pengecualian pun dengan kebenaran daripada Jawatankuasa tauliah, jadi..

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, boleh Bangi mencelah, Ha.. memanglah tauliah ini bagus, untuk pengawalan, tetapi kalau dilihat dari satu segi dia semacam sekatan pula untuk perkembangan agama Islam itu sendiri, macam kita bahaskan yang lepas, oleh sebab barang kali agak ketat sedikit tauliah yang dikeluarkan lebih kurang 900 yang kita perlu 2, 3 ribu, ini bererti menyekat dari segi aliran perkembangan dakwah islamiah itu sendiri, Bangi nak tahu dari segi operasi pengeluaran tauliah ini macam mana dia atau satu jawatankuasa yang diketuai oleh siapa?, macam mana periksanya, macam mana kelulusannya dan sebagainya.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker saya akan jawab kemudian lah, biar saya teruskan penerangan saya ini sedikit lagi, nanti kalau tidak hilang dia punya plot, hilanglah... minta maaf...

Jadi oleh sebab itu, Bangi pun ada menyebut tadi, dia punya *rational* kepada tauliah ni, *rational* kepada tauliah ini yang pertama sekali kita mesti ada sistem inventori, sekarang ini kita ada 977 sampai masanya nanti keperluan negeri Selangor ini kita hendakkan 2,300 orang. Alhamdulillah, anak-anak kita yang kita taja secara langsung dan tidak taja secara langsung yang berada di Mesir yang berada di Syiria yang berada di Jordan yang berada di UKM yang berada di KUIS yang berada di UIA, Insya-Allah anak-anak ini akan mengisi ruang-ruang tersebut. Alhamdulillah kita pun telah berbincang dengan KUIS misalnya untuk mereka mensupplykan juru-juru kuliah, juru-juru ceramah, yang akan masuk ke kampung-kampung ke desa-desa dan sebagainya, dan orang ini dilatih khas bila dilatih khas, salah satu latihannya itu mestilah apa juga apa yang nak di kuliah kan nanti, mestilah bertepatan dengan adat dan juga pelaksanaan Islam yang berjalan di negeri Selangor.

Kemudian saya nak menyebut, dan yang kedua boleh dilakukan dengan *data base* inilah yang sedang diusahakan teman-teman di JAIS, kita perlu ada *data base* kalau misalnya ada hal-hal yang ringan pun ada *data base* mengenai orang yang memberikan ceramah, kuliah agama, khutbah dan sebagainya *I thing all the more reasons* kita mesti mengadakan *data base* ini, *data base* yang *dinamik* untuk kita *capture* beberapa inti-inti data yang penting untuk kita menyalurkan perkembangan Agama Islam di Negeri Selangor ini.

Yang Ketiga ialah untuk mengelakkan ajaran sesat saya dah tak nak ulas lagi dan cukup lah itu,

Yang Ke empat ialah memudahkan pemantauan kita hal agama ini perlu dipantau, siapa pun yang memberi tauliah perlu dipantau maklumat agama ini perlu dipantau, apa yang dicakapkannya perlu dipantau sebab ada perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah, ada perkara-perkara yang berkaitan dengan syariah ada perkara-perkara yang berkaitan dengan akhlak dengan akhlak masih boleh lagi *negotiated*, you can be *negotiated* mengenai syari'ah tak boleh *negotiated*, mengenai akidah lagi tak boleh *negotiated* jadi sebab itu kita berhati-hati dalam hal ini kerana hendakkan ada ke *harmonium* dari segi akidah ada kemurnian dari segi syari'ah, kebaikan dari segi akidah dan kalau ini dapat disatukan dalam satu acuan saya rasa *Insyah-Allah* dan kita terbuka saya kenal beberapa teman-teman yang disebut-sebut Dr. Asri sendiri saya ingat mula-mula dia balik dari Jordan dulu sayalah yang mula-mula yang bersyarah di rumah dia di Pulau Pinang. Jadi saya tak ada apa, tak ada rasa tetapi dalam hal tak ada kawan dan sebagainya, jadi bila tentang peraturan dia mesti peraturan bila tentang, tentang enakmen dia mesti enakmen jadi maknanya inilah saya harap kita profesional saya harap teman-teman yang lain pun profesional dan kita profesional, dan saya harap JAIS pun apa yang JAIS lakukan dengan kadar *professionalism* kadar *professionalism* yang tinggi kalau ini dapat dibuat insyiah-Allah satu masa nanti tidak banyak kompelin tentang pengeluaran tauliah ini.

Kemudian ialah kursus-kursus lanjutan kita memerlukan kursus-kursus lanjutan kepada orang-orang yang dah hebat-hebat ini pun perlu dikursuskan, ilmu semua ini tak ada batasan sebagaimana yang mana Islam ilmu itu tak ada noktah, tidak ada noktah, dah dapat PhD, 10 PhD pun masih banyak lagi ruang-ruang yang patut digarap asalkan namanya adalah pengajian Islam, lepas itu kita hendakkan *feed-back* daripada masyarakat, saya sendiri dapat banyak *feed-back*, banyak *feed-back* daripada masyarakat orang itu ada *fed-back* orang ini ada *feed-back* yang positif, tetapi yang kita takut ini *feed-back* yang *negative feed-back-feed-back* yang merosakkan bahkan ada yang dilaporkan kepada saya oleh teman-teman daripada JAIS, dapat memorandum-memorandum ada tempat kawasan kecil sahaja Speaker dalamnya boleh satu kariah yang kecil satu dibuat di kondominium, satu dibuat di rumah orang, satu di surau di kawasan yang sama Apa ertinya, apa ertinya, apa ertinya dari segi penyatuan, apa ertinya dari segi kekitaan, apa ertinya kita nak membangun bersama-sama hendak membangunkan Selangor ini. Sebab itu saya memikirkan ya saya kena pergi pragmatik tentang perkara ini pada masa-masa yang sama, saya juga harus adil kepada teman-teman, adil kepada JAIS adil kepada MAIS adil kepada semua orang supaya apa yang kita lakukan ini memberikan keseimbangan, kepuasan kepada semua orang terutama yang berkaitan dengan hal-hal mengenai dengan tauliah ini. Kemudian kita ada peraturan-peraturan, kita kena ikut enakmen dia. Enakmen dia Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003. Kemudian itu kita ada pula yang dinamakan sebagai Peraturan-peraturan Tauliah Negeri Selangor 2008. Jadi enakmen ada enakmen ini dikembangkan lagi dipermudahkan lagi untuk mengetahuinya untuk memahaminya dipermudahkan dengan tatacaranya. Tatacaranya. Macam mana tatacara-tatacaranya ia ini terbayang dalam tatacara atau peraturan tauliah dalam negeri Selangor tahun 2008. Jadi apa yang saya nak sebutkan Tuan Speaker ya dalam hal, saya nak yakinkan kepada teman-teman pertama sekali kita ada peraturan dan untuk pengetahuan teman-teman Yang Berhormat semuanya peraturan ini berjalan seluruh Malaysia, seluruh Malaysia peraturan ini berjalan, hampir-hampir sama. Mungkin-mungkinlah ada perbezaan di hujung-hujung tetapi asasnya tentang tauliah ini sama sahaja kepada negeri-negeri di Malaysia. Jadi kalau.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ini mencelah lagi, kalau ada persamaan antara negeri-negeri semacam ada kerjasama adalah ini bermakna tauliah yang diberi di negeri lain diiktiraf di negeri Selangor. Kalau sedemikian, Dato' Asri, Mohamad Asri diiktiraf di Perlis mengapa tidak di iktiraf di Selangor.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih. Tiap-tiap negeri ada peraturan itu. Peraturan di Selangor menghendaki siapa saja yang nak beri ceramah di negeri Selangor, berkhotbah di negeri Selangor, mestilah dengan tauliah dan JAIS telah menulis kepada semua mufti pada tahun 2006, semua mufti dapat satu pekeliling daripada JAIS mengatakan mufti-mufti pun yang ingin memberikan ceramah di Selangor di peringkat mufti ketika itu pun diperlukan tauliah. Jadi sebab itu mungkin di tempat-tempat lain juga sama saya pun tak tahu, tapi yang saya tahu peraturan ini sama di negeri-negeri di Malaysia lebih kurang lah. Mungkin ada perbezaan-perbezaan yang sedikit itu, tapi intinya sama. Apa yang saya nak sebutkan di sini Tuan Speaker, pertama sekali ialah kita ada peraturan dan kita kena ikut peraturan itu. Kalau kita ada peraturan dan kita tak ikut peraturan itu nanti jadilah dia anarki. Sebab itu kita tak nak pentadbiran agama ini jadi anarki *state*. Sebab itu saya mengharapkan supaya teman-teman, saya tak *complain*, malah saya mengalu-alukan komen Yang Berhormat-Yang Berhormat. Ini bagus untuk kita, ini bagus untuk JAIS *maybe it's a wake up call* kepada kita dan sebagainya. Tetapi ya, tetapi kalau kita mengeluarkan pendapat-pendapat yang agaknya bertentangan dengan semangat enakmen itu sendiri, agaknya sukar bagi kita yang mentadbir negeri di negeri Selangor ini. Dan kita mentadbir negeri Selangor ini. Jadi setakat yang ada pada kita, itulah peraturan perlu dirujuk, itulah peraturan yang menjadi *dictionary* kepada kita yang kita mesti.....

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, dalam Enakmen Pentadbiran Agama Seksyen 121 menyatakan majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana peruntukan bahagian ini. Itu *full stop*. Kemudian, dalam peraturan tauliah Negeri Selangor 2008 bahagian 9 peraturan 22 pengecualian, jawatankuasa boleh melalui notis bertulis mengecualikan mana-mana orang yang berikut dari kehendak mendapat tauliah. A, saya sebut B Mufti-mufti Negeri dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri. Maknanya langkah pro aktif nya datang daripada JAIS bukan daripada Mufti ataupun Majlis Fatwa untuk membuat permohonan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Hulu Kelang ya. Perkara boleh di situ dalam bahasa Inggerisnya *may, may* ertinya boleh, dalam keadaan-keadaan tertentu kalau misalnya mereka mendapati perkara-perkara ini menjurus kepada tidak boleh Jawatankuasa boleh mengambil pendirian tidak boleh. Jadi sebab itu ini, ini kita pun kena bagi satu-satu *trust* kepada mana-mana jawatankuasa. Jawatankuasa yang itu, yang saya katakan ini tentang agama ini saya terlalu yakin ya, mufti pun dalam jawatankuasa itu, setiausaha MAIS yang juga merupakan Pengarah JAIS mempengerusikan jawatankuasa itu, dan kita tengok ahli-ahlinya pun terdiri daripada orang-orang yang kita boleh harapkan untuk memberi satu posisi, seperti LA kita, dan sebagainya menjadi ahlinya. Jadi perkara-perkara sebegini Tuan Speaker, saya fikir itu hak, itu hak jawatankuasa dan kita ialah kalau misalnya teman-teman yang minta katakanlah yang minta tauliah tetapi atas beberapa sebab menggunakan budi bicara, jawatankuasa tidak meluluskan, saya rasa tidak, tidak ada masalah jawatankuasa untuk mendengar. Dia orang datang, buat *appointment* datang, berjumpa dan mendapatkan apa sahaja sebabnya yang tidak diluluskan ha itu, itu saya rasa saya, saya ingin sendiri mencadangkan kepada JAIS supaya perkara-perkara ini *the reppour* ini.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, saya nak membahaskan dari segi logiklah, kalau kita sekat umpamanya Selangor, ia menyekat tauliah hanya untuk orang Selangor yang difikirkan sesuai untuk Selangor sepatutnya ia ada kerjasama antara negeri dan mengiktiraf antara satu sama lain dari segi memberi tauliah. Ok boleh disekat yang itu. Tetapi sekarang kita di zaman siber, zaman global dan sebagainya saluran-saluran seperti TV, internet dan sebagainya kita ikuti orang-orang yang sedemikian beri ceramah dan sebagainya, ini tak

boleh kita nak sekat. Jadi di mana *effektifness* nya yang kita sekat hanya untuk orang luar daripada Selangor sedang saluran-saluran lain terbuka luas. Jadi kena fikir juga dari segi kemunasabahan kita hanya nak sekat, sekat dari segi Selangor sahaja sedang kalau kita kahwin pun di Kedah kita iktiraf dia datang sini. Tak boleh umpamanya nak kena kahwin balik di Selangor. Tak juga. Jadi sepatutnya bersifat Malaysia lah juga dari segi hukum.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Lain itu soal kahwin ini.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat lima minit lagi ya ada lima minit lagi.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ya, Habis dah..

**TUAN SPEAKER:** Ada lima minit lagi.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Okey, okey yang kedua. Bahagian yang kedua ini saya dah habis yang ini dan bahagian yang kedua. Bahagian yang kedua tentang penangkapan Dr. Asri Zainal Abidin. Saya Tuan Speaker perkara ini sudah difailkan ke mahkamah sebab itu tidak cantik kalau saya nak menghurai perkara-perkara *content* tentang perkara itu. Tetapi saya hanya nak menyebutkan sebagaimana Bukit Antarabangsa menyebutkan penangkapan itu dilakukan dalam suasana *terrorist* gitu. Ini saya dah diberitahu dan diberikan taklimat dua tiga kali taklimat diberikan kepada saya. Mereka yang terlibat memberikan taklimat, Pengarah JAIS pun memberikan taklimat dan mereka yang berada *discene* itu pun memberikan taklimat. Nak katakan digunakan pendekatan *terrorist* dia orang menafikan perkara itu. Orang-orang ini, pegawai-pegawai penguatkuasa ini penolong-penolong pegawai penguatkuasa ini dan sebagainya telah diberikan kursus. Kursus mengenai *legalnya* sudah diberi, mengenai *approach* macam mana nak menangkap. Dengan lemah lembutnya, dengan berhemahnya dengan bermauidzahnya dengan menghormati orangnya dengan tidak boleh menyentuh sembarang sembarangnya semua sudah diberi tahu kursus demi kursus sudah diberitahu dan pada malam itu saya diberitahu bahawa perkara-perkara ini *has been observe by them by those involve* dengan izin. Jadi sebab itu kalau kita lihat pun punya baik Pengarah JAIS perkara ini sebenarnya telah dilaporkan sejak tahun 2006 lagi. Tapi pegawai-pegawai JAIS teruskan. Dia bagi ceramah, dia teruskan sampai habis ceramahnya. Selepas habis ceramahnya di bawa dia masuk ke bilik itu yang dilaporkan kepada saya dia di bawa masuk ke bilik. Di masuk di bilik di pagar oleh orang-orang di situ ada seratus orang lebih kurang yang ada di situ yang cuba nak *defence* yang cuba nak jadikan *bareralcate* kepada dia, untuk menyelamatkan dia dan sebagainya. Tapi ialah nak penyelamatan ketika itu tak ada benda nak diselamatkan. Pegawai-pegawai JAIS pun datang tak ada bawa gari, datang pun tak bawa senjata, tak bawa apa-apa pun hanya datang nak memberitahu bahawa penceramah menjalankan kerja-kerja ceramah dengan tanpa tauliah dan oleh sebab itu melanggar peraturan-peraturan yang dikatakan tadi Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 sebab itu diajak pada malam itu ke balai polis. Itu saja. Tapi tak salah saya pujukan-pujukan itu tak dapat jalan, tak berjalan pun pujukan itu hingga pukul dua belas lebihlah saya diberitahulah. Akhirnya terpaksa dipanggil anggota polis. Kenapa anggota polis dalam dua puluh orang begitu ramai orang sedikit anggota polisnya. Pasal yang ada itu seratus orang. Jadi polis ini biasanya memandang ke hadapan apa jadi kalau berlaku misalnya ada satu mop begitu, jadi keadaan polis sudah bersedia begitu. Tapi apa yang diberitahu saya sama ada perkataan, sama ada perbuatan menyentuh tubuh dan sebagainya tidak berlaku dalam suasana *terrorist* dan Hulu Klang menyebutkan dia kata bukan dalam keadaan *terrorist*, tapi dalam keadaan macam di *criminal, diconvict* tidak berlaku sebenarnya, mereka telah menggunakan segala yang patuh, segala yang adil bagi seorang yang kedudukannya seperti beliau seperti Dr. Asri itu dan dalam suasana yang, yang itu akhirnya mereka bersetuju dan mereka pun pergi ke

balai polis untuk dilaporkan malam itu dan besok paginya pada dua hari bulan itu tak silap saya dia dibawa ke mahkamah dan diberikan bon JAIS, JAIS pun bon begitu. Jadi perkara ini sudah didaftarkan di ke dalam mahkamah semalam dan perkara ini akan mulakan di mahkamah pada 18 hari bulan yang akan datang ini. Jadi saya mengharapkan apa pun dalam suasana ini saya mengharapkan sebagai orang yang diamanahkan bertanggung jawab saya bersedialah untuk memberikan penerang-penerangan lanjut kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan sebagainya siapa juga yang nak menanya tentang ini saya akan minta Pengarah JAIS barang kali kalau dapat hadir, Dato' Mufti dan sebagainya untuk kita jelas apa yang kita buat ini mesti jelas. Dalam kejelasan inilah diharapkan saya dan teman-teman yang mengurus hal-hal ehwal agama di negeri Selangor ini dapat berjalan dengan baik. Satu lagi yang nak saya sebutkan, sedikit saja lagi ya, dalam satu minit saja.

**TUAN SPEAKER:** Dua minit. Tambahan dua minit.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya nak menyebutkan dia katakan ada tangan-tangan ghaib dan saya nak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini. Tidak ada tangan ghaib, tidak ada tangan ghaib daripada istana, tidak ada tangan ghaib daripada Pejabat Menteri Besar, tidak ada tangan ghaib daripada Pejabat EXCO yang ada tangan ghaibnya ialah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 dan Peraturan Tauliah Negeri Selangor Tahun 2008. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Teruskan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker, rakan-rakan Yang Berhormat. Pertama saya hendak mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang masih bersidang terutama Yang Berhormat dari Kuala Kubu Baharu kerana mewakili rakan-rakan di sebelah sana, dan saya ingat Pelabuhan Klang tak semestinya hadir. Jadi saya nak ingatkan bahawa kalau itu *standard* yang saudara ukur, kita setuju tentang tabiat dan taraf orang yang saudara anggap sebagai rakan.

Kedua, sebelum saya mulakan penggulungan ini saya hendak buat beberapa kenyataan yang disuarakan oleh Sri Serdang dalam ucapan membahaskan bajet 2010. Saya nyatakan kenyataan ini sebab ia sangat penting. Kata Sri Serdang: Bajet 2010 dikemukakan dalam keadaan rakyat keseluruhannya sangsi dengan kebolehan Dato' Menteri Besar. Ia bertolak dengan kegagalan beliau membayar kemudahan pinjaman Islam, pinjaman bank Islam, kita betulkan berjumlah US6.6 juta atau pun RM18.5 juta yang dibuat pada tahun 1998 bagi tujuan pembelian saham Kumpulan Guthrie Berhad. Ini adalah pembelian *option* RM200 juta saham atau 20% daripada Kumpulan Guthrie. Ini membuktikan Dato' Menteri Besar tidak hemat dan gagal menguruskan kewangan sendiri...

Saya hendak memberitahu Dewan bahawa kenyataan itu tidak benar. Saya baru-baru ini menang kes itu yang membolehkan saya menyaman Bank Islam bukan Bank Islam menyaman saya. Saya yang menyaman Bank Islam. Bererti, mahkamah membenarkan pembicaraan supaya menyaman Bank Islam dan saman saya melebihi RM67 juta, jauh melebihi RM60 juta yang dituntut oleh Bank Islam. Itu kenyataan yang tidak diberikan oleh Sri Serdang. Jadi kenyataan ini saya rasa walaupun beliau menggunakan hak kebebasan dalam Dewan, saya berpendapat dia harus meminta maaf kepada saya dan rakan-rakan di Dewan ini, kerana: pertama kenyataan yang tidak benar. Kedua, mencerca rakan Ahli Dewan dan pertama saya minta Seri Serdang untuk meminta maaf terhadap kenyataannya dan saya beri tempoh hingga Isnin. Kalau tidak, saya hendak membawa usul supaya Seri Serdang dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebenaran mengikut Peraturan Tetap 70 dan oleh sebab rakan kita Yang Berhormat

dari Kuala Kubu Bharu ada sini, dengan itu saya hendak mengingatkan rakan kita daripada Seri Serdang. Saya harap beliau hapuskan tabiat yang tidak sesuai ini.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Boleh saya celah sikit.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Ya, terima kasih Tuan Speaker, saya rasa kalau nak saman bukan dari Sri Serdang lagi saya rasa artikel ini pernah di paparkan di satu majalah dipanggil "*The Age Financial Daily*" daripada 23hb. April. Maklumat itu daripada "*The Age*" so kalau nak saman kena saman "*The Age*" sekalilah.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Kalau saudara baca itu, maknanya saudara masih lagi belum membaca keseluruhannya. "*The Age*" pada 29hb, saudara berhak untuk mengkaji sepenuhnya dan terpulang kepada Seri Serdang. Jadi jawapannya, setelah membaca "*The Age*" tidak bermakna saudara boleh mencerca orang lain. Tak boleh...Jadi saya nak ingatkan ini. Saya harap perkara ini, Tuan Speaker, kita dapat ingatkan dan supaya perkara ini dibincangkan dalam Dewan seterusnya.

Kedua saya berterima kasih kepada rakan-rakan yang menyertai perbincangan di Dewan ini dan termasuk mereka daripada kumpulan Barisan Nasional, dan supaya perbincangan ini dapat meringkaskan masa, saya ingin tumpukan pada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pihak pembangkang dan sedikit sahaja kepada yang daripada kumpulan Pakatan Rakyat. Kerana saya rasa kita hendak mengadakan perjumpaan dengan semua ahli Pakatan Rakyat supaya kita dapat berbincang dan berbahas bukan hanya berbahas tetapi kerana untuk menyelesaikan perkara-perkara supaya kita dapat "*move forward*" bukan "*move backward*" untuk mencari cara-cara penyelesaian yang boleh kita lakukan.

Dalam kenyataan-kenyataan ini terdapat beberapa kenyataan daripada Barisan Nasional yang menunjukkan mereka masih kurang faham mengapa hutang mesti dikutip. Mereka masih kurang faham. Boleh jadi mereka memang tak nak kutip hutang oleh sebab mereka juga ada hutang di tempat lain. Oleh sebab itu soalnya tidak mengambil kira bahawa hutang itu hanya boleh dikutip apabila kita dapat menentukan ini hutangnya. Selalu, yang berlaku apabila orang ada hutang tetapi berbahasannya saya tidak tahu yang sebenarnya itu hutang saya. Sebab itu kita tentukan hutang. Tapi dalam bahasa yang kita selalu katakan dalam industri maknanya kita "*crystallised the debt*" "*is crystallised*". Maknanya dijadikan macam permata. Maknanya boleh kita ukur, angkat dan oleh sebab itulah apabila kita bincang di Dewan ini kita "*crystallised the debt*" supaya hutang itu dapat ditentukan untuk "*crystallised the debt*" bukan kita sahaja yang memberi hutang itu. Misalnya, "saudara hutang dengan saya RM10 juta" lepas tu orang yang sana dia diam sahaja, bukan RM10 juta, RM1.00". Maknanya "*you cannot crystallise*". Jawapannya, kalau saya kata saudara hutang dengan saya RM10 juta, dia jawab ya, saya hutang dengan saudara RM10 juta. Barulah dikatakan itu hutang yang nyata. Itu yang kita sudah buat. Ini yang dibuat oleh kerajaan sekarang. Kita buat ada orang yang memberi hutang; orang yang mengatakan terhutang; orang yang menerima hutang pun menandatangani; itu yang disebut perjanjian.

Oleh sebab ada perjanjian tersebut, yang RM392 juta tersebut barulah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor, supaya menjadi hak hutang yang boleh dikutip oleh rakyat. Dikutip hak rakyat sekarang RM392 juta dan RM392 itu untuk menentukan Dewan ini juga ada hubungannya dengan hutang ini supaya hutang ini tidak kita lupakan, diluluskan oleh Dewan ini untuk sebagai hutang negeri yang diserahkan kepada MBI untuk dikutip. Jadi tujuannya



sekarang Dewan ini mempunyai hak terhadap cara hutang itu dikutip. Saya ingat Kuala Kubu Baharu, Yang Berhormat sudah tentu tidak hendak menolak RM390 juta. Kalau kita beri kerana dapat RM390 juta, RM1 juta untuk pembangunan di Kuala Kubu Baharu saudara sudah tunjuk tanda, satu perkara yang sangat bagus. Jadi itu yang kita lakukan bukan kerana apa, ini suatu pembaharuan. Tak pernah terfikir dalam Barisan Nasional untuk buat ini. Tak pernah dan kita lakukannya. Tepuk....

Kedua, saya dapati perkataan RM50 bilion ini agak terperanjat untuk negeri Selangor bercakap pasal RM50 bilion, Rangsangan disebut sebagai Rangsangan Ekonomi sehinggakan Seri Serdang mengatakan; "wah RM50 bilion ini satu angka sehinggakan kita mimpi di siang hari. Saya tidak mimpi, saya pernah mengurus lebih RM50 bilion di PNB, dan sekarang RM100 bilion. Saya bukan mimpi: orang ini yang saudara nampak, tidak bermimpi. Tak mimpi, ini bukan mimpi. Dia boleh jadi tepuk muka baru tahu mimpi. Saya tidak mimpi. Ini perkara benar. Ini perkara yang kita nak lakukan. Sebab itu kita ada rangsangan sebab kita nak berdikari. Selangor mesti berdikari. Itu sebab kita buat konsep rangsangan ini dan kita sudah tunjukkan bahawa untuk membuat konsep rangsangan ini kita mesti buat persediaan. Rangsangan ini perlukan wang. Kita perlukan dana. Kita perlukan kepakaran. Kita perlukan semua... Sudah kita rancang dan ini yang kita hendak lakukan. Oleh sebab itu kita mula memikirkan siapa yang boleh menolong kita memikirkan perkara ini selain orang *business* yang memberikan *proposal* kepada kita.

*Proposal* untuk sungai sahaja yang kita buat sudah ada 36 *proposal*. Ada 11 sudah kata, kalau beri dia, dia hendak buat. Tetapi kita tidak nak cakap begitu sahaja kalau cakap begitu sahaja boleh jadi kita mesti faham kita mungkin tak ada kepakaran dalam ini semua. Itu sebab kita tubuhkan Panel Ekonomi Penasihat untuk menasihati kita. Antara mereka yang kita sudah mula jemput, antara namanya yang saya boleh sebutkan kerana mereka ini kita kenal: Tan Sri Yong Poh Kong, *Managing Director* Royal Selangor International. Kita kenal kalau beli *pewter*, kenal dia dan Datuk Mohd. Arif, *Excecutive Director Malaysian Institute Of Economic Research*. Tan Sri Revant Ramaratnam, *Policy Study* dan pernah bekerja di Perbendaharaan. Datuk Paolo Seng Kuan sekarang agak ternama sedikit sebab Transparency PKLZ tu tetapi orang lain boleh kita kenal. Dan Dr. Siah Mee Leng, Prof. di Universiti Malaya mengenai *social study*. Barjoyai Bardai, *Investment Annalist* yang mempunyai keupayaan dan pernah dapat ijazah daripa Harvard dan Tan Sri Clifford Harvert Secretary General Ministry of Finance. Datuk Zainal Putih, Akauntan Bertauliah *Managing Partner* dan seterusnya.

Jadi saudara perhatikan, bukan jadi *stem* tapi kita mula berfikir oleh sebab Menteri Besar juga mesti mendapat sokongan bukan sahaja daripada pentadbiran warga kerja tetapi juga daripada pemikiran tersebut. Maka kita juga mencadangkan menggunakan kekuatan kita ini supaya mereka juga dapat menilai bagaimana merangsangkan ekonomi yang kita buat. Oleh sebab itu kita juga berbincang adakah lain yang boleh mempengaruhi kumpulan ini dan juga jadi penasihat kepada negeri Selangor? Lalu, saya berbincang dengan rakan-rakan.. Dengan ini, saya juga mengumumkan pelantikan Dato' Seri Anwar sebagai Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pelaburan. Saya percaya beliau dapat membantu saya dan Kerajaan meneruskan agenda pembangunan demi kesejahteraan rakyat Selangor.

Dato' Seri Anwar Ibrahim sudah bersetuju menerima pelantikan dengan elaun tetap satu ringgit satu bulan. Lebih tinggi kita boleh lebih rendah kita bincangkan lagi. Jadi satu ringgit satu bulan. Dengan tujuan itu kita dapat dia sendiri dengan orang-orang ini dapat kita kumpulkan supaya ada kekuatan dalam. Apa yang kita lakukan kerana Dato' Seri Anwar mempunyai pengalaman, pernah menjadi Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri, sekarang menjadi

juga Pengarah satu pelaburan yang sangat besar di dunia, di Amerika dan Penasihat sebuah Bank Islam yang terkemuka Al-Barakah, dan Penasihat sebuah negeri di Eropah. Malaysia tak gunakan dia. Di sana dia dibayar, di Selangor juga dia dibayar dengan harga satu ringgit satu bulan. Itu sahaja.

Tetapi dalam usaha ini saya juga ingin menggunakan kepakaran dia dalam belanjawan yang kita katakan dalam bajet 2010 yang kita kata. Saya telah menyatakan tentang menggunakan kekuatan prasarana kita ini dalam segi menubuhkan apa yang dipanggil kekuatan perkhidmatan dalam perbankan, perbankan dan kita tumpukan perbankan Islam. Jadi kita kata kita ada mempunyai keupayaan itu. Shah Alam ini mempunyai keupayaan supaya dapat memberi perkhidmatan bagaimana bank dapat diuruskan, bagaimana modal dapat dinaikkan secara Islam dan seterusnya. Jadi Saudara Anwar Ibrahim kita boleh gunakan itu dan saya telah berbisik dengan Dato' Hassan, kata Dato' Hassan menggunakan rakan-rakan yang pernah membawa Bank Islam dulu untuk kita kumpulkan supaya kita jadikan Negeri Selangor ini *the center for Islamic Banking in this part of the world* jadi itu yang kita nak buat dan kita mempunyai keupayaan untuk buat itu. Jadi kita akan kumpulkan dan ini kita juga menunjukkan bukan sahaja kita boleh membuat pelaburan dan kita pula mengumpulkan pelaburan dan menguruskan pelaburan tersebut. Ini adalah satu usaha dalam pembangunan Negeri Selangor. Iaitu kita dah mula ke peringkat pelaksanaan bukan lagi ke peringkat perancangan. Jadi oleh kerana Kuala Kubu yang tinggal seorang saya nak ingatkan Kuala Kubu dalam masa 20 bulan bukan masa 20 tahun. Dalam masa 20 bulan kita sudah membuat perancangan dan mula 2010 kita buat pelaksanaan. Baru kita keluarkan macam mana kita buat pelaksanaan. Bagaimana kita tubuhkan pasukan untuk buat pelaksanaan. Jadi dulu makan masa 18 bulan nak cari pejabat pun saya sesat tengok sana sini, sekarang kita dah buat dalam masa itu dan bagaimana kita dapat rangkakan perkara ini. Jadi untuk itu saya berharap Dewan dapat menerima kenyataan ini supaya kita membuat satu *step* baru supaya Ahli-ahli Dewan akan bersama-sama. Sekarang kita boleh buat bukan sahaja *mess* yang kita lakukan tapi Ahli-ahli Dewan *is investment adviser* kita semua. Penasihat untuk bersalam-salam dengan pelabur-pelabur luar negeri boleh jadi ada yang boleh cakap Arab, boleh jadi cakap cina dan seterusnya supaya menjadikan Shah Alam negeri Selangor ini *centre for what it call investment activities*. *The centre* jadi maknanya sekarang kita mula sampai ke peringkat yang kedua. Untuk itu banyak yang mempersoalkan tentang sama ada kita boleh lakukan atau pun tidak.

Saya dalam Dewan yang lepas ramai yang membangkitkan keupayaan dan sokongan yang diberi kepada Pejabat EXCO itu sebab Seri Serdang mengatakan KPI tak cukup, apa tak cukup, Jadi sebelum kita buat KPI kita mesti sediakan pejabat dan sokongan yang lengkap baru kita boleh dapat mengukur keupayaan. Kalau tidak suruh orang pergi membuat melompat 7 kaki tapi dia punya keupayaan tak ada, sokongannya tak ada macam mana dia. Oleh sebab itu saya ingin memberi tahu Dewan bahawa white and Co. dan juga Jabatan Sumber di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah membuat kajian. Semua EXCO sekarang tahun depan mulai 1hb satu dilengkapi oleh Pegawai-pegawai yang mana ia akan menyokong usaha-usaha ini. Jadi kita dah mula, jadi kita *is now back really to work there is no excuse. Tak ada lagi*. Jadi *sekarang* kita telah mula membuat rangka dan kajiannya ada oleh sebab ketelusan Ahli-ahli Dewan yang ingin melihat kajian itu pun boleh kita kajian itu tebal untuk mengkaji *men hours*, pekerjaan dan seterusnya dan ini akan kita turunkan juga kepada Ahli-ahli Dewan Undangan, lepas itu Pegawai-pegawai Kerajaan menjadikan satu *team* yang kuat untuk sekarang menjana kekuatan rangsangan ekonomi. Jadi *the frame work* itu yang kita nak lengkapkan.

Saya juga ingin menyentuh sedikit seperti yang dikatakan oleh Batu Tiga tentang air percuma terutama rakan-rakan daripada Pembangkang. Jadi saya tidak minta Kuala Kubu tetapi kalau mereka ini rakan-rakannya tidak berminat dengan air percuma saya boleh tulis surat kepada

Kuang, Paya Jaras dan supaya dia memberikan saya nama-nama. Nama-nama mereka yang tidak lagi ingin air percuma supaya kita dapat sedekahkan balik kepada rakyat yang lain. Jadi air percuma ini nampaknya *politely correct* dan *economically ok* tetapi boleh jadi dia cemburu. Ini kita tidak boleh biarkan dia selalu cakap sahaja lepas itu apabila beri air saya tak nampak nama Seri Serdang menolak air percuma. Saya tak nampak Subang tolak. Dalam rekod tu dia ada nama dan kalau saya dapat nombor IC sahaja saya boleh tengok sama ada dia menerima air percuma atau tidak. Tetapi oleh sebab ramai orang menerima, ramai, tak ada orang yang tak terima. Oleh itu kalau orang yang tak terima tu saya ada namanya... tapi tak ada nama yang dalam Dewan ini yang tidak menerimanya. Oleh itu, ini satu kempen yang mesti kita lakukan.

Sekarang, mengenai pasir yang dinyatakan. Saya rasa ada beberapa persoalan yang masih belum dapat kita selesaikan. Oleh sebab itu saya meminta kajian keseluruhan dibuat, sudah dibuat sekarang untuk *the whole industry* supaya kita memahami industri ini dan saya sendiri hendak campur dalam hal ini supaya saya dapat menentukan terlalu banyak persoalan yang dikemukakan. Jadi industri ini, tujuan industri ini supaya walaupun kita dapat pendapatan kita juga menjaga persekitaran. Saya tengok angka-angka tidak merugikan kita tetapi saya juga tahu angka-angka ini tidak memberi peluang kepada orang lain yang dahulu dapat. Bermakna, angka-angka ini kalau dahulu negeri dapat kutip 4 juta sekarang kita kutip 7 juta. Bererti 3 juta tu dahulu yang biasa 3 juta tu pergi ke poket-poket mereka sekarang sudah masuk ke dalam poket negeri.

Kedua, keuntungan daripada Kumpulan Semesta itu bukan pergi kepada orang lain tetapi pergi kepada kita. Maknanya sekarang saya tunjukkan Kumpulan Semesta boleh bayar dividen masuk dalam *consolidated fund* dan boleh kita serahkan kepada rakyat negeri Selangor. Dan untuk angka yang diberitahu sekarang sudah dikumpulkan hampir 20 juta untungnya. Jadi 20 juta + 7 + 7 14 jadi 44 juta. Tak cukuplah 150 juta yang kita jangkakan. Itu saya hendak siapkan satu kertas kerja apa yang menyebabkan perkara tersebut. Antara sebabnya, pasir yang saya katakan itu bukan sahaja pasir daripada pasir lombong dan pasir sungai. *The term* pasir juga daripada kuari, kuari tu pula ada pasir. Pasir itu pun boleh dijual dan pendapatan itu tidak dimasukkan ke dalam pasir. Jadi, hendak dibuat kajian supaya kita dapat cara yang terbaik untuknya.

Mengenai pihak berkuasa tempatan, saya berterima kasih kepada Pandamaran kerana sabar mendengarnya tetapi saya juga hendak turun padang bersama Pandamaran untuk mengkaji memperbetulkan masalah ini. Ini masalah yang saya ingat masalahnya senang umpama sampah dan longkang. Tapi nampaknya tak selesai sampah masih banyak, longkang masih tersumbat. Jadi bagaimana kita hendak selesaikan perkara ini dan kita pula buat dua konsep. Satu konsep bersih satu konsep selamat. Perkataannya senang tapi pelaksanaannya sangat sukar. Begitulah kita punya KPI bagaimana kita hendak selesaikan. Saya juga membaca beberapa kenyataan yang dibuat oleh Kota Shah Alam. Saya simpati tentang kenyataan Kota Alam Shah. Saya simpati. Tetapi kita ada hadnya daripada segi pengurusan, jumlah wang yang kita ada dengan jumlah pengagihan yang kita kena buat. Maknanya, bukanlah satu perkara yang kita boleh ambil. Kita guna dahulu duit kemudian bincang. Sebab cara pengurusan negeri dia mesti dapat duit dahulu, baru boleh kita gunakan. Kalau terhutang jawapannya kita boleh tanya; bolehkah kita berhutang? Jawapannya boleh tetapi mesti dapat kelulusan daripada Perbendaharaan. Jadi kalau nak dapat daripada Perbendaharaan oleh sebab kita daripada Pakatan Rakyat, maka lebih baik kita tidak berhutang. Inilah cadangannya dan lagi timbul beberapa perkara yang dapat kita selesaikan.

Bagaimanapun, saya berharap usaha yang kita lakukan boleh membuat beberapa usaha supaya kita dapat berjumpa semua ahli Dewan. Sekurang-kurangnya kalau tak ada dewan ini

pun sekurang-kurangnya sebulan sekali EXCO dapat menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara-perkara yang dilakukan. Boleh jadi kita banyak kerja komunikasi kita tidak telus jadi kita adakan usaha supaya kita dapat mengadakan perbincangan bagaimana perkara-perkara ini dapat dilakukan. Tetapi untuk menyelesaikan permintaan 50 tahun diselesaikan dalam 20 bulan saya tak tau ini pun kita *among the best used of fund*. Maknanya *the best use of fund* kalau rakan kita daripada Seri Andalas minta banyak, Menteri Besar cakap tidak ada. Tak perlu. Jadi itu *the best used of the fund say no to what ever the request*. Maknanya bukan senang sebab kita kena jaga kumpulan wang itu. Saya tahu ia *sensitive* tetapi kita membawa satu zaman baharu dalam politik Malaysia. *We are together*. Bukan *we are one, but we are together, we are together because we want to share, share with everybody*. Maka, cara penswastaaan itu kita tidak tinggalkan orang yang perlu ditolong, kita tidak tinggalkan. Tetapi kita tidak asingkan mereka yang paling penting dalam konsep yang kita lakukan. Jadi saya berharap kita tidak asingkan. Bagaimanapun, ada permintaan pengasingan oleh sebab kita hendak menyokong kekuatan *Hayward* sebagaimana yang dikatakan oleh Bukit Antarabangsa. Tetapi kekuatan itu kerana masih lagi kita guna tenaga itu tidak kita gunakan sepenuhnya sebagai orang yang belajar ekonomi maknanya guna tenaga *Hayward* itu masih lagi boleh kita pertingkatkan. Jadi dengan cara itu ekonomi kita boleh bertambah rancak hasil mereka dan kajian menunjukkan apabila *Hayward* mempunyai pendapatan yang meningkat perbelanjaan mereka juga sangat tinggi. Oleh sebab itulah ekonomi *multi player* nya agak lebih rancak daripada *multi player* kaum-kaum bukan *Hayward*. Sebab kita umpama beli baju. Ada baju tengok boleh pakai..pakai itu sahaja tidak ada warna, tidak ada *style* tidak ada apa. Oleh sebab itulah bukan saya *in the lighter mood* tetapi *some of the simple logic and how they secondly if you didn't utilized 50% of our manpower properly that's means you are not utilizing the apa tu..the strength of our economy*. Oleh sebab itulah. Tetapi untuk saya di rumah saya *only the male has only got two votes, the female got four votes so that's a..tha's a...I don't know that's a sad story or night story and that's...*

Dengan yang demikian,saya rasa belanjawan kali ini dibuat 2 peringkat. Peringkat yang pertama kita beri RM1.3 bilion (satu ribu juta perpuluhan tiga). Kalau ada pendapatan yang dapat semasa kita mengambil pendapatan dan kita hendak rancang perbelanjaan, maka sebab itulah kita buat pendapatan lepas itu kita perlu *justify the click*. Maknanya, baru kita buat. Maknanya kita masih.. tapi yang dikatakan kita mesti *make a forecast*. *Forecast* mesti betul seratus peratus. Kita boleh *forecast*. Tak habis kita belanjakan sampai habis. Itu bukan. *The basis of budgeting is* bukan menyelesaikan macam itu. *That is traditional budgeting*. Dalam 25 tahun dahulu apabila kita belajar tentang rancangan untuk belanjawan itu maknanya itu sebab kadang-kadang sampai hujung tahun semua orang kena belanja sebab dia terpaksa. Kalau tidak tak dapat buat lagi. Kita tidak. *Now we moved wait the resources jadi budget..* sebab apa ..kita boleh *reconsult*. Maknanya kita boleh tentukan angka to *everyday* sebab *the technology communication of processing is* cepat tak macam dahulu. Masa dahulu saya buat akaun lama sebab kita pakai *book* sekarang *the whole system is in the computer excel that's mean everyday you can get your balance*. Sebab itulah, kita tidak perlu mengikut cara lama kerana apabila dia bincang, oh *you missed the forecast*. Ia satu perkara yang menakutkan. Maknanya yang menakutkan kerana dia belum sampai ke peringkat *frontier knowledge*. Itu menakutkan sebab dia kita takut masih lagi *in that level*. *That's means* orang yang berlari masih lagi 15 saat bukan 9.8 *that's how it is*. *We have to think forward..forward* itu yang membuat Selangor ini *is forward* bukan *backward*. Oleh sebab itulah saya hendak nyatakan kita mesti menerima hakikat bahawa tiap-tiap kali kita berjumpa di dewan kita hendak soalkan perbelanjaan dan penggunaan. Adakah lagi yang kita buat? Bermakna, perbelanjaan tambahan itu *is a revolving exercise revolving..revolving* sebab kita tahu kita boleh *justify* penggunaannya. Jadi saya rasa ini yang banyak dibangkitkan oleh rakan-rakan dan ada dua tiga perkara teknikal yang saya ingin sentuh iaitu mengenai perkara kenapa kita lambat buat kutipan hasil..haa itu. Jawapannya

adalah keputusan kita.... Jawabannya adalah keputusan kita. Apabila kita setuju untuk tanah diberi premium... diberi ataupun ditukar milik kita juga ada membuat persetujuan bahawa kutipan itu boleh dibuat dalam masa 18 bulan ataupun 24 bulan. Maknanya siapakah yang hendak membayar cepat..boleh membayar sampai 18 bulan ataupun 24 bulan. Saya tak tahu hanya orang yang tak kira duit yang hendak membayar cepat. Oleh sebab itu keputusan yang kita buat pada 2008 hanya selesai pada 2011 ataupun 2010.

Itu sebab sekarang kita menggunakan keputusan-keputusan yang dua tahun lepas. Satu tahun yang lepas. Tetapi jawapan untuk ini kita hendak mengkaji semula supaya boleh kita cecutkan pembayaran tersebut dalam undang-undang dia hadkan tidak kurang 3 bulan. Itu jawabannya. Mengapa kita tidak mahukan pada tahun lepas sebab kalau kita buat perubahan pada tahun lepas semasa ekonomi kita dalam keadaan jatuh. Tetapi, bukan itu masanya untuk mempercepat orang membayar kerana dia pun tidak cukup wang. Maka, kalau ekonomi kita rancak boleh jadi dalam masa 3<sup>rd</sup> quarter, suku tahun yang ketiga baru kita boleh fikirkan bagaimana kita boleh mempercepat perkara tersebut. Jadi ada *technical reason for this*. Maknanya orang yang bercakap tu dia tengok secara literal tetapi ada *technical reason for that*. Oleh sebab itu kita boleh setuju tentang jawapan supaya maknanya sebagai contoh bayaran premium dikutip secara berkanun melalui borang 5A dan 7G. Tempoh kuat kuasa 5A selama 18 bulan, manakala 7G, 24 bulan. Kita yang buat ini. Maknanya, dia tidak mahu bayar dia tunggu sehingga 24 bulan. Makna, kalau itu kita lakukan kita kena ubah tempoh, ubah tempoh itu is not kita boleh ubah terus sahaja. Ini tak boleh, kita kena tunggu dalam keadaan ekonomi yang rancak orang boleh jadi *is politically in correct to do it at different time*. Maka, saya nak nyatakan mengapa ia *economically is correct politically could be in correct* . Itu saya nak ingatkan saudara-saudara. Jadi...oh jadi saya rasa ada pentingnya juga kita memikirkan apa lagi rancangan kebajikan yang boleh kita fikir dalam keadaan kita selari dengan Kerajaan Persekutuan.

Saya ada menulis surat kepada EPU (Unit Perancang Ekonomi) supaya membenarkan kita menengok rekod semua data di kampung yang di kumpul dalam satu sistem supaya dia dapat mengetahui ketua kampung yang semuanya sekarang tidak lagi dibenarkan. Oleh sebab itu saya hendak menggunakannya untuk membuat soalan di Parlimen..di Parlimen baru-baru ini dan mendapat jawapan bertulis... sebab nama saya tidak naik cepat... dan saya hendak berbincang dengan EXCO dan Ahli-ahli Dewan apabila kita sudah selesai untuk kita sama-sama menggunakan *database* ini sebagai alat yang serupa untuk kita merancang ekonomi dan menjaga kebajikan negeri Selangor supaya kita tidak dapat apa yang disebut *conflict of used* sebab wang kita adalah terhad .

Oleh itu, Tuan Speaker, pertama sekali lagi saya mengucapkan terima kasih pada rakan-rakan dari Bukit Antarabangsa, dari Sekinchan, dari Bangi, dari Meru, dari Kampung Tengku, Rawang, Lembah Jaya, Batu Caves, Hulu Kelang, Teratai, Kota Alam Shah, dan saudara Kuala Kubu Bharu yang dah balik dan Subang Jaya, Sri Muda, Sungai Burong, Damansara Utama, Sijangkang dan Kota Damansara yang sempat kita bersama-sama menyertai perbahasan mengenai belanjawan kita. Ia bermakna, usaha dan pandangan saudara-saudara semua, Yang Berhormat semua sangat kita hargai. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa rang undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya,

**SEMUA AHLI-AHLI DEWAN:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan ini Dewan ini ditangguhkan sehingga hari Isnin, 16 November 2009 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang )**